Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali mendapat pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar sehingga tahun 1986. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dan lulus Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian Kelas Kedua Atas) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun berikutnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah dengan Kepujian Kelas Pertama dari universiti yang sama. Beliau telah diterima menjadi peguam dan mendaftar sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1995. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Jordan dan pada tahun 2000, beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam Badan Kehakiman Islam. Sejak itu, beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Antara mata pelajaran yang diajarinya termasuklah Hukum Pewarisan Islam, Jurisprudens Islam dan Undang-undang Jenayah Islam. Beliau telah menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Bank sejak tahun 2005.

## **PROF. MADYA DR MOHAMAD SABRI HARON**

Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron adalah seorang pensyarah di Pusat Pengajian Am, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Fellow Kanan Bersekutu

Institut Pengajian Asia Barat. Beliau memperoleh Diploma Pengajian Islam daripada Kolej Sultan Zainal Abidin pada tahun 1985 dan seterusnya Sarjana Muda Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1988. Beliau berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1993. Beliau berjaya memperoleh Ph.D. dalam bidang Undang-undang Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) daripada Universiti Jordan pada tahun 1998. Beliau telah menyertai Bank sejak bulan Disember 2003. Bidang kepakarannya menjurus kepada Ekonomi Islam dan Tamadun Islam. Beliau juga telah dipinjamkan kepada Suruhanjaya Sekuriti sebagai Pengurus Kanan dalam Pasaran Modal Islam bermula dari 1 Jun 2009 hingga 31 Mei 2010.

## **DR AB HALIM MUHAMMAD**

Dr. Ab. Halim Muhammad memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 1972 dan menamatkan pengajian Ph.D. dalam bidang Syariah di University of St. Andrew, Scotland pada tahun 1977. Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah dan menjadi Ketua Jabatan Quran & Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara mata pelajaran yang diajarinya ialah Jurisprudens Islam (Muamalat, Perbankan Islam & Kewangan Islam serta Takaful), Prinsip Jurisprudens Islam dan Undang-undang Jenayah Islam. Walau bagaimanapun, kini beliau telah bersara sebagai pensyarah. Beliau pernah menjadi Pengerusi pertama Jawatankuasa Syariah BMMB sebelum menyertai Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan, Bank Negara Malaysia pada tahun 2004. Pada masa ini, beliau ialah pensyarah bersara dan juga ahli Jawatankuasa Syariah, Suruhanjaya Sekuriti. Beliau telah dilantik semula sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Bank sejak 30 November 2009.

## **DR ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri adalah seorang ulama di Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sek. Men. Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Terengganu dan melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana

Muda di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi sebelum memasuki Universiti Ilmu-Ilmu Islam Dan Arab, Syria untuk menamatkan Ijazah Sarjananya. Beliau berjaya memperoleh PhD di USM, Pulau Pinang pada tahun 2004. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia daripada tahun 2006-2009. Beliau kini lebih menumpukan perhatian pada penulisan dan telah menulis banyak buku tentang Fatwa, Undang-undang Islam dan Jurisprudens Islam. Beliau mempunyai Berpengalaman dalam Perbankan Islam kerana beliau merupakan mantan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Pertanian Malaysia sebelum menyertai Bank pada 1 April 2011. Beliau juga merupakan seorang pakar dan mampu memberikan fatwa, kerana beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah di Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia (INFAD) di USIM.

## **DR WAN MARHAINI WAN AHMAD**

Dr Wan Marhaini Wan Ahmad ialah pensyarah di Jabatan Kewangan dan Perbankan, Universiti Malaya, jawatan yang telah dipegangnya sejak tahun 2002. Sebelum ini, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah untuk EONCAP Islamic Bank Berhad sejak bulan April sehingga November 2011. Beliau mendapat PhD daripada University of Edinburgh, United Kingdom dengan disertasi tentang Pelaburan Zakat di Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2002 dengan memberi tumpuan kepada Ekonomi dan Kewangan dan disertainya adalah berkaitan dengan Kajian Gharar dalam Insurans dan Takaful. Beliau juga merupakan lulusan Akademi Islam, Universiti Malaya dengan Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1996. Bidang pengkhususannya adalah dalam Fiqh Muamalat, Ekonomi Islam, Kewangan dan Perbankan Islam. Di Universiti Malaya, beliau mengajar program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana (MBA dan MM) dan kursus-kursus yang diajar antara lain ialah Kewangan Islam, Pembuatan Keputusan Kewangan, Kewangan Pengurusan, Ekonomi untuk Pengurus, Kewangan Antarabangsa dan Komunikasi & Kemahiran Berfikir.

# PROFIL JAWATANKUASA & BIDANG TUGAS SYARIAH

## BIDANG TUGAS JAWATANKUASA SYARIAH

Aktiviti-aktiviti Bank adalah tertakluk pada pematuhan dan konformasi Syariah oleh Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah untuk tempoh dua (2) tahun. Bidang tugas Jawatankuasa Syariah ditadbir oleh Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Tugas utama dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

**(1) Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban**

Jawatankuasa Syariah perlu memahami bahawa dalam melaksanakan urusan dan tanggungjawab sebagai ahli Jawatankuasa Syariah, mereka hendaklah bertanggungjawab ke atas semua keputusan Syariah, pendapat dan pandangan yang mereka berikan.

**(2) Memberikan nasihat kepada Lembaga Pengarah dan Bank termasuk subsidiari**

Jawatankuasa Syariah dikehendaki menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan termasuk subsidiari Bank dan memberi input kepada Bank berkaitan hal ehwal Syariah supaya Bank sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

**(3) Mengendors dasar dan prosedur Syariah**

Jawatankuasa Syariah dikehendaki mengendors dasar dan prosedur Syariah yang disediakan oleh Bank dan memastikan kandungannya tidak mengandungi apa-apa unsur yang tidak selaras dengan Syariah.

**(4) Mengendors dan mengesahkan dokumentasi berkaitan**

Untuk memastikan bahawa produk Bank mematuhi prinsip-prinsip Syariah, Jawatankuasa Syariah mestilah meluluskan:

- i. terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau dokumentasi undang-undang lain yang digunakan dalam melaksanakan transaksi; dan
- ii. manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menggambarkan produk.

**(5) Menilai kerja yang dijalankan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan Audit Syariah**

Menilai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian Syariah dan Audit Syariah dalam usaha memastikan hal ehwal Syariah yang membentuk sebahagian daripada tugas-tugas mereka di dalam memberikan penilaian mengenai maklumat kepatuhan dan jaminan Syariah dalam laporan tahunan ini.

**(6) Membantu pihak-pihak yang berkaitan tentang hal ehwal Syariah**

Pihak-pihak berkaitan Bank seperti penasihat undang-undang, juruaudit atau perundingnya boleh mendapatkan khidmat nasihat berhubung hal ehwal Syariah daripada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberi bantuan yang diperlukan kepada pihak yang meminta.

**(7) Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia**

Jawatankuasa Syariah boleh menasihati Bank supaya merujuk pada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) mengenai hal ehwal Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

Sekiranya terdapat ketidakpastian dan perbezaan pendapat, Bank boleh mendapatkan nasihat dan merujuk untuk mendapatkan fatwa daripada MPS. Permintaan untuk khidmat nasihat hendaklah disampaikan melalui Sekretariat MPS.



Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah mestilah tidak bertindak dengan cara yang akan menggugat fatwa dan keputusan yang dibuat oleh MPS BNM atau jawatankuasa yang diwakilinya. Mereka perlu menghormati dan mematuhi fatwa Syariah yang diterbitkan dan dikeluarkan oleh MPS dan tidak boleh menentang keputusan jawatankuasa yang mereka wakili di khalayak awam.

Sekiranya terdapat pertikaian dan prosiding mahkamah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam atau apa-apa isu Syariah yang timbul daripada operasi perniagaan Bank, mahkamah dan juga penimbang tara hendaklah mengambil kira fatwa yang diterbitkan oleh MPS atau merujuk isu sedemikian kepada MPS untuk mendapatkan fatwanya. Apa-apa fatwa yang dibuat oleh MPS yang timbul daripada rujukan yang dibuat hendaklah mengikat ke atas Bank dan mahkamah atau penimbang tara. Sekiranya keputusan yang diberikan oleh Jawatankuasa Syariah Bank adalah berbeza dengan fatwa yang diberikan oleh MPS, fatwa MPS hendaklah mengatasi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Syariah dibenarkan untuk menerima pakai keputusan Syariah yang lebih ketat.

**(8) Memberikan Pandangan Syariah Secara Bertulis**

Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberikan pandangan secara bertulis dari sudut Syariah sekiranya Bank merujuk kepada MPS untuk pertimbangan lanjut, atau sekiranya Bank menyerahkan permohonan kepada Bank untuk kelulusan produk baharu.

- (9) Menyediakan garis panduan dan nasihat mengenai hal ehwal agama kepada Bank demi memastikan aktiviti Bank secara keseluruhan adalah berlandaskan Syariah.
- (10) Membuat keputusan mengenai perkara yang berbangkit daripada aktiviti Bank yang sedia ada dan pada masa depan yang mempunyai kesan dari sudut agama.
- (11) Melapor kepada para pemegang saham dan pendeposit bahawa semua aktiviti Bank adalah menurut Syariah.
- (12) Menyediakan khidmat nasihat dan rundingan Syariah dalam semua hal yang berkaitan dengan produk, transaksi dan aktiviti Bank, serta perniagaan lain yang melibatkan Bank.
- (13) Meneliti dan mengendors laporan kewangan tahunan Bank.
- (14) Menyediakan latihan kepada kakitangan serta nota atau bahan yang berkaitan untuk rujukan mereka.

**Ahli Jawatankuasa Syariah**

Haji Azizi Che Seman (Pengerusi)	20/20
Engku Ahmad Fadzil Engku Ali	20/20
Prof Madya Dr Mohamad Sabri Haron	20/20
Dr Ab Halim Muhammad	17/20
Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri	18/20
Dr Wan Marhani Wan Ahmad	
belum menyertai Jawatankuasa Syariah Bank pada masa ini	

- (15) Mewakili Bank atau menghadiri apa-apa mesyuarat dengan MPS atau badan berkaitan lain berhubung dengan apa-apa isu Syariah yang berkaitan dengan Bank.
- (16) Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan kerahsiaan maklumat dalam BMMB dipelihara dan hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan maklumat sulit. Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan semua maklumat sulit dipelihara secara ketat, kecuali apabila pendedahan diberi kuasa oleh Bank atau diperlukan oleh undang-undang.
- (17) Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan keputusan Syariah dibuat secara berkualiti dan konsisten.

Kebanyakan isu yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Syariah untuk pertimbangan telah diselesaikan melalui mesyuarat. Untuk tahun kewangan 2011/12, 20 siri mesyuarat telah diadakan. Butir-butir kehadiran mereka adalah seperti yang berikut:

**Kehadiran**

20/20
20/20
20/20
17/20
18/20

# UCAPAN PENGERUSI JAWATANKUASA SYARIAH

Kesedaran Bank terhadap peri pentingnya Syariah telah memberikan kesan yang besar dalam usahanya untuk mara ke hadapan dan meletakkan dirinya sebagai salah sebuah bank peneraju dalam pematuhan Syariah yang diiktiraf oleh industri. Pematuhan yang komited kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) telah meletakkan kami sebagai salah satu Institusi Kewangan Islam yang terbaik dari segi tadbir urus.

Inisiatif strategik ini memperlihatkan keprihatinan dan kesungguhan Bank yang mendalam terhadap pematuhan Syariah supaya ia benar-benar menjadi bank Syariah yang menggalakkan dan memperjuangkan peranan perbankan dan kewangan Islam dalam industri ini secara keseluruhannya.

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah yang seikhlasnya kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan kerana telah memperlihatkan keprihatinan yang tulen serta kesungguhan yang jitu bukan sahaja dalam memastikan produktiviti dan keuntungan Bank, tetapi juga supaya hukum dan keperluan Syariah yang ditetapkan itu diamalkan dan dipatuhi dengan baik.

Sebagai Jawatankuasa Syariah Bank, kami memberi dan menyumbang sepenuh dedikasi terhadap kualiti dan memaparkan iltizam kami untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dari segi produk, proses, dokumentasi serta perkara-perkara lain yang berkaitan.

Sesungguhnya, kami amat berterima kasih dan berbangga dengan kerjasama yang diterima daripada pihak Pengurusan khususnya, dan daripada kakitangan yang berkaitan, amnya kerana memberikan maklumat dan bahan yang mencukupi kepada jawatankuasa, demi memastikan pertimbangan kami terhadap setiap isu akan diselesaikan dengan betul dan sewajarnya.

Bank juga digalakkan untuk menerokai konsep baru dalam Muamalat terutamanya dalam perkara yang boleh mempertingkatkan inovasi kita dalam Perbankan Islam dan pada masa yang sama memenuhi keperluan Masalah Ammah umat Islam seperti wakaf dan rahn.


Kami menyimpan harapan yang tinggi dan menjangka secara munasabah bahawa Bank ini akan menempa kejayaan yang menguntungkan dalam perniagaan sambil terus mempertahankan pelaksanaan serta penggunaan hukum Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam tanpa menjejaskan usaha berterusan untuk mencapai matlamat akhir dalam mendapatkan keberkatan serta rahmat Allah S.W.T.

Terima kasih

Salam,

**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Syariah**







# PENGURUSAN KANAN

*Dari Kiri ke Kanan:*

**DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID**

Ketua Pegawai Eksekutif

**MUSA ABDUL MALEK**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

**MOHD ASRI AWANG**

Ketua Pegawai Risiko

**HAJI ISMAIL IBRAHIM**

Timbalan Presiden Eksekutif, Pejabat CEO

**PEERMOHAMED IBRAMSHA**

Timbalan Presiden Eksekutif, Kewangan

**LIM TECK GAM**

Timbalan Presiden Eksekutif, Pengurusan Kredit

**FARIDAH HASHIM**

Timbalan Presiden Eksekutif, Sumber Manusia

**DATO' HAJI SALAMAT HAJI WAHIT**

Timbalan Presiden Eksekutif, Perhubungan Strategik



# PROFIL PENGURUSAN KANAN

## **DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID**

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank. Beliau dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah Bank pada 1 November 2008.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains bidang Ekonomi dalam Industri dan Perdagangan (Kepujian) daripada London School of Economics, University of London pada tahun 1986 dan Ijazah Sarjana Sains Ekonomi dalam bidang Perbankan dan Kewangan Antarabangsa daripada University of Wales, Cardiff.

Dato' Haji Mohd Redza Shah menjadi Akauntan Berkanun Bersekutu (ACA) semasa beliau memulakan kerjayanya dengan Touche Ross & Co, London (kini dikenali sebagai Deloitte & Touche) pada tahun 1988 sebagai Akauntan Pelatih. Pada akhir tahun 1992, beliau telah menyertai Arab Malaysian Corporation Berhad sebagai Pengurus Audit Dalaman dan dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Kewangan Korporat

Beliau kemudiannya menyertai Khazanah Nasional Berhad apabila operasinya dimulakan pada bulan Julai 1994 sebagai Pengurus Kanan Kewangan dan kemudiannya berpindah ke Silterra Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat Khazanah Nasional Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Beliau meninggalkan Silterra Malaysia Sdn Bhd untuk menerajui Tradewinds Corporation Berhad sebagai CEO Kumpulan dari bulan September 2002 hingga November 2005 dan berkhidmat sebagai Pemangku CEO Tradewinds (M) Berhad dari bulan Mei 2004 sehingga November 2005, sebelum memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Ketua DRB-HICOM Berhad.

Beliau ialah ahli Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales (ICAEW) dan Jawatankuasa Pemandu FSTEP. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga Akauntan dalam Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), badan yang mengeluarkan dasar-dasar perakaunan dan pengauditan dalaman Perbankan Islam.

Dato' Haji Mohd Redza Shah ialah Presiden Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS) dan subsidiari-subsidiari Bank.

## **MUSA ABDUL MALEK**

En. Musa menyertai Bank sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 September 2010. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan pada tahun 1979. Sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, portfolio beliau bukan sahaja merangkumi usaha membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam semua perkara yang bersangkutan dengan Bank, bahkan ia turut merangkumi usaha memantau pelbagai jabatan dalam Perbankan Perniagaan, Perbankan Pengguna, Pengurusan dan Pembangunan Produk dan Pemasaran.

En. Musa membawa bersama beliau 31 tahun pengalaman dalam industri Perbankan. Sebelum menyertai Bank, En. Musa memegang pelbagai jawatan di HSBC Bank Malaysia Berhad. Jawatan terakhir yang beliau pegang sebelum menyertai Bank ialah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Amanah Malaysia Berhad.

## **MOHD ASRI AWANG**

En. Asri kini memegang jawatan Ketua Pegawai Risiko yang memantau secara langsung Pengurusan Risiko dan Jabatan Penilaian Kredit serta Pusat Kelulusan Serantau. Beliau turut menganggotai jawatankuasa pengurusan, jawatankuasa pengurusan risiko eksekutif, jawatankuasa pelaburan dan ALCO. Sebelum ini beliau memegang jawatan Timbalan Presiden Eksekutif Perbankan Borong dengan tanggungjawab portfolio perniagaan yang meliputi seluruh pasaran perbendaharaan dan modal, perbankan korporat dan komersil, perbankan pelaburan, ekuiti swasta dan pengurusan aset.

Sebelum menyertai Bank, En. Asri memegang jawatan CEO Malaysian Rating Corporation, sebuah agensi rating domestik. Jawatan yang pernah beliau pegang termasuk Ketua Perancangan Korporat dan Pembangunan Perniagaan di MIDF Berhad, yang meliputi pemantauan usaha merumus rancangan strategik kumpulan, pengambilalihan perniagaan, usaha sama dan gabungan strategik; Bendahari dan Timbalan Presiden Negara Chase Manhattan Bank Malaysia, dahulu; Pengurus Besar, Perbendaharaan dan Wilayah Selatan sebuah bank komersil tempatan; Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat pembiayaan tempatan dan Bendahari sebuah bank saudagar.

En. Asri merupakan lulusan Ekonomi daripada Macquarie University, Sydney.



# PROFIL

## PENGURUSAN KANAN

### HAJI ISMAIL IBRAHIM

Tuan Haji Ismail Ibrahim menyertai Bank sebagai Timbalan Presiden Eksekutif, Pejabat CEO pada bulan April 2012.

Sebelum memegang jawatan ini beliau menganggotai Lembaga Pengarah Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau memulakan kerjaya di Agro Bank Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia Berhad), dan kemudian beralih ke United Overseas Bank (Malaysia) Berhad [dahulunya dikenali sebagai Chung Khiaw Bank (Malaysia) Berhad/Lee Wah Bank Limited] dan Affin Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Berhad).

Pada tahun 1992, beliau menyertai Public Bank Berhad sebagai Pengarah, Operasi Kredit, yang mengawasi penilaian kredit, pentadbiran kredit dan pemulihan pinjaman. Beliau juga merupakan kakitangan perintis dalam pembangunan perbankan Islam di Public Bank Berhad dan memainkan peranan penting dalam penubuhan Public Islamic Bank Berhad, subsidiari milik penuh Public Bank Berhad.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Public Islamic Bank dan memegang jawatan tersebut sehingga beliau bersara, Januari 2011 lalu. Tuan Haji Ismail membawa bersama beliau 39 tahun pengalaman perbankan dalam bidang penilaian kredit, pemulihan pinjaman, pentadbiran kredit, pengurusan cawangan dan operasi perbankan Islam.

### PEERMOHAMED IBRAMSHA

En. PeerMohamed Ibramsha kini berkhidmat sebagai Timbalan Presiden Eksekutif, Kewangan. Portfolio yang beliau pegang sekarang meliputi Kewangan, Teknologi Maklumat Pengurusan Projek dan Undang-undang. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan, di samping turut menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia dan Fellow CPA dengan CPA Australia. Beliau telah berkhidmat dengan Bank sejak tahun 2008. Sebelum menyertai Bank, beliau memegang jawatan CFO Alam Flora Sdn Bhd selama kira-kira 2 tahun dan CFO Kumpulan syarikat Glenmarie Properties Sdn Bhd selamat kira-kira 10 tahun.

### LIM TECK GAM

En. Lim Teck Gam kini memegang jawatan Timbalan Presiden Eksekutif Bahagian Pengurusan Kredit. Beliau menyertai Bank pada bulan November 2008 sebagai Timbalan Presiden Kanan Bahagian Sokongan Perniagaan. Portfolio beliau diperluaskan untuk merangkumi Jabatan Penyeliaan dan Pemulihan Kredit pada bulan Julai 2009. En. Lim memiliki Sarjana Muda Perniagaan daripada Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia. Beliau juga seorang Akauntan Berkanun dan Akauntan Bertauliah (Certified Practising Accountant). Sebelum menyertai Bank, En. Lim memegang pelbagai jawatan di Kumpulan DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM), antaranya Ketua Pegawai Kewangan Edaran Otomobil Nasional Berhad dan Pengurus Besar DRB-HICOM. En. Lim juga telah berkhidmat dengan beberapa syarikat tersenarai awam dan firma akauntan antarabangsa sebelum menyertai DRB-HICOM.

## **FARIDAH HASHIM**

Pn. Faridah Hashim menyertai Bank sebagai Timbalan Presiden Eksekutif Sumber Manusia pada bulan September 2010. Portfolio beliau meliputi Pengurusan Bakat, Pembelajaran & Pembangunan, Pembangunan Organisasi, Perancangan Tenaga Kerja, Perekrutan, Pengurusan Pampasan & Manfaat dan Perhubungan Kakitangan & Perindustrian.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Bath, United Kingdom. Puan Faridah memiliki lebih 26 tahun pengalaman kerja dalam pelbagai fungsi termasuk Sumber Manusia dalam industri perbankan. Sebelum menyertai Bank, beliau berkhidmat dengan beberapa bank komersil dan bank saudagar tempatan seperti Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Amanah Merchant Bank Berhad dan Alliance Merchant Bank Berhad. Jawatan terakhir yang dipegang sebelum menyertai Bank adalah sebagai Ketua Sumber Manusia di Asian Finance Bank.

## **DATO' HAJI SALAMAT HAJI WAHIT**

Dato' Haji Selamat adalah Timbalan Presiden Eksekutif Perhubungan Strategik dan dipinjam daripada DRB-Hicom Group. Beliau menerima Ijazah Kejuruteraan Mekanikal (Kepujian) daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1981.

Sebagai Ketua Perhubungan Strategik, tugas utama beliau adalah untuk membangunkan rangkaian strategik dan mengekalkan/membina hubungan baik dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Beliau juga melaksanakan aktiviti pemasaran dan pembangunan perniagaan dengan Kumpulan Syarikat DRB-Hicom, menerokai pasaran baharu & membangunkan perniagaan menerusi gabungan strategik serta membantu Bank mendapatkan pelepasan dan kelulusan daripada Pihak-pihak Berkuasa yang berkaitan.

Dato' Haji Selamat membawa bersama beliau 31 tahun pengalaman kerja, 13 tahun dalam sektor awam, manakala 18 lagi dalam sektor swasta. Sebelum dipinjamkan kepada Bank, beliau memegang jawatan ketua, Pembangunan Perhubungan & Perniagaan Institusi Kumpulan DRB-Hicom. Sebelum itu beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, PUSPAKOM Sdn Bhd.

Beliau juga ahli Lembaga Pemeriksa (BOE) Kolej Automotif Antarabangsa (ICAM), Pekan, Pahang dan ahli Lembaga Pengarah Feasible Services Sdn Bhd dan Saganet Sdn Bhd.



### **Surah Al Ra'd: 11**

*Bagi setiap orang ada penjaga-penjaga yang (sentiasa) mengiringi di hadapannya dan di belakangnya; mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri-diri mereka (sendiri). Dan jika Allah berkehendak mendatangkan keburukan kepada sesuatu kaum, maka tidak ada yang berkuasa menolaknya. Dan tidak ada bagi mereka pelindung selain-Nya.*







# PERUTUSAN PENGERUSI



## **PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN, PERSEKITARAN OPERASI**

Tahun Kewangan yang lalu ternyata satu lagi tempoh yang mencabar bagi Bank dan seluruh negara amnya. Pasaran global terjejas oleh kebimbangan yang berkisar sekitar masalah hutang dan sistem perbankan Zon Eropah, defisit belanjawan Persekutuan Amerika, di samping prospek ekonomi serta perkembangan geopolitik di Timur Tengah dan Wilayah Afrika Utara. Dalam suku pertama 2012, pasaran di Asia turut diselubungi kebimbangan gelembung aset di China yang akan memburukkan lagi kelembapan ekonomi di rantau ini.

**TAN SRI DATO' DR MOHD MUNIR ABDUL MAJID**  
Pengerusi



# PERUTUSAN PENGERUSI

Perkembangan ini telah mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menyaksikan penyusutan kepada 5.1% pada tahun 2011. Ini membawa kepada perubahan sikap pelabur yang cuba mengelak dari risiko dan mengukuhkan jangkaan bahawa akan berlaku kelembapan ekonomi berpanjangan yang mendorong kepada kadar pulangan yang mendatar.

Dengan kadar kecairan yang sihat di dalam pasaran, persaingan harga telah menjadi semakin sengit yang menyebabkan harga pembiayaan perumahan dan kenderaan telah jatuh ke paras terendah yang pernah dicapai. Oleh sebab itu, kadar pendapatan keseluruhan menguncup dengan lebih ketara susulan peningkatan dalam kadar dasar semalaman (OPR) dan keperluan rizab berkanun yang dikenakan sepanjang tahun ini.

## PENILAIAN PRESTASI

Kadar pulangan yang semakin mendatar dan pengurangan kadar keuntungan antara kematangan jangka pendek dan jangka panjang menyebabkan kesan yang tidak dapat dielakkan kepada prestasi kewangan kita. Peratus keuntungan yang menyusut melebihi jangkaan menyebabkan pengurangan yang ketara dari pendapatan yang berasaskan dana. Petumbuhan aset kita menunjukkan peningkatan yang berterusan bagi pembiayaan berkadar tetap terutamanya dalam pembiayaan pelanggan dan portfolio pelaburan berpendapatan tetap.

Jumlah pendapatan kita meningkat sebanyak 8.8% kepada RM893.6 juta pada tahun kewangan berakhir Mac 2012. Pendapatan Sebelum Cukai walau bagaimanapun dicatatkan berjumlah RM124.1 juta, menyusut sebanyak RM80.2 juta. Di samping peratus keuntungan yang menyusut, pendapatan sebelum cukai juga turut terjejas dengan pelupusan perisian teknologi maklumat yang tidak berjaya disempurnakan untuk diguna pakai.

Meskipun berhadapan dengan segala cabaran, jumlah aset telah berkembang sebanyak 11.8% kepada RM20.5 bilion hasil dari pertumbuhan yang kukuh dari sektor pembiayaan pengguna dan juga pembiayaan perniagaan. Pertumbuhan sebanyak 18.4% dari sektor pembiayaan pengguna dan 25.8% dari sektor pembiayaan perniagaan menggambarkan usaha berterusan dalam mengembangkan pembiayaan peribadi kepada kakitangan angkatan tentera, penjawat awam dan pembiayaan projek kerajaan yang berskala besar.

Kualiti aset baru yang lebih baik dari sektor peruncitan dan sektor perniagaan serta amalan pengurusan risiko yang lebih baik telah memastikan kekejalan dalam prestasi aset kita. Nisbah pembiayaan tidak berbayar menunjukkan kemajuan daripada 4.8% pada tahun sebelumnya kepada 4.7% pada tahun semasa.

Jumlah deposit meningkat pada kadar yang menggalakkan iaitu sebanyak 11.9% kepada RM18.2 bilion. Yang lebih penting, kami telah dapat meningkatkan deposit dari sektor pengguna dan peruncitan dan mengembangkan deposit dari sektor perniagaan. Bagi mematuhi keperluan kecairan Basel III yang bakal dilaksanakan, nisbah liputan kecairan (LCR) dan nisbah pembiayaan stabil (NSFR) masing-masing berada pada paras 94% dan 109% pada akhir Mac 2012.

Modal asas kekal teguh dengan nisbah modal teras (CCR) berada pada kadar 14.4% dan nisbah modal berwajaran berada pada 19.7%, jauh lebih tinggi daripada purata industri yang masing-masing berada pada kadar 13.2% dan 15.7%. Dalam memberi tumpuan untuk memastikan paras modal yang sihat bagi mengekalkan perancangan perniagaan dan memanfaatkan keadaan pasaran yang baik, pada bulan Jun 2011 kami telah menerbitkan sukuk bernilai RM400 juta dengan tempoh matang selama 5 tahun bagi mengganti dan menambah sukuk sedia ada bernilai RM250 juta yang matang pada September 2011. Nisbah leveraj pada akhir Mac 2012 adalah pada kadar 6.7% iaitu dalam lingkungan had yang ditetapkan di bawah Basel III.

## KEMAJUAN DAN CABARAN

Dalam tempoh kewangan ini, kami terus melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuhkan infrastruktur dan mengembangkan lagi perniagaan. Sebagai langkah permulaan, kami telah memulakan inisiatif penambahbaikan proses melalui penerapan beberapa inisiatif menggunakan kaedah "Six Sigma". Penambahbaikan yang paling ketara adalah pengurangan tempoh masa bagi proses-proses utama yang kini setanding dengan tahap industri. Proses kelulusan pembiayaan kenderaan kita kini telah mencapai tempoh kelulusan pada hari yang sama sementara tempoh pembayaran kepada pelanggan bagi pembiayaan perumahan secara purata telah dapat dikurangkan kepada 66 hari daripada 85 hari sebelum ini.

Inisiatif strategik yang kedua, kami telah melancarkan kios perbankan dalam usaha menyediakan saluran perkhidmatan perbankan alternatif dengan kos yang efisien. Sambutan yang diterima daripada pembukaan dua kios pertama yang ditempatkan di pasar raya Giant di Kota Kemuning, Shah Alam dan Johor Bahru Sentral adalah amat menggalakkan dan ini telah mendorong kepada perancangan untuk mengembangkan lagi perkhidmatan ini dalam usaha menawarkan saluran transaksi perbankan yang lebih pantas dan mudah kepada para pelanggan.

Inisiatif strategik yang ketiga yang telah diambil adalah menaik taraf beberapa cawangan terpilih bagi memberi "suasana segar dan selesa" lengkap dengan kemudahan ATM dan mesin deposit tunai dalam usaha untuk memberikan tahap perkhidmatan pelanggan yang tinggi. Inisiatif ini akan diteruskan dalam tahun kewangan yang akan datang bagi meliputi rangkaian cawangan yang lebih luas.

Kerjasama dengan Pos Malaysia, iaitu syarikat yang terbaru di dalam kumpulan DRB-Hicom adalah merupakan inisiatif strategik yang keempat. Pelancaran peti deposit cek Bank Muamalat di pejabat pos yang terpilih adalah merupakan kerjasama awal antara kedua-dua pihak yang bakal disusuli dengan beberapa perkhidmatan perbankan lain apabila perjanjian kerjasama dimeterai kelak.

Inisiatif strategik yang kelima adalah pengenalan kepada perkhidmatan pajak gadai Ar-Rahn di cawangan-cawangan yang terpilih yang bertujuan untuk mempelbagaikan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada para pelanggan. Pencapaian di peringkat awal bagi operasi Ar-Rahn di cawangan Pekan, Kampong Raja, Johor Bahru, Ipoh, Kelang, Seremban dan Temerloh adalah menggalakkan. Justeru itu, kami telah merancang untuk menawarkan perkhidmatan ini di cawangan-cawangan yang lain. Hasil dari sambutan positif yang ditunjukkan terhadap perkhidmatan ini, kami juga telah merancang untuk menawarkan perkhidmatan Ar-Rahn ini di pejabat pos yang terpilih. Satu perjanjian persefahaman antara Pos Malaysia dan satu entiti lain sedang diteliti bagi tujuan ini.

Inisiatif strategik yang keenam adalah pelaksanaan skim insentif bagi kakitangan jualan deposit dan pengurusan harta bagi menyokong usaha untuk meningkat simpanan deposit dan akaun semasa dari sektor pengguna dan peruncitan, serta bagi mempelbagaikan sumber pendapatan perniagaan yang berasaskan yuran perkhidmatan.

Dari segi pengurusan risiko pula, pada awal tahun ini, kami menghadapi cabaran yang agak besar dengan perletakan jawatan beberapa kakitangan kanan dari jabatan tersebut. Senario ini berlaku dalam tempoh masa yang paling mencabar iaitu ketika Bank di dalam proses untuk memenuhi pelbagai keperluan kawal selia yang baru termasuk pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP), FRS 139, keperluan kaedah analisis dan laporan yang lebih mendalam, penentuan penyata toleransi risiko, pelaksanaan penyelesaian penilaian kredit dan pelaksanaan penentuan harga pindahan dana. Kami telah mengharungi cabaran ini, meskipun dengan kekurangan kakitangan bagi sebahagian besar daripada tahun kewangan, kami telah berjaya menyempurnakan sebahagian besar daripada tugas dalam masa yang ditetapkan. Pada masa ini, hanya satu jawatan eksekutif kanan Pengurusan Risiko yang belum diisi. Kami mengiktiraf kepentingan dan penuh komited untuk memupuk budaya pengurusan risiko yang teguh di semua peringkat.

Pada masa ini, kita berada dalam fasa ke-2 Perancangan Perniagaan yang mempunyai 3 fasa pelaksanaan secara keseluruhan meliputi tahun 2009-2014. Objektif utama bagi fasa ke-2 ini adalah untuk 'Mencapai Tanda Aras' bagi sasaran kewangan yang telah ditetapkan. Meskipun kita tidak berjaya mencapai sasaran tersebut pada tahun kewangan yang terdahulu, kita terus mengukuhkan infrastruktur dan organisasi yang kini telah berjaya membina kecekapan teras dan portfolio perniagaan yang berhemat. Walaupun keadaan pasaran yang kurang memberangsangkan dan kelewatan dalam pelaksanaan sistem perbankan utama telah memperlambatkan kemajuan kita, kita tetap optimis bahawa usaha yang dilakukan selama ini tidak sia-sia, malah mengukuhkan lagi kedudukan bagi kita membina usaha yang lebih mapan.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, aktiviti CSR masih tetap diteruskan tanpa gangguan. Tabung Mawaddah, yang merupakan dana zakat Bank Muamalat, telah membuat pelbagai sumbangan kepada masjid-masjid dan rumah-rumah anak yatim yang terletak di beberapa kawasan di mana Bank Muamalat mempunyai cawangan. Program "Masih Ada Yang Sayang (MAYS)" yang merupakan

mercu tanda bagi program ini telah terlibat dalam usaha untuk mengumpul sumbangan di daerah Kota Marudu, Sabah sementara aktiviti Ramadhan pula terus memberi tumpuan pada program Iftar dan memberi sumbangan kepada anak-anak yatim dan orang-orang kurang upaya dan khidmat perbankan yang akur syariah.

## PROSPEK

Meskipun dengan keadaan persekitaran luar yang mencabar, ekonomi Malaysia diramal akan berkembang pada kadar 4.0% hingga 5.0%. Permintaan dalam negara akan terus menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi. Risiko bagi prospek pertumbuhan sebahagian besarnya bergantung kepada krisis hutang di Eropah dan juga pertumbuhan yang perlahan di negara-negara yang menjadi rakan dagangan utama Malaysia. Dengan kadar harga komoditi global yang sederhana serta pertumbuhan permintaan dalam negara yang lebih perlahan, kadar inflasi dijangka akan berada pada kadar sederhana iaitu di antara 2.5% hingga 3% bagi tahun 2012. Dengan kecairan yang mencukupi dan jangkaan bahawa situasi ini akan berterusan, kadar faedah diramal akan berada pada keadaan stabil.

Berpandukan kepada prospek ini, kita optimis bahawa akan wujud peluang yang mencukupi bagi membolehkan kita mengembangkan pembiayaan dan juga aset pelaburan. Aktiviti pasaran modal dan perbankan pelaburan walau bagaimanapun dijangka agak perlahan berbanding tahun lalu. Permintaan pengguna pula dijangka akan terus berdaya tahan manakala penekanan kepada perbankan perniagaan akan lebih bersifat terpilih sementara ekonomi mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan.

Walaupun dengan pelbagai risiko yang ada, kami akan sentiasa berwaspada bagi mengesan peluang-peluang baru yang mungkin wujud. Persaingan dijangka akan menjadi semakin sengit apabila bank-bank terus menyalurkan lebihan kecairan mereka bagi membiayai sektor-sektor yang produktif dan membangun. Kami yakin bahawa perancangan perniagaan kita

yang menitikberatkan usaha untuk mengembangkan pembiayaan pengguna dan memesatkan usaha untuk menggalakkan deposit dari pengguna dan juga peruncit bakal membuahkan hasil yang positif. Sehubungan dengan itu, kerjasama dengan Pos Malaysia yang mempunyai rangkaian yang meluas di seluruh negara masih belum diteroka sepenuhnya dan kerjasama ini mempunyai prospek yang besar untuk memberi peluang dan manfaat yang berganda bagi kedua-dua pihak.

## PENGHARGAAN

Saya dengan berbesar hati mengalu-alukan Dato' Haji Kamil Khalid Ariff dan Dato' Lukman Ibrahim yang masing-masing telah dilantik sebagai Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru pada 29 September 2011 dan 18 November 2011. Saya yakin dengan pengalaman dan kepakaran yang mereka bawa dapat menguatkan lagi Lembaga Pengarah kita. Saya juga ingin mengalu-alukan Puan Wan Marhaini Wan Ahmad yang telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Syariah bermula dari 1 April 2012.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan yang telah memberi sokongan jitu dan komitmen yang tidak berbelah bagi, demikian juga kepada rakan dalam Lembaga Pengarah atas bimbingan dan pandangan yang amat bermakna. Saya juga ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan atas keyakinan yang mereka tunjukkan terhadap keupayaan kami untuk menunaikan keperluan mereka dan juga kepada para pemegang saham kerana terus bersama-sama kami untuk meneruskan perjuangan ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, terutamanya kepada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan atas bantuan dan bimbingan yang mereka huluskan.

Yang Benar,

**Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid**



# STRATEGI MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN

## NILAI YANG DIBAWA

- Bank yang memenuhi garis panduan Syariah.
- Bank universal yang berada di peringkat pertengahan berorientasikan penyelesaian dan mempunyai kepakaran dalam pendekatan dan perkongsian dengan pelanggan.
- Berteraskan dua asas perniagaan utama merangkumi sektor pengguna dan sektor perniagaan.

## “Pertumbuhan seimbang dan pengurusan kualiti aset”;

**22%** peningkatan dalam pembiayaan kasar

Meskipun terdapat persaingan dalam segmen individu, perbankan runcit kekal menjadi asas kepada industri perkhidmatan kewangan. Selaras dengan itu, Perbankan Pengguna Bank Muamalat akan terus memenuhi keperluan dan tuntutan pelanggan yang baru dan sedia ada. Dari sudut pembiayaan pengguna, bank memberi tumpuan pada usaha untuk meningkat dan memesatkan pertumbuhan portfolio Pembiayaan Peribadi dengan memanfaatkan hubungan erat dengan beberapa entiti kerajaan, terutamanya Angkatan Tentera. Pembiayaan Perumahan, komponen terbesar portfolio pengguna, kekal sebagai tumpuan utama dengan pertumbuhan yang dijangka akan berterusan pada masa hadapan. Dalam segmen Pembiayaan Kenderaan, bank menjangkakan pertumbuhan yang sederhana, dengan memberi tumpuan untuk mengembangkan pembiayaan kenderaan yang terpilih, fokus kepada model Proton, manakala dalam masa yang sama turut meningkatkan kualiti portfolio sambil menerapkan kaedah penetapan harga berasaskan risiko bagi segmen ini.

Pada masa sekarang Bank Muamalat telah membentuk kumpulan yang berwibawa bagi menyokong kerangka keseluruhan Perbankan Perniagaan. Pada tahun hadapan, dengan memanfaatkan inisiatif kerajaan untuk memangkin pertumbuhan domestik, aktiviti perniagaan utama dijangka akan berpaksi kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP). Bank meletakkan sasaran untuk memberi tumpuan pada sektor yang mempunyai pertumbuhan tinggi di bawah ETP seperti minyak dan gas, minyak sawit dan perkhidmatan perniagaan bagi segmen Perbankan Perniagaan. Pembiayaan Perdagangan akan menjadi satu lagi bidang pertumbuhan yang bakal dipacu oleh pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Meskipun Bank Muamalat giat mengembangkan asetnya, pendekatan berhati-hati dan berhemat telah diambil bagi mengekalkan kualiti portfolionya. Sepanjang beberapa tahun ini, kualiti aset telah dapat ditingkatkan melalui infrastruktur pengurusan risiko kredit yang lebih dinamik dan proses kredit yang lebih ketat.

## “Deposit dijana oleh CASA”;

**22%** pertumbuhan CASA

CASA (Akaun Semasa dan Akaun Simpanan) terus menjadi bidang tumpuan dalam usaha untuk terus maju ke hadapan. Bank Muamalat telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan lebih banyak CASA dari sektor peruncitan dan perniagaan, dan pada masa yang sama terus berusaha untuk mempelbagaikan latar belakang pelanggannya. Persaingan untuk mendapatkan deposit akan kekal sengit di mana bank-bank akan bersaing untuk mendapatkan sumber dana yang lebih murah memandangkan persekitaran peratusan keuntungan yang semakin menekan dan sekaligus meningkat tahap kecairan.

Peningkatan rangkaian perniagaan penting bagi menggerakkan deposit dengan lebih pantas dan menembusi pasaran yang lebih luas. Bank Muamalat terus meningkatkan rangkaian perbankannya dengan memindahkan cawangan-cawangannya ke lokasi yang lebih strategik. Lebih banyak Kios akan dibuka untuk menyediakan perkhidmatan perbankan yang lebih mudah dan ringkas kepada para pelanggan. Potensi usahasama dengan Pos Malaysia, antara lain merangkumi perkhidmatan perbankan tertentu yang bakal ditawarkan di cawangan-cawangan Pos Malaysia. Ini akan menjadi inisiatif utama yang bakal meningkatkan rangkaian perniagaan dan memperluaskan liputan pelanggan.

Pada masa yang sama, pelaburan dalam saluran elektronik (mesin ATM, CDM dan CDT) akan menjadi satu lagi inisiatif penting yang akan membolehkan pelanggan baru dan juga sedia ada melakukan proses perbankan dengan mudah. Bank Muamalat juga melihat perbankan mudah alih sebagai saluran baru bagi melengkapi sistem perbankan, dan meletakkannya sebagai peluang pertumbuhan jangka panjang.

Sebagai sebahagian daripada sasaran untuk meningkatkan CASA, spektrum produk deposit baru yang lebih komprehensif telah dirancang dan bakal diperkenalkan pada tahun hadapan.

## “Pemesatan perniagaan berasaskan fi”;

**49%** pertumbuhan dalam pendapatan berasaskan fi

Selaras dengan aspirasi Bank Muamalat untuk meningkatkan sumbangan daripada perniagaan yang berasaskan fi, tumpuan telah diberikan pada usaha untuk mengembangkan perniagaan Ar-Rahnu (Pajak gadai Islam) dan memperkukuhkan pengurusan kekayaan serta perkhidmatan takaful.

Perniagaan Ar-Rahnu yang telah diperkenalkan tahun lalu di cawangan yang terpilih telah menunjukkan perkembangan yang positif dan pada tahun hadapan ianya akan diperkembangkan dengan lebih meluas dengan penyediaan kemudahan Ar-Rahnu di lebih banyak cawangan. Dengan menyedari potensi perniagaan Ar-Rahnu, satu usaha sama dengan di antara Bank Muamalat, Pos Malaysia dan Permodalan Kelantan Berhad telah diwujudkan bagi menawarkan perkhidmatan Ar-Rahnu. Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur telah dilancarkan sebagai cawangan perintis bagi menawarkan perkhidmatan ini.

Bank telah melaksanakan usaha untuk menambah bilangan kakitangan jualan bagi memacu pertumbuhan perniagaan pengurusan kekayaan dan takaful. Pada masa ini, hanya perkhidmatan takaful dan wasiat sahaja yang ditawarkan. Unit Amanah bakal menjadi satu lagi produk utama bagi segmen ini, di mana ia dijangka akan menyumbang kepada sebahagian besar daripada jumlah pendapatan pengurusan kekayaan pada masa hadapan.

Di samping itu, peluang yang lebih besar telah dikenal pasti dalam operasi Perbankan Pelaburan, terutamanya dalam bidang pasaran modal hutang, dengan memanfaatkan urusniaga yang dirujuk oleh ahli kumpulan DRB-Hicom. Bahagian Perbankan Pelaburan akan dikembangkan secara berperingkat-peringkat dengan memberi tumpuan untuk menawarkan produk yang lebih komprehensif setanding dengan pesaing industri yang lain. Beberapa mandat yang besar telah diperolehi pada tahun ini, yang mencerminkan penerimaan pasaran terhadap keupayaan Bank Muamalat untuk menyokong transaksi urusniaga.

## “Pengurusan kos yang berhemat & peningkatan proses perniagaan”;

Nisbah kos ke atas pendapatan bakal dikurangkan secara berperingkat bagi mencapai tahap purata industri

Kos kekal sebagai tumpuan utama strategi Bank Muamalat. Pengurusan kos yang berhemat dan proaktif bakal memacu ke arah pencapaian objektif keseluruhan untuk mengurangkan nisbah kos ke atas pendapatan kepada paras yang agak stabil, dalam lingkungan julat industri, iaitu 45-55%. Pada masa yang sama, pelbagai inisiatif untuk meningkat proses yang diterajui oleh Jabatan Proses Perniagaan dan Transformasi menggunakan beberapa kaedah antara lain Six Sigma & Peningkatan Proses, 5S dan Kanban, merupakan faktor penting dalam memastikan peningkatan proses dapat dilaksanakan secara berterusan, yang akhirnya akan menjana penjimatan kos yang ketara. Pelaburan dalam infrastruktur IT yang bersepadu dan mencukupi akan meningkatkan kecekapan operasi dan aktiviti perniagaan, sekaligus dapat mengurangkan pembaziran terutamanya dalam waktu bekerja.

2012 adalah merupakan tahun yang mencabar dan juga menarik. Pendirian progresif untuk mengukuhkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa terus meletakkan Bank Muamalat pada kedudukan yang selesa untuk terus maju pada masa hadapan. Pada masa yang sama, Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, yang menggalakkan usaha untuk membawa kewangan Islam ke peringkat antarabangsa, memberi alternatif dan peluang baru bagi pertumbuhan. Yang lebih penting, Bank Muamalat telah membina asas yang lebih kukuh untuk terus membina kecekapan teras dan portfolio perniagaan yang berhemat; sekaligus bagi merebut peluang yang bakal muncul.



# PERBANKAN PENGGUNA

Segmen perbankan pengguna terutamanya yang merangkumi pembiayaan perumahan, pembiayaan kenderaan dan pembiayaan peribadi masih kekal menunjukkan kadar persaingan yang tinggi dan menjadi tumpuan segmen perbankan utama di kalangan bank-bank komersil.

Persaingan yang tinggi di dalam segmen ini terutamanya didorong oleh kos operasi yang semakin meningkat serta penetapan harga yang berdaya saing telah menyebabkan tekanan kepada kadar keuntungan.

Di dalam persekitaran perbankan yang semakin mencabar menyaksikan peluang yang semakin menyusut dan persaingan yang sengit namun Perbankan Pengguna masih berdiri teguh dan terus memberikan cabaran kepada para pesaing yang jauh lebih matang. Ini berjaya dilakukan melalui pemilihan segmen tertentu yang menguntungkan yang mana pihak Bank mempunyai kelebihan yang ketara berbanding pesaing di dalamnya.


## ULASAN PRESTASI KUMPULAN

Sepanjang tahun kewangan yang lalu, Perbankan Pengguna mencatatkan Untung Sebelum Cukai dan Zakat (PBT&Z) sebanyak RM116 juta, merangkumi lebih separuh jumlah PBT&Z Bank.


Selaras dengan prinsip Bank untuk menjadi pembekal perkhidmatan kewangan Islam yang komited dan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pembiayaan, pihak Bank menerusi Bahagian Perbankan Pengguna (CBD) berusaha untuk memaklumkan dan mendidik bakal pelanggan dan orang awam amnya dengan menyediakan taklimat mengenai Perancangan Kewangan dan Pengurusan Hutang sebelum memberikan kemudahan tersebut. Usaha ini bukan sahaja memenuhi Tanggungjawab Sosial Korporat bagi pihak Bank malahan ia lebih kepada menyahut seruan Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung dengan "pembiayaan bertanggungjawab" (Responsible Financing).

Langkah-langkah awal BNM untuk membendung hutang isi rumah dalam kelompok domestik telah mewujudkan persekitaran niaga yang mencabar dalam industri kewangan berlatarkan keadaan ekonomi luar negara yang semakin lemah terutamanya di Zon Eropah. Di tengah-tengah senario pasaran yang mencabar ini, Perbankan Pengguna telah berjaya

## PERBANKAN PENGGUNA: KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI




## PERBANKAN PENGGUNA: JUMLAH PEMBIAYAAN ASSET




## PERBANKAN PENGGUNA: KEDUDUKAN PENDAPATAN

PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2010/2011




## CONSUMER BANKING: KOMPOSISI PEMBIAYAAN

PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2010/2011




## PERBANKAN PENGGUNA: NISBAH KESELURUHAN NPF



mengembangkan jumlah aset pembiayaan sebanyak 18.4%, kepada RM5.39 bilion. Pertumbuhan yang memberangsangkan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan pesat dalam portfolio Pembiayaan Peribadi dan tumpuan strategik ke atas segmen pasaran utama yang lain. Antaranya, pembiayaan perumahan terpilih yang melebihi RM250,000 dan pembiayaan kereta mewah sederhana dalam sektor automobil. Ini telah banyak menyumbang kepada penambahbaikan kualiti aset Bank seperti yang dilihat melalui aliran nisbah NPF keseluruhan yang semakin berkurangan.

**PERBANKAN PENGGUNA:  
PEMBIAYAAN PERIBADI**




**PEMBIAYAAN PERIBADI BERSTRUKTUR**

Prestasi Pembiayaan Peribadi Berstruktur (SPF) terus berkembang melebihi jangkaan – sekali lagi mencapai pertumbuhan dua angka meskipun berhadapan dengan persaingan yang sengit. Pada Tahun Kewangan Berakhir 31.3.2012, jumlah aset bersih pembiayaan peribadi berada pada paras RM1.8 bilion, mencerminkan peningkatan sebanyak hampir 50% berbanding angka tahun terdahulu, iaitu RM1.205 bilion. Strategi perniagaan SPF yang memberi tumpuan pada sektor kerajaan sebagai asas pelanggan utama telah memperkukuhkan lagi kedudukan perniagaan SPF dengan tambahan sebanyak RM595 juta daripada akhir tahun kewangan yang lepas dan di samping nisbah pembiayaan tidak berbayar yang kurang daripada 1%.

**PERBANKAN PENGGUNA:  
KOMPOSISI PEMBIAYAAN PERIBADI**

PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2010/2011




- Kerajaan-Ketenteraan
- Kerajaan-Lain-lain
- Bukan Kerajaan

**PEMBIAYAAN PERUMAHAN**

Dalam sektor Hartanah Kediaman, proses penilaian dan kelulusan kredit Bank yang berhemat yang mengambil kira kriteria seperti penetapan harga hartanah, lokasi, termasuk juga rekod prestasi pemaju telah membantu mengekalkan tahap pendedahan risiko yang rendah. Pihak Bank juga meneruskan strategi dengan menawarkan pakej pembiayaan akhir hartanah yang berdaya saing dengan terma yang menarik dan fleksibel, di samping penyediaan pakej pembiayaan khas menerusi jalinan usahasama dengan pemaju hartanah terpilih. Strategi dan prosedur kredit dalam ini telah banyak membantu memastikan pertumbuhan yang positif, iaitu peningkatan jumlah aset pembiayaan hartanah daripada RM2.15 bilion kepada RM2.53 bilion meskipun berhadapan dengan persaingan yang sengit dalam sektor pembiayaan perumahan. Sentimen pasaran yang positif ini boleh dilihat dalam pertumbuhan tahunan industri perbankan domestik dalam segmen pembiayaan hartanah perumahan sebanyak 12% pada tahun 2011. Tidak dapat dinafikan, Pembiayaan Perumahan dalam Perbankan Pengguna telah mempamerkan prestasi yang memberangsangkan dan mencatatkan pertumbuhan tahunan mencecah 17.5%, melepasi pertumbuhan industri. Faedah yang akan didapati daripada perkembangan ini adalah sebahagian besar daripada amaun kelulusan pembiayaan hartanah ini akan dikeluarkan secara berperingkat dalam tahun-tahun kewangan yang akan datang, justeru memberi sumbangan yang besar ke arah peningkatan jumlah hasil pendapatan dari pembiayaan bagi tahun kewangan 2012-2013 dan seterusnya.

**PERBANKAN PENGGUNA:  
PEMBIAYAAN PERUMAHAN**






# PERBANKAN PENGGUNA

## PEMBIAYAAN KENDERAAN

Sektor Pembiayaan Kenderaan berhadapan dengan rintangan dan persaingan yang hebat pada tahun lalu, terus menyusut kepada RM865 juta berbanding RM1.029 bilion pada TKB (Tahun Kewangan Berakhir) 31 Mac 2011. Walau bagaimanapun, penyusutan dalam pasaran pembiayaan kenderaan ini sudah pun dijangkakan dan juga telah mempengaruhi semua pesaing-pesaing dalam industri ini. Pada masa hadapan, dengan pelaburan DRB dalam Proton, Perbankan Pengguna menjangkakan wujudnya potensi perniagaan automobil bersinergi dalam pasaran kereta tempatan dan meramalkan pertumbuhan sederhana dalam sektor ini untuk tahun-tahun yang akan datang.

### PERBANKAN PENGGUNA: PEMBIAYAAN KENDERAAN




## DEPOSIT

Jumlah keseluruhan deposit asas Bank pada TKB 31 Mac 2012 dicatatkan sebanyak RM13.52 bilion, menunjukkan peningkatan sebanyak 4.9% berbanding Tahun Kewangan Berakhir yang lepas. Ini merupakan aspek yang penting dalam menyokong strategi pertumbuhan perniagaan Bank. Matlamat utama Bank untuk mengalihkan profil deposit ke arah deposit Semasa dan Simpanan (CASA) telah mencerminkan usaha berterusan Bank untuk mengembangkan deposit berkos rendah ini. Namun begitu, Akaun Pelaburan Am/Akaun Berjangka terus menguasai deposit asas, mewakili 72% daripada jumlah deposit manakala Akaun Semasa dan Akaun Simpanan masing-masing mewakili 22% dan 6%.


## EKUITI PEMEGANG SAHAM MENINGKAT KEPADA

RM **30.180** juta

### PERBANKAN PENGGUNA: DEPOSIT CASA




### PERBANKAN PENGGUNA: TERAS DEPOSIT



### PERBANKAN PENGGUNA: TERAS DEPOSIT KOMPOSISI

PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2010/2011



- GIA
- SEMASA
- SIMPANAN

## PRODUK PENGGUNA

TK2011/2012 menyaksikan pertumbuhan yang besar dalam sektor Pembiayaan Pengguna, ini bukan sahaja disebabkan oleh sambutan luar biasa terhadap promosi dan peningkatan nilai tambah produk yang telah dijalankan, bahkan juga hasil daripada peningkatan kepuasan pengguna yang berpunca daripada penambahbaikan proses serta pelancaran produk-produk baru.

### Pembiayaan

Sepanjang tahun ini, segmen Pembiayaan Pengguna memberi tumpuan pada produk sedia ada sekali gus menyediakan peningkatan dan menambahbaik proses agar lebih berdaya saing dalam pasaran. Kemajuan yang dialami adalah hasil daripada kajian semula secara komprehensif yang dilaksanakan ke atas rantaian nilai perniagaan pembiayaan pengguna yang telah menghasilkan proses yang diperkemas dan dipermudah dari mula hinggalah ke peringkat mendapatkan kembali pembayaran. Ini akan memberi lebih manfaat yang ketara kepada para pelanggan dalam usaha Bank untuk menjadi pusat tumpuan pelanggan dari sudut perkhidmatan pembiayaan.

Selaras dengan itu, Perbankan Pengguna juga telah melancarkan produk pembiayaan yang baru untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan baru, iaitu **Pembiayaan-i Auto Graduan** di bawah konsep Bai Bithaman Ajil yang menawarkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi sehingga 100%. Skim ini direka khusus bagi segmen eksekutif siswazah muda dengan khidmat minimum selama 3 bulan. Sementara itu, **Skim Rumah Pertamaku** di bawah pembiayaan gadai janji, yang disokong oleh Cagamas, menawarkan khidmat khususnya kepada pembeli rumah pertama kali, selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan kadar pemilikan kediaman yang lebih tinggi.

Dalam usaha menangani isu syariah berhubung pembiayaan gadai janji hartanah yang masih dalam pembinaan menerusi konsep Bai Bithaman Ajil (BBA), yang didakwa oleh para Cendekiawan Islam Timur Tengah sebagai melanggar hukum syariah, Perbankan Pengguna telah melancarkan produk baharu iaitu **Pembiayaan Perumahan Tawarruq-i** yang menggunakan konsep jual beli komoditi sebagai asas urus niaganya.

Sementara itu, dalam usaha mengurangkan kadar penyusutan bilangan pelanggan yang sedia ada, Perbankan Pengguna telah melancarkan **Program Pengkalan Pelanggan (CRP)** di bawah produk **Pembiayaan Tunai Peribadi-i (Tawarruq)** kepada pelanggan pembiayaan peribadi sedia ada di bawah kontrak Bai Al Inah. Di dalam program ini, pihak Bank menawarkan kemudahan pralulus dengan amaun pembiayaan baru, khususnya bagi para pelanggan yang telah menunjukkan rekod pembayaran yang baik sepanjang tempoh pembiayaan mereka.

### Ar Rahn

**Ar Rahn-i** merupakan perkhidmatan pajak gadai yang membolehkan barang kemas dari emas digunakan sebagai sandaran bagi mendapatkan kredit tunai. Bank akan menyimpan emas sebagai cagaran dan mengenakan caj "Perkhidmatan Penyimpanan". Emas akan dinilai pada harga pasaran semasa dan amaun pembiayaan yang dibenarkan adalah sehingga 70% dari nilai pasaran semasa. Tempoh penyimpanan akan ditentukan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan pada akhir tempoh, pembiayaan ini hendaklah dijelaskan keseluruhannya kepada Bank dan cagaran akan dituntut semula oleh pelanggan. Ar-Rahn, sebuah sistem pembiayaan Islam berasaskan cagaran telah diperkenalkan sebagai alternatif berasaskan syariah dan merupakan sumber pembiayaan yang lebih mudah, dengan emas sebagai cagaran untuk ditukar dengan wang tunai.

# PERBANKAN PENGGUNA

Sejak diperkenalkan perkhidmatan ini di peringkat cawangan pada Julai 2011 lalu, bilangan cawangan yang menyediakan perkhidmatan ini telah berkembang kepada 9 menjelang akhir tahun, mencerminkan potensi positif yang dilihat dalam segmen ini.

Sasaran utama bagi skim mikrokredit ini adalah golongan peniaga runcit ("petty trader") dan pengendali perniagaan kecil seperti pemilik restoran, penjaja, tukang jahit dan golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar. Penguasaan pasaran pajak gadai Islam di negara ini masih pada paras kurang 50 peratus. Setakat ini, jumlah pembiayaan terkumpul bagi pasaran Ar-Rahnu berjumlah RM5.4 bilion, dengan lebih 4.3 juta orang telah meraih manfaat apabila ia diperkenalkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) pada tahun 1993.

## Deposit

Deposit Perbankan Runcit masih terus menerajui aspirasi Bank untuk menjadikan perniagaan bank yang diterajui oleh deposit. Tumpuan utama Bank sepanjang tahun ini adalah untuk mengembangkan deposit dari Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (CASA) yang berkos rendah daripada segmen runcit, IKS dan Perbankan Perniagaan Komersial dan Korporat. Kesenambungan pertumbuhan dalam bilangan akaun pembiayaan pengguna telah secara tidak langsung meningkatkan bilangan akaun baru yang dibuka terutamanya daripada pelanggan Pembiayaan Peribadi. Keperluan untuk memindahkan akaun gaji kepada Bank telah menghasilkan pertumbuhan positif dalam Deposit Akaun Simpanan sebanyak 14%.

## PROSPEK

Perbankan Pengguna merupakan penyumbang utama kejayaan Bank dan usaha sedang giat dilaksanakan untuk membina Perniagaan Perbankan Pengguna yang lebih mampan dan berdayasaing menerusi penambahbaikan "Saluran Perbankan Langsung" (direct banking channel) seperti perbankan internet dan "Mobile Banking". Budaya jualan dan perkhidmatan yang telah diterapkan pada setiap kakitangan tahun lalu telah menunjukkan kesan yang positif dan pihak Bank akan meneruskan usaha penambahbaikan nilai pelanggan berdasarkan nilai teras Bank serta teras falsafah Islam yang berpandukan Keprihatinan, Integriti, Inovasi dan Orientasi Perkhidmatan. Kecemerlangan budaya jualan dan perkhidmatan merupakan faktor penting dalam membezakan perkhidmatan dan produk Bank seiringan dengan produk lain, yang mana Bank akan terus melabur dalam bidang-bidang ini. Sumbangan daripada produk Pengurusan Kekayaan (Wealth Management) dijangka akan dapat meningkatkan perolehan keseluruhan Bank. Di samping itu, Projek Ar-Rahnu yang memulakan operasi pertamanya di Cawangan Pekan pada Julai 2011 kini telah berkembang kepada 9 cawangan menjelang akhir tahun. Perniagaan Ar-Rahnu dilihat sebagai pelaburan Bank yang menguntungkan dan dijangka akan menyumbang kepada keuntungan yang kukuh pada masa hadapan. Atas sebab ini, pihak Bank merancang untuk membuka lebih banyak perkhidmatan Ar-Rahnu di cawangan-cawangan terpilih, di samping terus memperkenalkan produk baru yang inovatif yang dapat menambah keyakinan dan meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap produk-produk Bank.



# PERBANKAN PERNIAGAAN

Berlatarkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Amerika Syarikat, krisis kewangan zon euro, ekonomi asia yang kian lembab terutamanya di China dan India dan di negara kita sendiri, serta ketidaktentuan situasi ekonomi ditambah pula dengan persaingan hebat dalam industri kewangan, tidak hairanlah, tahun kewangan ini menampilkan cabaran kepada perbankan perniagaan. Keadaan diteruskan lagi dengan margin pembiayaan yang semakin menyempit hasil daripada langkah tertentu yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa pada tahun ini.

## AKTIVITI PEMBIAYAAN

Memperkuhkan dan menambah kualiti aset menjadi matlamat Perbankan Perniagaan pada awal tahun ini. Perhatian diberi terhadap memansuhkan aset berkualiti rendah manakala pada masa yang sama meningkatkan aset pembiayaan melalui pemerolehan aset berkualiti. Hasilnya amat memberangsangkan memandangkan kami berjaya mencapai sasaran nisbah aset kualiti yang telah ditetapkan pada awal tahun.

Sepanjang tahun dalam kajian, aset pembiayaan Perbankan Perniagaan berkembang lebih 20% dan melangkaui sasaran pertumbuhan yang telah ditetapkan. Pertumbuhan ini hasil sumbangan pemerolehan aset pembiayaan berkualiti dan penggunaan pembiayaan sedia ada yang memperlihatkan kadar penggunaan yang lebih tinggi. Pertumbuhan pembiayaan adalah hasil dari sumbangan portfolio korporat, manakala portfolio komersil pula menyusut kira-kira 11%. Meskipun begitu, portfolio komersil telah melaporkan keuntungan sebelum cukai yang menggalakkan.

Sepanjang tahun ini, kami telah menerajui, mengatur dan menyusun bersama dua pembiayaan yang melibatkan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di samping menyertai pembiayaan 7-tahun kepada Kerajaan Malaysia (GOM) dengan perolehan satu blok pembiayaan daripada institusi kewangan yang lain. Pemerolehan pembiayaan GOM melibatkan produk baharu yang diperkenalkan oleh Bank iaitu Bay al Dayn bi as Sila', dan kami percaya ia sebagai yang pertama dalam negara.



Sebagai respon kepada saranan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah Bank, kami telah memperkenalkan produk baharu untuk menggantikan pembiayaan berjangka Inah yang sedia ada. Bank telah memperkenalkan pembiayaan berjangka di bawah konsep *Tawarruq*. Di samping itu, pembiayaan modal kerja di bawah konsep yang sama juga telah dirumuskan dan sedang menanti kelulusan pihak berkuasa untuk diperkenalkan.

Skim pembiayaan komersil dan runcit Bumiputra di bawah *Skim Jaminan Usahawan Mara* adalah skim yang dicari-cari dan menjadi pilihan perniagaan dan usahawan Bumiputra. Sambutan baik yang diterima adalah hasil daripada jerayawara yang dianjurkan di beberapa negeri dengan gandingan para pegawai Majlis Amanah Rakyat. Sehingga akhir tahun kewangan ini, pembiayaan yang diluluskan di bawah skim ini telah mencapai 75% daripada dana yang diperuntukkan.

## AKTIVITI PEMBIAYAAN PERDAGANGAN

Di bawah model perniagaan baharu yang kini menjadikan pembiayaan perdagangan sebagai pusat keuntungan yang baharu, strategi pemasaran yang agresif telah dimulakan untuk menarik pelanggan perdagangan baharu serta memastikan penggunaan yang tinggi dari pembiayaan sedia ada. Aset pembiayaan perdagangan melangkaui prestasi tahun terdahulu, namun, jumlah hasil susut sedikit oleh kerana margin yang kian menguncup.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pasukan pembiayaan perdagangan sepanjang tahun ini termasuk:

- Bengkel pembiayaan perdagangan untuk pelanggan dan kakitangan Bank;
- Jerayawara dan seminar untuk para pelanggan di Lembah Klang dan kawasan di luarnya;
- Menyertai Program Vendor Kumpulan DRB-Hicom Berhad dengan menyediakan taklimat mengenai produk perdagangan;
- Menyertai pameran, antara lain Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur dan Ekspo Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana dan lawatan ke MATRADE, Muslim Biz World 2011 serta MIHAS untuk menerokai potensi perniagaan perdagangan; dan
- melaksanakan aliran proses baharu bagi produk perdagangan.

Dalam usaha kami untuk memperbaiki penyampaian produk, dan juga permintaan yang dibuat oleh pelanggan korporat, kami juga turut membangunkan pembiayaan perdagangan mata wang asing. Pelancaran produk ini juga bergantung pada kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Dengan pengenalan pembiayaan ini, kami menjangka hasil pembiayaan perdagangan akan meningkat dengan lebih lanjut. Di waktu yang sama, kami telah membuka kaunter perdagangan di Johor Bahru untuk menyediakan khidmat yang lebih baik kepada wilayah selatan, sementara lebih banyak lagi kaunter akan diperkenalkan pada tahun hadapan.

# PERKHIDMATAN PELANGGAN

## PEMBELI MISTERI DAN KEPUTUSAN TINJAUAN

Bank memahami keperluan untuk menyampaikan dan mengekalkan khidmat pelanggan yang tinggi serta konsisten dan inilah yang menjadi tumpuan sepanjang beberapa tahun yang lalu. Setelah kejayaan memperkenalkan program khidmat pelanggan yang dikenali sebagai "Program Ceria Tetamu" pada tahun 2009, pada Ogos 2011 lalu, Bank telah menggunakan khidmat pihak ketiga bebas untuk menilai keupayaan perkhidmatan dan komitmen pelanggan menerusi usaha pembeli misteri dan tinjauan pelanggan di seluruh bank.


Bank memperkenalkan program pembeli misteri yang pertama pada Ogos 2011 dan sejak itu telah menyempurnakan 2 fasa dalam suku pertama 2012. Purata skor penilaian perkhidmatan seluruh bank bagi fasa kedua mencecah paras 82.3%, menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding 75.9% dalam fasa pertama dengan peningkatan terbesar disaksikan pada zon Jualan dan

Rundingan dan Kemesraan Kakitangan. Di samping itu, rating 83% bagi pengalaman "baik" dan "hebat" oleh pembeli misteri mempamerkan tahap perkhidmatan yang tinggi dan konsisten yang disediakan oleh kakitangan Bank.


Pada bulan Ogos 2011 lalu, Bank memperkenalkan tinjauan pelanggan yang dikendalikan oleh syarikat penyelidikan antarabangsa yang terkenal untuk mengukur kepuasan para pelanggan dan tahap kesetiaan mereka. Tinjauan ini menunjukkan penerimaan yang teguh khususnya di wilayah Pantai Timur dan apabila dibandingkan dengan penanda aras institusi kewangan Asean dan institusi kewangan dan institusi perbankan runcit dunia, menunjukkan bahawa indeks Bank pada paras skor 90, meletakkannya dalam jalur sepuluh peratus teratas dalam kalangan institusi kewangan Asean dan hampir pada jalur ini bagi bank-bank di seluruh dunia. Ini menunjukkan tahap kepuasan hati pelanggan yang tinggi dan kesetiaan merentas semua segmen pelanggan yang melampaui penanda aras Finance Asia.

Tahun 2011-2012 turut menyaksikan tinjauan kakitangan tahunan pada kali kedua, dengan penyertaan oleh 96% daripada kakitangan Bank. Mereka telah memberi maklum balas berhubung dengan kepuasan kakitangan, diantaranya komitmen, perhubungan pengurusan serta isu-isu lain yang berkaitan dengan kerja di bank. Skor indeks 3.61 dan 3.73 dengan julat skor 1-5 mengisyaratkan sikap yang positif dan tahap kesetiaan yang tinggi kepada syarikat. Sama seperti tahun terdahulu, perhubungan dengan pasukan pengurusan juga menunjukkan antara skor tertinggi, menandakan kepuasan kakitangan dan kepercayaan mereka terhadap pasukan pengurusan yang ada sekarang.

Pembeli misteri dan indeks tinjauan masing-masing pada tahap 82 dan 90 mata mencerminkan khidmat berkualiti yang disediakan secara konsisten oleh kakitangan Bank dan tahap kepuasan yang tinggi para pelanggannya. Maklum balas yang diterima daripada tinjauan kakitangan menekankan dengan lebih lanjut atribut positif Bank dan menyediakan platform yang kukuh untuk membolehkan Bank mengorak langkah maju.




# URUS NIAGA DENGAN PIHAK NIAGA YANG BERKAITAN




## PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN MENGIKUT INSTRUMEN KEWANGAN

PADA 31 MAC 2012



## PIHAK BERKAITAN (CP) BERBANDING PENDEDAHAN PIHAK TANPA KAITAN (NCP)

PADA 31 MAC 2012



Berlandaskan Garis Panduan BNM mengenai Urus Niaga dan Pendedahan Kredit, jumlah pendedahan kredit Bank kepada semua pihak yang berkaitan (termasuk pendedahan kredit melalui subsidiari atau entiti lain yang di bawah kawalan Bank), melainkan pihak yang dikecualikan, tidak boleh melebihi 100% asas modal atau 25% jumlah pendedahan kredit terkumpul, mengikut mana yang lebih rendah.


Pada 31 Mac 2012, pendedahan kredit Pihak yang Berkaitan (CP) berjumlah RM1,113.17 juta daripada jumlah pendedahan kredit sebanyak RM16.54 bilion (6.73%). Pembiayaan mencakupi sebahagian besar daripada pendedahan kredit CP ini, iaitu berjumlah RM957.3 juta (86.0%), diikuti oleh sekuriti yang berjumlah RM155.87 juta (14.0%). Dari segi peratus pendedahan kredit CP adalah pada kadar 56.77% berbanding asas modal bank berjumlah RM 1.96 bilion.

Berdasarkan pengagihan penarafan purata wajaran, pendedahan CP adalah satu tahap lebih baik daripada pendedahan Bukan CP di mana mod pelanggan Bukan CP adalah di bawah pengelasan penarafan "Purata". Setakat tarikh ini, tidak terdapat rekod pembiayaan tidak berbayar (NPF) bagi Pihak yang Berkaitan.



# TRANSFORMASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PENYUSUNAN PROGRAM



Hala Tuju Pengurusan Projek

Undang-undang dan keperluan pasaran yang baharu menghendaki kami untuk meneruskan pemodenan sistem teras kami. Pihak pengawal selia dan Pemegang Saham menuntut data yang dipertingkatkan selain ketelusan yang lebih tinggi, manakala para pelanggan pula mahukan perkhidmatan bersepadu merentasi saluran yang pelbagai.

Dengan tekanan daya saing yang memacu kami untuk menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan baharu, kami merumuskan bahawa masanya telah tiba untuk kami berubah.

Walaupun kami telah melabur wang dan masa yang banyak bagi platform teknologi teras kami, sistem ini telah berfungsi dengan baik. Namun, selepas satu dekad, sejak penubuhan kami, melakukan penambahbaikan, mencari jalan dan kaedah penyelesaian masalah, sistem yang sama ini yang menghalang keupayaan kami untuk terus maju.

Kebanyakan sistem perbankan utama kami telah digunakan melebihi sepuluh tahun

dan telahpun digunakan di bank-bank lain jauh lebih lama. Selepas melalui pelbagai pengubahsuaian dan penambahbaikan, sistem tersebut menjadi terlalu kompleks bagi pemrosesan dan pengurusan data sehingga ia menjadi terlalu sukar untuk memahami dan menyenggaranya.

Sistem yang digunakan sejak sekian lama ini juga semakin sukar dan mahal untuk diteruskan penggunaannya dan ditambah baik.

Banyak bank yang membelanjakan sebahagian daripada belanjawan teknologi maklumat hanya untuk menyenggara sistem utama mereka. Kami juga tidak terkecuali dan apabila kami perlu mengubah suai sistem ini untuk mengendalikan produk, saluran atau pasaran baharu, kos dan masa yang diperuntukkan untuk pemasaran seringkali tidak dapat dijustifikasikan.

Lebih teruk lagi, semakin sukar untuk mencari kakitangan teknologi maklumat yang mempunyai kemahiran untuk menyokong teknologi lama ini.

## PERHUBUNGAN REKA BINA



Banyak platform perbankan teras moden adalah fleksibel dan boleh diskala – direka untuk disesuaikan dengan keperluan bank. Di samping itu, kebanyakan platform ini direka bentuk untuk menyediakan keupayaan masa sebenar bagi meningkatkan penggunaan oleh pelanggan dan membantu kami untuk mengurus risiko secara berkesan.


Penyelesaian ini telahpun diterima pakai di Eropah dan Asia oleh kebanyakan pesaing tempatan dan antarabangsa kami, dan akan menjadi teras proses penyelidikan dan pemilihan kita.

Usaha menggantikan sistem perbankan teras ini adalah suatu usaha yang memerlukan tumpuan tenaga dan sumber bank yang besar, namun kami telahpun mengambil langkah ke arah perubahan-perubahan ini dan mengurangkan tekanan ke atas organisasi, pelanggan dan juga kakitangannya.

- Kami telah membuat komitmen untuk mengharungi cabaran dalam usaha menggantikan sistem teras ini, yang akan dikendalikan sebagai satu siri pengenalan terselaras secara berperingkat-peringkat, dan tidak secara sekaligus. Pencapaian matlamat ini memerlukan komitmen yang berterusan daripada bank dan sumbernya selama beberapa tahun.
- Kami bersedia untuk menggantikan proses dan aliran kerja yang berkaitan dengan sistem perbankan teras kami yang ada sekarang. Kebanyakan penyelesaian yang kami sedang semak disertai dengan proses teknologi terkini.
- Kami akan membezakan perniagaan kita dengan membangunkan produk dan perkhidmatan baharu – bukan hanya mengubah suai kod aplikasi. Kami telah belajar dari pengalaman

# TRANSFORMASI TEKNOLOGI MAKLUMAT

## MODEL REKA BINA PERUSAHAAN



masa lepas bahawa kod yang disesuaikan menyukarkan kerja-kerja menyenggara dan menaik taraf sistem, yang boleh menimbulkan pelbagai masalah di Malaysia, suatu keadaan yang mana keperluan pengawalseliaan dan pasaran sentiasa berubah-ubah.

- Penggantian sistem secara besar-besaran bukan hanya merupakan pertukaran teknologi tetapi adalah transformasi asas perniagaan. Sebagai sebahagian daripada perancangan awal kami, persediaan secara aktif dilakukan untuk beralih ke sistem baharu dan menangani ketahanan organisasi.

Transformasi besar-besaran kami akan dikendalikan menerusi program Penyelesaian Perbankan Muamalat (MBS). Program MBS ini akan mengubah Bank menjadi peserta pasaran kewangan domestik dan antarabangsa yang inovatif dan berdaya saing. Penyelesaian baharu ini akan dipacu

oleh bentuk teknologi dan dan teknik sistem yang moden. Ini akan membolehkan bank mencipta produk dan perkhidmatan semasa dan masa hadapan dengan penyesuaian yang minimum, sekaligus meminimumkan risiko pelaksanaan keseluruhan dan masa untuk memasarkannya. MBS akan memenuhi keperluan utama bank yang berikut:

- Meningkatkan ketangkasan dalam memperkenalkan produk baharu ke pasaran
- Menyediakan perkhidmat pelanggan yang unggul menerusi pandangan pelanggan tunggal
- Memperoleh kefleksibelan dan keupayaan untuk menyesuaikan dengan peraturan baharu
- Meningkatkan kecekapan operasi
- Meraih manfaat daripada penyepaduan proses perniagaan depan-ke-belakang.



# PROSES & TRANSFORMASI PERNIAGAAN



Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) mengiktiraf keperluan untuk menyediakan pengalaman dan menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan kami. Dengan berbekalkan aspirasi untuk kekal berdaya saing dalam penyampaian perkhidmatan, Bank telah mengorak langkah pada 2011 untuk memperkenalkan program transformasi dan penambahbaikan proses.

Program ini diterajui Jabatan Proses & Transformasi Perniagaan (BP&T) yang diwujudkan pada tahun 2011, yang merangkumi 2 bahagian utama, iaitu, Penambahbaikan Perniagaan & Penyampaian Perubahan serta Kawalan & Standard Proses. Tugas dan tanggungjawab utama jabatan ini adalah merancang, menyediakan dan melaksanakan transformasi proses dan penambahbaikan strategi hala tuju bagi Bank. Di samping itu, BP&T juga menjadi penaung proses, rangka kerja dan garis panduan yang diformalkan bagi Bank.

Inisiatif transformasi dan penambahbaikan proses bermula pada 29 Februari 2011, dengan memberi tumpuan pada tempoh yang diambil untuk kelulusan Pembiayaan Perumahan & Auto. Pengenalan Sistem Penjejakan & Pengasalan Pembiayaan (FITOS), iaitu sistem pembiayaan interim yang baharu, yang dilancarkan pada bulan Julai 2011 merupakan antara pencapaian yang paling membanggakan yang telah berjaya realisasikan oleh usaha ini. Sistem ini telah berjaya mengurangkan proses tanpa nilai tambah dalam kitaran kelulusan secara ketara. Penambahbaikan proses ini membolehkan proses penyerahan dan penjejakan dilakukan secara langsung melalui sistem ini. Tempoh yang diambil untuk proses kelulusan telah dikurangkan daripada 5 hari kepada 2 hari bagi pembiayaan perumahan dan 3 hari kepada 1 hari bagi pembiayaan auto.

# PROSES & TRANSFORMASI PERNIAGAAN



Ini juga telah membolehkan kecekapan kitaran proses dipertingkatkan daripada kurang 1% kepada 98% bagi kedua-dua kelulusan pembiayaan perumahan dan auto. Pada tahun kewangan 2011/2012, terdapat 33 inisiatif penambahbaikan berskala kecil dan sederhana yang dikendalikan oleh Jabatan Proses & Transformasi Perniagaan dengan kerjasama ketua-ketua Jabatan/Bahagian. Projek-projek ini meliputi bidang proses kritikal pelbagai bidang seperti AMLA, Pengurusan Risiko, Pembiayaan Perdagangan dan banyak lagi.

Satu lagi pencapaian cemerlang pada tahun kewangan 2011/2012 adalah apabila Bank buat pertama kalinya menyertai Konvensyen QIT Ke-7 DRB. Konvensyen QIT ini diadakan pada 10 Mac 2012, di Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie Shah Alam. Bank telah diwakili oleh Pasukan Meteor yang membentangkan projek penambahbaikan berhubung "Peningkatan Kecekapan Kitaran Proses bagi Proses Kelulusan Pembiayaan Pelanggan di Pusat Kelulusan Serantau". Pembentangan pasukan telah menetapkan penanda aras baharu di Konvensyen QIT ini dan mereka telah berjaya meraih Anugerah Pembentangan Terbaik serta hadiah sagu hati.

## PERJALANAN TRANSFORMASI & PENAMBAHBAIKAN KAMI:

Usaha transformasi dan penambahbaikan kami akan berterusan hingga akhir tahun kewangan 2014/2015 dalam usaha membina, memperkukuh dan mengekalkan penambahbaikan berterusan sebagai falsafah kerja dan budaya Bank. Terdapat banyak lagi program yang berkaitan dengan inisiatif penambahbaikan yang bakal diperkenalkan dalam tahun-tahun yang akan datang, seperti:

- Program Peningkatan Berterusan – 'Fikir dan Laksanakan dengan Lebih Baik', yang akan merangkumi Program Work Smart, Lean Six Sigma Fasa Ke-2 dan Program 5S;
- Pengenalan inisiatif untuk mencapai perakuan MS1900:2005 dalam usaha menyempurnakan proses penambahbaikan dan pematuhan; dan
- Latihan Lean untuk Perbankan dalam usaha menggalakkan penyingkiran pembaziran dalam proses;
- Menyusun program ganjaran dan pengiktirafan bagi 'kakitangan berprestasi cemerlang' atau 'high flyers', dan banyak lagi.

# ECM-EDMS

# PENGURUSAN KANDUNGAN

# PERUSAHAAN

## – Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik



Dengan pengenalan inisiatif ECM-EDMS tahun lalu, matlamat akhir pejabat tanpa kertas di Bank semakin hampir dicapai. Inisiatif taktikal ini bukan sahaja memberi Bank kaedah mendapatkan kembali dokumen yang lebih mudah dan pantas, bahkan ia juga turut mempamerkan peningkatan yang ketara dalam kecekapan operasi menerusi aliran proses pengendalian dokumen terpiawai.

Dalam peringkat permulaan, dokumen kertas disimpan dengan selamat di kemudahan penyimpanan terpusat yang khusus, manakala salinan elektronik boleh dicapai dengan mudah dari jarak jauh menerusi sistem rangkaian bank yang terkawal. Bidang penambahbaikan utama dan manfaat yang sudah direalisasikan dalam fasa ini adalah:

- Pengalaman perbankan pelanggan yang konsisten menerusi aliran proses terpiawai bagi fail kredit dan dokumen sekuriti di seluruh bank

- Kos dan produktiviti kakitangan yang dioptimumkan, memastikan capaian maklumat yang tepat secara serta merta daripada pangkalan maklumat yang dikongsi namun terkawal
- Kerahsiaan dan integriti data terpelihara dengan memastikan capaian selamat ke rekod pelanggan hanya oleh kakitangan yang diberi kuasa sahaja

Dalam tahun-tahun yang akan datang, penggunaan ECM-EDMS akan dilanjutkan kepada unit perniagaan lain, di samping jabatan sokongan. Usaha ini akan membolehkan kita menghalakan, menyemak, membuat ulasan, dan meluluskan pelbagai jenis dokumen lain. Ini juga akan membolehkan Bank meningkatkan kerjasama, perkongsian maklumat dan pengurusan pengetahuan dengan rakan niaga dan para pelanggan kita.



# MODAL INSAN



Warga kami merupakan aset kami yang paling berharga. Semangat, sikap profesional, bakat dan komitmen merekalah yang menjadi tulang belakang yang memacu kejayaan kami, dan mereka kekal sebagai teras agenda kami.

Pengurusan prestasi yang lebih baik, menarik, membangunkan dan mengekalkan bakat, meneguhkan kecekapan operasi dan membangunkan keupayaan insan terus menjadi tumpuan kami dalam usaha memastikan pembangunan Bank yang mapan agar kekal dinamik dan berdaya saing. Justeru itu, wajib bagi kami meneruskan komitmen kami untuk melabur dalam pembangunan modal insan dan beberapa inisiatif utama yang lain yang telah dikendalikan sepanjang tahun kewangan lalu demi memastikan komitmen ini ditepati, dan juga dalam usaha menjejak momentum ini.

## **MENEGUHKAN PRESTASI MODAL INSAN**

Meneguhkan prestasi modal insan merupakan antara inisiatif utama HR pada tahun ini. Pelaksanaan sistem pengurusan prestasi yang baharu menekankan persediaan perancangan prestasi yang komprehensif dengan sasaran yang granular, selaras dengan objektif perniagaan. Ini telah diperkenalkan dalam usaha memupuk budaya prestasi tinggi di kalangan modal insan.

Di samping prestasi, kakitangan juga dinilai berhubung Keupayaan Teras dan Keupayaan Kepimpinan terhadap tenaga kerja yang seimbang dalam organisasi.

HR telah berusaha dengan lebih gigih untuk mendidik kakitangan melalui beberapa siri taklimat dan jerayawara di seluruh negara mengenai pelaksanaan sistem pengurusan prestasi yang baharu ini. Para pengurus dilatih secara mendalam dan terperinci demi memupuk kefahaman yang lebih tinggi mengenainya.

Sementara sistem pengurusan prestasi baharu ini dibangunkan, pihak Pengurusan turut menangani isu kakitangan yang mempunyai prestasi yang lemah melalui bimbingan prestasi serta program mentor. Program Mengurus Rancangan Penambahbaikan telah diperkenalkan di BMMB untuk memberi peluang kepada kakitangan yang berprestasi lemah meningkatkan prestasi mereka menerusi proses yang tersusun dan berlandaskan parameter yang sah di sisi undang-undang.

### **TINJAUAN KEPUASAN KAKITANGAN**

Pihak Pengurusan meyakini perihai pentingnya perhubungan antara kakitangan dengan majikan, justeru Bank telah mengendalikannya Tinjauan Kepuasan Kakitangan untuk mengukur tahap kepuasan mereka di seluruh organisasi. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada tinjauan ini.

Memandangkan inisiatif ini dipandang serius oleh pihak Pengurusan, Indeks Kepuasan Pelanggan yang diperoleh daripada Tinjauan Kepuasan Kakitangan ini, telah dimasukkan ke dalam Penunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun ini.

### **MENARIK DAN MENGEKALKAN BAKAT**

Pada tahun kewangan yang lalu, kami telah memberi tumpuan pada usaha mendapatkan bakat dalam bidang jualan, selaras dengan objektif Bank untuk mewujudkan budaya jualan. Setakat hari ini, Bank mempunyai lebih 140 kakitangan jualan dan untuk mengukuhkan asas ini, kami telah memulakan program latihan jualan bagi semua kakitangan jualan, pengurus cawangan dan penolong pengurus cawangan.

Dari sudut membina bakat dari luar dan dalam organisasi, kami berpandukan keperluan Bank Negara Malaysia (BNM) demi memastikan semua perekrutan bakat memenuhi kriteria yang sesuai dan betul yang telah ditetapkan bagi semua institusi kewangan. Garis panduan baru yang telah diluluskan bakal dilaksanakan dalam tahun kewangan yang akan datang. Ianya menitikberatkan pengenalan kriteria kakitangan yang bertanggungjawab antaranya kualiti, kecekapan dan pengalaman

yang akan membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diperlukan oleh jawatan berkenaan secara paling berkesan. Usaha juga sedang dijalankan bagi memastikan kaedah perekrutan dan strategi yang berkesan boleh diterapkan untuk mendapatkan bakat yang lebih tepat. Antara lain, tumpuan diberi terhadap membina kaedah psikometrik untuk mengukur personaliti kerja dan membina keperluan kecekapan demi memastikan jawatan yang ditawarkan sesuai dengan bakat dan kemahiran yang ada.

### **MENGEKALKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN**

Dalam usaha memastikan penambahbaikan kecekapan dan keberkesanan HR secara berterusan, kami telah menerima pakai Dasar dan Prosedur Operasi Standard. Dalam usaha memenuhi tuntutan perniagaan, Perjanjian Peringkat Perkhidmatan juga diterapkan bagi perekrutan, pampasan dan manfaat. Kami juga telah memulakan usaha menambah baik dan menyesuaikan Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS) untuk memenuhi keperluan perniagaan bukan sahaja dalam Sumber Manusia bahkan juga unit perniagaan, dan ini memastikan maklumat yang diperoleh lebih tepat dan berkesan. Di samping itu, pelaksanaan modul swakhidmat akan turut meningkatkan kualiti data dan mengurangkan secara ketara proses pentadbiran dalam persekitaran tanpa kertas. Untuk memastikan kami sentiasa maklum mengenai perkembangan mutakhir pasaran, kami telah memperkenalkan sistem pesanan ringkas sebagai platform untuk menyediakan khidmat yang lebih baik kepada kakitangan.

### **MEMBINA KEUPAYAAN INSAN**

Bagi tahun kewangan 2011/2012, RM4.542 juta telah dibelanjakan untuk latihan dan pembangunan termasuk latihan dalaman dan luar.

Pelbagai aktiviti pembelajaran telah dilaksanakan untuk mengukuhkan kecekapan kakitangan dalam bidang Jualan, Proses, Peningkatan, Syariah, Pengetahuan Produk dan Pematuhan.

Di bawah latihan Jualan yang dibentuk untuk melengkapi profesional jualan dengan kecekapan utama berhubung penjualan

manfaat, penyelidikan berkesan dan pengurusan proses jualan yang mahir, semua Eksekutif Khidmat Pelanggan, Jururunding Kewangan Peribadi dan Pengurus Cawangan telah menghadiri latihan ini dengan objektif untuk meningkatkan jualan.

Dalam bidang Peningkatan Proses pula, program latihan Green Belt dan Yellow Belt telah diperkenalkan untuk melengkapkan Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian dengan pengetahuan dan kecekapan bagi mempamerkan penambahbaikan dalam proses dan prosedur kerja mereka.

Untuk meningkatkan pengetahuan Syariah secara berterusan dalam Perbankan Islam, program ulangkaji telah dikendalikan di seluruh Bank dan dihadiri oleh kira-kira 90% kakitangan daripada semua peringkat.

Latihan Pengetahuan Produk juga dikendalikan terutamanya untuk semua kakitangan cawangan dalam usaha melengkapkan mereka dengan pengetahuan mengenai produk Bank dan juga dalam usaha menyediakan khidmat pelanggan dan jualan yang lebih baik.

Pematuhan Bank terhadap Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) terus menjadi agenda penting kepada Bank. Kami juga meneruskan E-Pembelajaran mengenai Perbankan Islam dan AMLA untuk melengkapi latihan dalam kuliah. Usaha juga telah dilaksanakan untuk memastikan standard profesional minimum bagi kecekapan teras dalam bentuk kredit melalui pengendalian latihan Profesional Kredit Dierakui (CCP).

### **MENGEKALKAN PERHUBUNGAN YANG BAIK DAN KEHARMONIAN DI TEMPAT KERJA**

Sepanjang Tahun Kewangan ini, Bank telah merundingkan dan memperbaharui Perjanjian Kolektif Ke-4 (CA) dengan kesatuan dalaman Bank – Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad (KEPAK). CA ini meliputi semua kakitangan di peringkat eksekutif.

Sejumlah 868 kakitangan meraih manfaat daripada CA yang diperbaharui ini dan telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2013.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Sumbangan kewangan adalah salah satu daripada cara merealisasikan komitmen kami, dan juga sumbangan produk dan menyumbangkan masa, kepakaran dan sumber kami melalui kerja-kerja sukarela. Pada tahun 2011/2012, Bank telah menyumbang sebanyak RM6.3 juta untuk kebajikan melalui program CR dan Tabung Mawaddah.

## TEMPAT KERJA YANG BAIK

Tanggungjawab Sosial Bank berkisar sekitar individu, oleh sebab itu kami melayan kakitangan kami dengan penuh hormat dan bermaruah tanpa mengira gender, budaya dan individu.

Kami beriltizam untuk mewujudkan suatu persekitaran bekerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Pelaburan yang kami buat agar standard tempat kerja sentiasa di peringkat mengukuhkan lagi reputasi kami sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab dari segi sosial dan tempat kerja idaman.

Semua kakitangan kami diberi peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti mereka. Kami berusaha mengenalpasti kakitangan yang mempunyai potensi untuk meningkat dalam peranan mereka sekarang atau pada masa hadapan, bagi memastikan mereka diberikan pendedahan dan alat yang diperlukan untuk mencapai tahap lebih tinggi sebagai pemimpin dalam Bank.

Bagi memastikan kesihatan dan keselamatan kakitangan kami, Bank mengadakan taklimat secara berkala berkenaan kesedaran tentang kesihatan dan latihan kebakaran. Bagi menggalakkan pembangunan sumber manusia dan memastikan pengetahuan perbankan kakitangan berada pada tahap terkini, pelbagai latihan berkaitan AMLA dan Syariah telah dijalankan.

Tanggungjawab Korporat (CR) adalah suatu bahagian penting dalam budaya urus niaga kewangan kami dalam usaha kami mencapai kecemerlangan dalam perniagaan. CR adalah kewajipan yang ditanggung oleh syarikat bagi semua pihak berkepentingan dalam operasi dan aktiviti, dengan sasaran utama untuk memperoleh pembangunan mapan dalam ekonomi, sosial dan persekitaran.

CR adalah suatu alat ajaib yang mendorong sesebuah syarikat untuk mempertingkatkan imej dan pengaruh korporatnya agar diterima oleh masyarakat umum dan menegaskan kehadirannya dalam masyarakat. Lagipun, sumbangan CR dilihat sebagai sifat dermawan yang tidak menjejaskan keuntungan sesebuah syarikat. Bagi Bank, CR adalah cara Bank mengoptimalkan impak perniagaan kewangan kami kepada kakitangan, komuniti dan persekitaran di mana kami beroperasi dan juga pada masyarakat keseluruhannya.

Bank dan cabang demawan kami, Tabung Mawaddah, menjalin kerjasama erat dengan organisasi tempatan, agensi kerajaan dan NGO dalam memberi sokongan kepada projek yang paling relevan dengan keperluan komuniti, yang dengan itu membuka peluang kepada kami untuk menjalin hubungan perniagaan dengan komuniti bagi membantu pertumbuhan dan menjadi pemangkin kemakmurannya.

Program kami termasuklah memberi sokongan kepada perkara yang menjadi prioriti komuniti kami dalam meningkatkan tahap kehidupan. Selain daripada membayar zakat setiap tahun sebanyak 2.5 peratus daripada pendapatan operasi, kami juga beriltizam untuk menyumbang kepada masyarakat melalui inisiatif komuniti seperti pendidikan, bantuan kepada rumah anak-anak yatim dan orang tua, masjid dan surau dan membekalkan makanan kepada golongan gelandangan di KL. Komitmen ini telah dijalankan secara berterusan sejak Bank mula beroperasi.





## KOMUNITI

Semua program CR Bank adalah sejajar dengan falsafah "Kami Prihatin, Kami Berkongsi" yang disokong penuh dan diendors oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank. Pihak Pengurusan memberi laporan bulanan kepada Lembaga berkenaan aktiviti CR Bank dan bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan kelulusan, kawalan dan pemantauan tertentu untuk bantuan kewangan bagi aktiviti sebegitu.

Kami berpegang teguh dengan kepercayaan kami untuk memberikan kesan positif dan berdaya tahan kepada komuniti di mana kami beroperasi. Syarikat kami menyokong pertumbuhan ekonomi melalui perluasan produk dan perkhidmatan, pekerjaan dan pewujudan pekerja berpengetahuan. Kami percaya bahawa kami boleh memberi sumbangan yang memberi kesan besar kepada peningkatan standard kehidupan komuniti tersebut melalui inisiatif seperti penajaan, sumbangan kebajikan, bantuan bencana dan sebagainya.

## TEMPAT PASARAN

Beberapa platform untuk perbincangan terbuka di mana pemegang saham boleh berkongsi pemerhatian mereka atau mendapatkan penjelasan yang telah kami tubuhkan masih berjalan. Platform-platform ini menggambarkan komitmen kami yang berterusan kepada komuniti pelaburan, pemegang saham dan pelanggan kami. Justeru, laman web korporat kami masih

kekal sebagai salah satu daripada saluran penting bagi kami menyampaikan maklumat kepada semua pihak. Bank mematuhi keperluan kawal selia Bursa Malaysia berkenaan pengumuman korporat, pekeling kepada pemegang saham dan laporan tahunan yang dikeluarkan tepat pada waktunya.

## KESIMPULAN

Bank percaya jika ingin menjadi satu entiti perniagaan yang berjaya, bukan penjaan hasil atau pengambilan keuntungan sahaja yang diambil kira, kami juga harus menyumbang kepada komuniti dan memenuhi tanggungjawab kami sebagai sebuah warganegara korporat yang bertanggungjawab dari segi sosial. Kami akan terus berusaha meningkatkan hasil operasi dan perniagaan kami melalui tadbir urus korporat yang bertanggungjawab dan komited kepada pematuhan prinsip-prinsip CR. Sebagai sebuah entiti korporat, kami mengakui kemampuan kami membangun dan membesar sebagai sebuah syarikat yang berdaya tahan sangat bergantung pada usaha kami meningkatkan jalinan hubungan kami dengan pelanggan, kakitangan, pembekal, pemegang saham, pengawal selia dan juga komuniti.

Dalam usaha kami memperoleh nilai pemegang saham yang lebih tinggi melalui urus niaga sedia ada dan yang dirancang untuk masa hadapan, kami akan sentiasa menitikberatkan kebajikan kakitangan kami, komuniti dan tempat pasaran.

# TAKWIM PERISTIWA

**29 Mac 2011**

Majlis Menandatangani BMMB & The Combine Bus Services Sdn. Bhd.

**19 Mac 2011**

Majlis Menandatangani IIUM-BMMB dan Pelancaran BMMB-CERDAS Universiti Islam Antarabangsa (UIAM)

**4 April 2011**

Jamuan Makan Durian Bank Muamalat Malaysia Berhad

**28 April 2011**

Industri Kecil & Sederhana Negeri Melaka

**6 Jun 2011**

Pelancaran Bank Muamalat Cawangan PKNS Kompleks PKNS Shah Alam

**29 Jun 2011**

Pelancaran KIOSK Bank Muamalat di Kemuning Utama Pasar Raya Besar Giant, Shah Alam

**12 Julai 2011**

Pelancaran Cawangan Bank Muamalat di JB Cawangan JB, Jalan Kebun Teh

**21 Julai 2011**

Ceramah Hutang Dalam Islam dan Pengagihan Wang Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim dan Fakir Miskin Surau Mutiara Damansara

**27 – 30 Julai 2011**

Management Roadshow VI Ibu Pejabat dan Wilayah

**30 Julai 2011**

DRB Hicom Lumba Go-Kart Race Siri 2 Litar Go-Kart Taman Tasik Pekan

**3 Ogos 2011**

Program Penjagaan Kakitangan-Employee Care Program (Lambaian Kaabah 2011)

**9 Ogos 2011**

Pengagihan Bubur Lambuk Bank Muamalat Malaysia Berhad

**13 Ogos 2011**

Majlis Berbuka Puasa Bersama Ahli NUBE dan KEPAK Utara Hotel Swiss Inn, Sungai Petani, Kedah

**20 Ogos 2011**

Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Dan Anak-Anak OKU Swiss Inn Hotel

**24 Ogos 2011**

Program Titipan Kasih anjuran bersama Harian Metro Tanjung Karang

**14 September 2011**

Anugerah M1000 Palace of the Golden Horses

**21 September 2011**

1Malaysia, Kampungku (Sambutan Hari Raya) Ibu Pejabat & Jalan Melaka

**3 – 6 Oktober 2011**

KLIFF – Fourm Kewangan Islam Kuala Lumpur Hotel Istana, KL

**19 Oktober 2011**

Majlis Jamuan Makan Pelanggan Perbendaharaan dan Pasaran Modal Bank Muamalat Malaysia Berhad Crown Plaza Hotel

**31 Oktober 2011**

Bank Muamalat Melancarkan Cawangan Baharu di Kg Raja, Besut, Terengganu Darul Iman



12 Julai



5 – 7 Disember



7 Februari

31 Oktober



3 – 6 Oktober





# TAKWIM PERISTIWA

## 5 – 7 November 2011

Program Kembara Ibadah Qurban & Aqiqah di Kemboja 2011 Kemboja

## 21 November 2011

Pelancaran Bank Muamalat di Kulai Johor  
Cawangan Kulai Johor KIOSK Bank Muamalat di JB Sentral Hentian JB Sentral

## 2 Disember 2011

Majlis Bacaan Surah Yassin Dan Doa Selamat  
Cawangan Jalan Melaka Bank Muamalat,  
Cawangan Jalan Melaka

## 5 – 7 Disember 2011

Kem Motivasi “Kem Anak Soleh” Kem Sri Raudhah,  
Batu 12 Gombak

## 14 Disember 2011

Pelancaran Bank Muamalat di Kajang, Selangor  
Bank Muamalat, Cawangan Kajang

## 30 Januari 2012

Perasmian Cawangan Bank Muamalat Seberang  
Jaya & Lebu Pantai Pulau Pinang

## 7 Februari 2012

Pertanding Golf Tertutup 2012 Kelab Golf Bukit  
Kajang

## 20 Februari 2012

Pelancaran Bank Muamalat Cawangan Temerloh,  
Cawangan Temerloh

## 22 Februari 2012

Ceramah Maulidur Rasul Bilik Persidangan,  
Menara Bumiputra

## 1 Mac 2012

Majlis Bacaan Surah Yassin Dan Doa Selamat  
BMMB Cawangan Kelang Bank Muamalat,  
Cawangan Kelang

## 5 Mac 2012

BMMB dilantik sebagai Ejen Zakat PPZ Bank  
Muamalat Cawangan Labuan

## 15 Mac 2012

Forum Perdana “Generasi Y Tentera Darat,  
Pencorak Lanskap Masa Hadapan Tentera Darat”  
Kem Angkatan Tentera Sg Besi

## 16 Mac 2012

Pelancaran Bank Muamalat Cawangan Seremban  
Bank Muamalat Cawangan Seremban

## 20 Mac 2012

Program Bicara Semanis Kurma “Keluarga  
Syurgawi” Bilik Persidangan Menara Bumiputra





15 Mac



28 April



14 September





### ***Surah Al Baqarah: 281***

*Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.*





# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



Lembaga Pengarah Bank (Lembaga Pengarah) mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik merupakan asas organisasi yang berkesan dan bertanggungjawab. Lembaga Pengarah komited sepenuhnya terhadap cadangan yang dibuat oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (MCCG 2012) serta Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Bank Islam Berlesen (BNM/GP1-i yang Disemak) yang dikeluarkan oleh BNM.

Justeru Lembaga Pengarah sentiasa berusaha memastikan bahawa amalan terbaik diterima pakai dan digunakan dalam menerapkan kebertanggungjawaban serta integriti Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan. Dengan yang demikian, Lembaga Pengarah akan terus memastikan bahawa kepimpinan, dasar, strategi serta kawalan dalaman yang tepat diterapkan dengan sewajarnya demi menyampaikan dan mengekalkan gagasan nilai yang dipegang oleh Bank secara berterusan agar pihak berkepentingan amnya dapat meraih faedah daripadanya,

manakala pada masa yang sama menjamin momentum yang berterusan ke arah mencapai aspirasi Bank untuk menjadi pembekal perkhidmatan kewangan Islam yang diutamakan.

## LEMBAGA PENGARAH

### Struktur, Komposisi dan Proses Lembaga Pengarah

Saiz serta komposisi Lembaga Pengarah yang ada sekarang adalah optimum dan seimbang. Seperti yang ditetapkan buat masa ini, Lembaga Pengarah mempunyai kestabilan, kesinambungan dan komitmen serta keupayaan untuk menjalankan tanggungjawabnya secara berkesan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada sepuluh (10) ahli, yang merangkumi seorang (1) CEO/ Pengarah Eksekutif dan sembilan (9) Pengarah Bukan Eksekutif, lima (5) daripadanya adalah ahli bebas. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif mewakili

pemegang saham, iaitu DRB-HICOM Berhad serta Khazanah Nasional Berhad. Komposisi semasa Lembaga mematuhi BNM/GP1-i Yang Disemak.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam pengurusan harian Bank dan tidak terlibat dalam sebarang urusan niaga atau hubungan lain dengan Bank agar mereka mampu membuat pertimbangan secara bebas dan bertindak demi kepentingan Bank serta para pemegang saham.

Profil ringkas para Pengarah dikemukakan di halaman 20 hingga 29 Laporan Tahunan.

### Tataetika Pengarah

Para Pengarah terus mematuhi tataetika berdasarkan tatakelakuan yang dikehendaki daripada para Pengarah institusi kewangan seperti yang ditetapkan dalam BNM/GP7-Bahagian 1 Tataetika: Garis panduan Tatakelakuan bagi Pengarah, Pegawai dan

Kakitangan Industri Perbankan serta Tataetika Pengarah Syarikat, ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memberi panduan strategik bagi Bank, memantau pengurusan secara berkesan serta bertanggungjawab terhadap Bank dan para pemegang saham. Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, Ahli Lembaga Pengarah bertindak berdasarkan pengetahuan yang luas, secara jujur, dengan usaha wajar dan penuh berhati-hati, serta demi kepentingan Syarikat dan pihak berkepentingannya.

Dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka, para Pengarah sentiasa mengambil berat tentang kepentingan dan kemusykilan komuniti perniagaan, khususnya para pelanggan, pemegang saham serta semua pihak berkepentingan yang lain.

Tugas utama Lembaga Pengarah termasuk:-

- Memberi panduan tentang pelan perniagaan tahunan Bank serta hala tuju strategik secara keseluruhan
- Meluluskan belanjawan tahunan Bank dan mengkaji semula secara berkala kemajuan yang dicapai oleh pelbagai bahagian operasi dengan membandingkannya dengan sasaran perniagaan masing-masing
- Mengawasi operasi perniagaan dan prestasi kewangan Bank
- Mengenal pasti dan mengurus risiko utama Bank
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Bank
- Mengkaji dan meluluskan pelantikan para pengarah serta emolumen dan manfaat pengarah menurut garis panduan yang berkaitan
- Mengkaji dan meluluskan pelantikan serta pampasan ahli Jawatankuasa Syariah dan kakitangan utama pengurusan kanan yang memegang fungsi Ketua Pegawai Eksekutif serta-fungsi lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa
- Meluluskan perubahan struktur organisasi korporat
- Mewujudkan dasar, proses dan infrastruktur yang komprehensif bagi memastikan pematuhan terhadap hukum Syariah dalam semua aspek operasi, produk dan aktiviti bank Islam
- Memastikan bahawa bank Islam mempunyai pengaruh yang bermanfaat terhadap kesejahteraan ekonomimasyarakatnya.

Para Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Bank, apabila dirasakan perlu dalam usaha melaksanakan tugas mereka dengan sewajarnya.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Akses kepada Maklumat

Mesyuarat Bank telah dijadualkan lebih awal sebelum tahun kewangan berakhir, khususnya sebelum berakhir tahun kalendar, bagi membolehkan ahli Lembaga Pengarah merancang lebih awal dan memasukkan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk tahun berikutnya ke dalam jadual mereka masing-masing.

Mesyuarat Lembaga Pengarah disusun dengan agenda yang telah ditentukan terlebih dahulu. Para Pengarah akan dibekalkan lebih awal dengan agenda serta kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan perkara yang perlu dipertimbangkan untuk diteliti oleh mereka sebelum tarikh mesyuarat yang berkaitan.

Dalam setiap mesyuarat, Lembaga Pengarah menerima maklumat terkini daripada Pengerusi/wakil Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah tentang perkara yang telah dipertimbangkan oleh kedua-dua jawatankuasa, serta yang memerlukan perhatian.

Lembaga Pengarah mempunyai akses langsung kepada maklumat Bank melalui pihak Pengurusan Kanan serta perkhidmatan Setiausaha Syarikat juga turut memastikan bahawa terdapat korum pada permulaan setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa dalam usaha memastikan mesyuarat tersebut sah.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran setiap pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan ini dikemukakan seperti berikut:-

Pengarah	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
<b>Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid</b> (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13/13
<b>Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil</b> (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	13/13
<b>Dato' Lukman Ibrahim</b> (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik dari 18 November 2011	5/5
<b>Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid</b> (Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif)	13/13
<b>Haji Mohd Izani Ghani</b> (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	10/13
<b>Haji Ismail Ibrahim</b> (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	12/13
<b>Haji Abdul Jabbar Abdul Majid</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	11/13
<b>Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	12/13
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	13/13
<b>Dato' Haji Kamil Khalid Ariff</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik dari 29 September 2011	6/6



# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## Program Latihan Bagi Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memantapkan lagi kemahiran serta pengetahuan ahlinya berhubung undang-undang dan peraturan berkaitan yang baharu, serta perubahan dalam risiko perdagangan yang sentiasa berubah, di samping mengikuti perkembangan industri perkhidmatan kewangan. Setiap pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan yang akan dikenal pasti secara khusus oleh Bank sepanjang tahun kewangan.

## Proses Pelantikan Lembaga Pengarah

Pelantikan pengarah baharu dan pelantikan semula pengarah sedia ada Bank menjelang berakhirnya tempoh pelantikan mereka ditadbir oleh BNM/GP1-i yang Disemak yang diluluskan oleh BNM. Semua pelantikan pengarah tertakluk pada kelulusan oleh BNM.

Penugasan pelantikan dan pelantikan semula para pengarah diurus oleh Jawatankuasa Pencalonan. Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada pengarah bukan eksekutif, dengan Pengerusi serta, sebahagian besar daripada ahlinya daripada kalangan pengarah bebas. Seajar dengan BNM/GP1-i yang disemak, Jawatankuasa Pencalonan mengesyorkan calon yang sesuai untuk memegang jawatan pengarah dan pelantikan kakitangan kanan penting Bank serta subsidiarinya kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan juga memastikan bahawa calon memenuhi keperluan daripada segi kemahiran serta kecekapan teras yang dikehendaki daripada seseorang pengarah dan disifatkan sebagai sesuai dan wajar untuk dilantik sebagai pengarah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Dalam tahun kewangan dalam kajian, Jawatankuasa Pencalonan telah mengesyorkan pelantikan Dato' Lukman Ibrahim (calon DRB-HICOM Berhad) sebagai pengarah bukan bebas bukan eksekutif untuk menganggotai Lembaga Pengarah Bank. Di samping itu, Lembaga Pengarah turut mempertimbangkan dan meluluskan cadangan Jawatankuasa Pencalonan untuk melantik Dato' Haji Kamil Khalid Ariff sebagai pengarah bebas bukan eksekutif.

Sepanjang tahun kewangan ini juga, Jawatankuasa ini telah menilai dan mencadangkan pelantikan semula para Pengarah berikut untuk terus menganggotai Lembaga Pengarah Bank:-

- Haji Abdul Jabbar Abdul Majid sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Dato' Azmi Abdullah sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif
- Haji Mohd Izani Ghani (calon Khazanah Nasional Berhad) sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Di samping itu, Lembaga Pengarah turut mempertimbangkan dan meluluskan cadangan Jawatankuasa Pencalonan untuk melantik semula para Pengarah yang dinamakan di atas.

Lembaga Pengarah yakin bahawa pelantikan dan pelantikan semula para pengarah ini, yang telah membawa kemahiran, pengalaman dan pengetahuan mereka masing-masing yang unik dalam sektor komersil, ditambah pula pendedahan mereka dalam industri kewangan yang berkaitan akan memastikan bahawa jurang kecekapan kritikal yang dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah akan ditangani dengan sewajarnya di samping memberi wawasan yang baharu yang dapat membantu Bank mengatasi cabaran yang bakal dihadapi.

## Pelantikan Semula Pengarah

Menurut Tataurus Pertubuhan Bank, semua pengarah tertakluk pada persaraan mengikut giliran pada selang waktu yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun mereka layak untuk menawarkan diri untuk dipilih semula dan dengan itu membolehkan para pemegang saham mengundi mereka untuk menganggotai semula Lembaga Pengarah.

Pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan atau untuk mengisi kekosongan biasa di sepanjang tahun adalah tertakluk kepada pelantikan semula oleh para pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan berikutan pelantikan mereka.

## Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah

Salah satu tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan ialah untuk menyediakan prosedur yang formal serta telus untuk menilai keberkesanan pengarah secara individu dan di peringkat Lembaga Pengarah secara keseluruhan. Bagi tujuan ini dan selaras dengan BNM/GP1-i, Jawatankuasa Pencalonan telah melaksana dan menetapkan kriteria, proses serta prosedur pemilihan yang jelas bagi menilai keupayaan setiap pengarah untuk menyumbang kepada usaha membuat keputusan yang berkesan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, penilaian juga dibuat untuk mengukur keberkesanan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan.

Pelaksanaan penilaian tahunan lembaga pengarah dibuat terutamanya berdasarkan jawapan kepada soal selidik yang disediakan oleh pihak dalaman. Setelah menjalankan kajian tahunannya, Jawatankuasa Pencalonan berpuas hati bahawa saiz Lembaga Pengarah Bank adalah optimum dan wujud gabungan pengetahuan, kebolehan serta kompetensi teras yang sewajarnya dalam komposisi Lembaga Pengarah. Kesemua Pengarah memenuhi kriteria "sesuai dan wajar" yang telah ditetapkan oleh BNM dalam BNM/GP1-i yang Disemak.

## EKUITI PEMEGANG SAHAM MENINGKAT KEPADA

RM **1,429.89** juta

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang komposisi serta bidang tugasnya adalah berlandaskan BNM/GP1-i yang disemak dan amalan terbaik yang telah ditetapkan oleh MCCG 2012.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Bank adalah seperti berikut:-

### 1. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab memenuhi fungsi memantau kecukupan serta integriti sistem kawalan dalaman dan pelaporan kewangan, pengurusan risiko serta pematuhan terhadap dasar dalaman, prosedur serta undang-undang dan peraturan luar yang berkuat kuasa.

Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang tugasnya dan mempunyai akses yang tidak terhad pada juruaudit dalaman dan luar serta pasukan Pengurusan Kanan Bank.

Komposisi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan kehadiran ahlinya dalam mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun dalam kajian adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Audit	Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
<b>Haji Abdul Jabbar Abdul Majid</b> (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20/20
<b>Haji Ismail Ibrahim</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	17/20
<b>Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	19/20
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	20/20
<b>Dato' Haji Kamil Khalid Ariff</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik sebagai ahli pada 31 Oktober 2011	9/9

Objektif serta aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah sepanjang tahun dalam kajian telah diringkaskan dalam Penyata Kawalan Dalaman seperti yang dikemukakan dalam halaman 81 dalam Laporan Tahunan ini.

### 2. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan menyediakan prosedur yang formal serta telus untuk melantik para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Jawatankuasa Syariah, di samping menilai keberkesanan lembaga pengarah keseluruhannya, ahli Jawatankuasa Syariah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai pengurusan kanan utama.

Mesyuarat diadakan mengikut keperluan Jawatankuasa ini, untuk mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan. Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan kehadiran mereka bagi tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Pencalonan	Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
<b>Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman</b> (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	7/7
<b>Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5/7
<b>Haji Mohd Izani Ghani</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6/7
<b>Haji Ismail Ibrahim</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik sebagai ahli pada 29 April 2011	5/6
<b>Haji Abdul Jabbar Abdul Majid</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	7/7
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	7/7

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

- Menetapkan keperluan minimum bagi lembaga pengarah, iaitu gabungan kemahiran, pengalaman, dan kelayakan, serta kompetensi teras lain yang diperlukan daripada seseorang pengarah. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menentukan keperluan minimum bagi CEO
- Mencadang dan menilai calon-calon untuk jawatan pengarah, ahli jawatankuasa lembaga pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah serta CEO.
- Menyelia keseluruhan komposisi Lembaga Pengarah dari segi kewajaran saiz dan kemahiran, serta keseimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas, menerusi kajian tahunan.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pemecatan pengarah/CEO/Ahli Jawatankuasa Syariah daripada lembaga pengarah/pengurusan/jawatankuasa sekiranya pengarah/CEO/ahli Jawatankuasa Syariah tersebut tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya.
- Menetapkan mekanisme penilaian tahunan formal ke atas keberkesanan lembaga pengarah secara keseluruhan, penilaian prestasi pengarah secara individu, prestasi CEO serta pegawai pengurusan kanan utama yang lain (Naib Presiden Eksekutif dan lebih tinggi).
- Menyelia pelantikan, perancangan penggantian anggota pengurusan serta penilaian prestasi pegawai pengurusan kanan utama.
- Mengesyorkan kepada Lembaga pemecatan pegawai pengurusan kanan utama sekiranya mereka tidak berkesan, menyeleweng serta cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

### 3. Jawatankuasa Saraan

Jawatankuasa Imbuan menyediakan prosedur yang formal serta telus bagi merangka dasar imbuan bagi para Pengarah, CEO dan pegawai pengurusan kanan utama dan memastikan bahawa pakej pampasan Bank adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif serta strateginya.

Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab merangka dasar imbuan bagi ahli Jawatankuasa Syariah yang berpadanan dengan peranan dan tanggungjawab mereka. Jawatankuasa ini kemudiannya akan mengesyorkan pakej imbuan yang dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Komposisi serta kehadiran Jawatankuasa Imbuan bagi tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Imbuan	Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6/6
<b>Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5/6
<b>Haji Mohd Izani Ghani</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik menjadi ahli pada 29 April 2011	4/4
<b>Haji Ismail Ibrahim</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	6/6
<b>Haji Abdul Jabbar Abdul Majid</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5/6
<b>Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5/6

Tanggungjawab khusus Jawatankuasa Imbuan, antara lain, termasuk yang berikut:-

- Menyediakan prosedur yang formal serta telus bagi merangka imbuan bagi para pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif, Jawatankuasa Syariah serta pegawai pengurusan kanan utama, serta memastikan bahawa pampasan mereka kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Bank.
- Mengesyorkan dasar, strategi serta rangka kerja Bank berhubung dengan imbuan, ganjaran dan faedah kepada Lembaga Pengarah.
- Mengesyorkan imbuan bagi ahli Jawatankuasa Syariah untuk diluluskan oleh keseluruhan lembaga Pengarah. Saraan ini hendaklah setara dan mencerminkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah;

### 4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah telah diberi kuasa untuk menyelia aktiviti pihak Pengurusan dalam mengurus risiko kredit, pasaran, kecairan, operasi, undang-undang serta risiko lain dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko telah tersedia dan berfungsi. Di samping itu, Jawatankuasa ini juga turut bertanggungjawab untuk memastikan infrastruktur pengurusan yang komprehensif telah diterapkan dalam usaha mengurus risiko yang berkaitan dengan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musyarakah.

Komposisi serta kehadiran Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah bagi tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah	Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	15/15
<b>Haji Mohd Izani Ghani</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	12/15
<b>Haji Abdul Jabbar Abdul Majid</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	14/15
<b>Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	15/15
<b>Dato' Haji Kamil Khalid Ariff</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) *dilantik sebagai ahli pada 31 Oktober 2011	15/15

Objektif serta aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah sepanjang tahun dalam kajian diringkaskan dalam Penyata Kawalan Dalaman seperti yang dikemukakan di halaman 83 hingga 87 Laporan Tahunan ini.



## 5. Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan mengikut keperluan Akta Perbankan Islam, 1983 serta Tataurusan Pertubuhan Bank, yang menetapkan penubuhan badan Syariah bagi memastikan Bank melaksanakan urusannya berlandaskan prinsip Syariah. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada cendekiawan yang terkenal kerana pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang Fiqh Muamalat.

Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Syariah dikemukakan di Halaman 32 hingga 35 Laporan Tahunan ini.

## 6. Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat Lembaga Pengarah

Selain jawatankuasa di atas, Lembaga Pengarah juga telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pemandu Penyelesaian Perbankan Muamalat Lembaga Pengarah (Jawatankuasa MBS Lembaga Pengarah) pada 19 Januari 2012. Jawatankuasa lembaga pengarah khas ini dibentuk untuk memberi hala tuju, membimbing dan memantau pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan penyelesaian IT bagi Bank, di samping memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyelesaian yang dicadangkan.

Komposisi dan kehadiran Jawatankuasa MBS Lembaga Pengarah sepanjang tahun dalam tinjauan ini adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa MBS Lembaga Pengarah	Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
<b>Dato' Lukman Ibrahim</b> (Pengerusi/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	3/3
<b>Haji Ismail Ibrahim</b> (Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	3/3
<b>Dato' Azmi Abdullah</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	3/3
<b>Dato' Haji Kamil Khalid Ariff</b> (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	3/3

Tanggungjawab khusus Jawatankuasa MBS Lembaga Pengarah, antara lain, termasuk yang berikut:-

- Memastikan penyelesaian Perbankan Muamalat selaras dengan objektif dan keperluan perniagaan dan dilaksanakan dalam lingkungan garis masa dan jadual projek.
- Memastikan pengurusan projek termasuk organisasi projek, permulaan, penjejakan dan pemantauan dilaksanakan.
- Memastikan penyediaan sumber tenaga insan dan kewangan yang mencukupi dan kompeten untuk pelaksanaan.

## 7. Aktiviti Audit Dalaman dan Kawalan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang memberi jaminan keberkesanan dan kecekapan operasi, serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan, prosedur dan garis panduan dalaman yang munasabah.

Penyata Kawalan Dalaman dan aktiviti Bank diringkaskan di halaman 81 Laporan Tahunan ini.

## 8. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Butir-butir berhubung urus niaga pihak berkaitan Bank dibentangkan di halaman 57 di bawah tajuk Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2012 dalam Laporan Tahunan ini.

## 9. Laporan Pengurusan

Pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, laporan kemajuan projek Bank yang sedang berjalan, yang berkaitan dengan produk serta perkhidmatan, teknologi maklumat, pengambilan pekerja, sumber manusia, dasar dan prosedur, keperluan kawal selia, di samping pendapatan dan perbelanjaan diserahkan kepada Lembaga untuk disemak.

## 10. Tanggungjawab Korporat

Sebagai sebahagian daripada perkongsian nilai, Bank sentiasa berusaha menjalin dan mengeratkan hubungannya dengan masyarakat. Menerusi inisiatif Tanggungjawab Korporatnya, Bank menyumbang kembali balik kepada masyarakat secara sukarela, bukan sahaja daripada sudut kewangan, bahkan juga menerusi penyediaan produk dan perkhidmatan, serta mendidik masyarakat tentang kepentingan perkhidmatan kewangan Islam, menerusi beberapa siri ceramah.

Maklumat lanjut mengenai Inisiatif Tanggungjawab Korporat dibentangkan di halaman 66 hingga 67 Laporan Tahunan ini.

# JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



*Dari Kiri ke Kanan:*

**HAJI ABDUL JABBAR ABDUL MAJID – Pengerusi**

**HAJI ISMAIL IBRAHIM**

**TENGKU DATO' SERI HASMUDDIN TENGKU OTHMAN**

**DATO' AZMI ABDULLAH**

**DATO' HAJI KAMIL KHALID ARIFF**

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC) mengiktiraf tanggungjawabnya untuk memastikan bahawa sistem kawalan dalaman Bank sudah memadai dan berkesan untuk mengurus profil risiko dalam lingkungan selera risiko Bank. Walau bagaimanapun, sistem seperti ini direka untuk mengurus bidang risiko utama Bank dalam lingkungan selera risiko yang boleh diterima, dan sebaliknya bukan untuk menjamin penyingkiran sepenuhnya risiko kegagalan dalam usaha mencapai objektif dan matlamat Bank. Dengan yang demikian, sistem kawalan dalaman hanya boleh memberi jaminan yang munasabah dan sebaliknya bukan jaminan mutlak terhadap salah nyata dalam maklumat dan rekod kewangan atau terhadap penipuan atau kerugian.

Bagi tahun kewangan yang dikaji sehingga tarikh penerbitan laporan tahunan dan penyata kewangan ini, BAC berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman yang diterima pakai di Bank adalah mantap dan memadai untuk mengawal selamat kepentingan pihak berkepentingan dan aset Bank.

BAC disokong oleh Jabatan Audit Dalaman (IAD), yang membentuk sebahagian daripada proses tadbir urus di Bank. Juruaudit Dalaman menilai dan menyumbang kepada peningkatan tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. IAD membantu BAC dengan menyediakan jaminan yang munasabah dan cadangan yang menambah nilai berhubung kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pelaporan kewangan, serta pematuhan terhadap dasar dan prosedur dalaman, di samping peraturan dan kawal selia luar yang berkuat kuasa.

IAD mengendalikan audit bebas berasaskan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh BAC. Semasa menyediakan pelan audit, IAD telah mengambil kira strategi perniagaan, objektif, persekitaran risiko dan kawalan dalaman Bank, dan aktiviti unit operasi dan sokongan.


IAD menilai risiko, kawalan dalaman dan pematuhan menerusi pendekatan audit yang tersusun dan berasaskan risiko di samping audit berkala ke atas unit, cawangan, dan proses perniagaan penting, yang kekerapannya ditentukan oleh tahap risiko yang dinilai. Ia menyediakan laporan yang bebas dan objektif untuk disemak dan dipertimbangkan oleh BAC semasa mesyuarat berkalanya.

BAC menyemak semua penemuan, pemerhatian, cadangan dan pelan tindakan yang penting yang dilaporkan oleh IAD, Pengurusan, juruaudit luar, dan pihak pengawal selia. Status tindakan yang diambil ke atas cadangan Juruaudit Dalaman dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Pemantauan Resolusi Audit (ARMC) yang terdiri daripada ahli pengurusan kanan. Minit mesyuarat ARMC dibentangkan kepada BAC untuk dibincangkan.

Dasar dan prosedur untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang serta peraturan yang berkenaan termaktub dalam manual, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank dan pihak berkuasa kawal selia, dan dikemas kini dari semasa ke semasa.



# JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH



*Dari Kiri ke Kanan:*

**DATO' AZMI ABDULLAH – Pengerusi**

**HAJI MOHD IZANI GHANI**

**HAJI ABDUL JABBAR ABDUL MAJID**

**TENGGU DATO' SERI HASMUDDIN TENGGU OTHMAN**

**DATO' HAJI KAMIL KHALID ARIFF**

# PENGURUSAN RISIKO

## GAMBARAN KESELURUHAN

BMMB mengurus risikonya menerusi pendekatan pengurusan risiko tersusun yang berhasrat untuk menyediakan pandangan komprehensif terhadap risiko yang tersirat dalam pelbagai operasi perniagaan. Pendekatan Bank terhadap pengurusan risiko berlandaskan proses tadbir urus formal dan bergantung pada tanggungjawab individu serta pemantauan kolektif, dengan makluman dibuat menerusi pelaporan yang komprehensif.

Proses mengenal pasti dan mengukur risiko, mengenal pasti selera risiko, memastikan pelan dan profil perniagaan sejajar, dan seterusnya membangunkan strategi yang sesuai, merupakan sebahagian daripada pendekatan sistematik yang digunakan untuk mengurus risiko. Di bawah pendekatan ini, pengurusan dan kawalan ke atas bidang risiko utama Risiko Pasaran, Pengurusan Aset dan Liabiliti, Risiko Kredit, Risiko Operasi dan Risiko Pematuhan Syariah disepadukan dan dioptimumkan untuk memperoleh kelebihan daya saing strategik.

Objektif pengurusan risiko utama Bank, secara am termasuk:

- Mengetahui pasti pendedahan risiko yang ketara serta kesannya;
- Menentukan selera risiko dan memastikan strategi dan pelan perniagaan adalah selaras;
- Memastikan keputusan risiko/pulangan dioptimumkan dan disejajarkan dengan matlamat perniagaan;
- Memastikan pelan pertumbuhan perniagaan disokong oleh infrastruktur risiko yang berkesan;
- Merumus dasar dan prosedur yang mantap selaras dengan strategi, barisan perniagaan dan sifat operasi Kumpulan dan Bank;
- Menggarap struktur organisasi yang meliputi seluruh perusahaan dengan peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan secara jelas yang menggalakkan semakan yang teguh dan bebas; dan
- Memupuk budaya risiko dalam Bank dalam meningkatkan usaha memelihara dan mencipta nilai.

## TADBIR URUS RISIKO

Meskipun tanggungjawab pengurusan risiko terletak di semua peringkat dalam Bank, tadbir urus pengurusan risiko bermula di peringkat Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas tadbir urus dan pengurusan risiko secara keseluruhan, yang merangkumi usaha menentukan strategi risiko yang sesuai, menetapkan selera risiko Bank dan memastikan bahawa risiko dipantau dan dikawal dengan berkesan. Ia juga turut bertanggungjawab untuk menentukan struktur pengurusan risiko yang ditakrifkan secara jelas yang menggariskan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Dalam lingkungan struktur ini, pengurus barisan bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengukur dan mengurus risiko dalam bidang yang menjadi tanggungjawab mereka masing-masing.

Di samping tanggungjawab pengurusan risiko individu, terdapat struktur jawatankuasa yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah yang melaksanakan aspek tertentu tanggungjawab pengurusan risiko.

## PENGURUSAN RISIKO

	Struktur Organisasi Tadbir Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Audit
<b>Lembaga Pengarah</b> <i>Kenal Pasti Risiko Sanggup Diambil &amp; Dasar</i>	<div style="text-align: center;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; margin: 0 auto; width: 150px;">Lembaga Pengarah (BoD)</div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 200px;">Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (BRMC)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 200px;">Jawatankuasa Syariah (SC)</div> </div> </div>	Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC)
<b>Pengurusan</b> <i>Memastikan Pelaksanaan Dasar &amp; Pematuhan</i>	<div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-bottom: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #f4a460; padding: 5px; width: 150px;">Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif (ERMC)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #f4a460; padding: 5px; width: 150px;">Jawatankuasa Pengurusan Aset-Liabiliti (ALCO)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #f4a460; padding: 5px; width: 150px;">Jawatankuasa Kredit (CC)</div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #f4a460; padding: 5px; width: 150px;">Jawatankuasa Pelaburan (IC)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #f4a460; padding: 5px; width: 150px;">Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi</div> </div>	Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC)
<b>Peringkat Pekerja</b> <i>Laksana &amp; Patuhi Dasar Risiko</i>	<div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-bottom: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Jabatan Pengurusan Risiko (RMD)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Jabatan Penilaian Kredit (CAD)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Pusat Kelulusan Peruncitan (RAC)</div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Jabatan Pematuhan</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Jabatan Syariah (SD)</div> <div style="border: 1px solid black; background-color: #004a87; color: white; padding: 5px; width: 120px;">Pengurusan Barisan Bank</div> </div>	Jabatan Audit Dalaman (IAD)

# PENGURUSAN RISIKO

Di peringkat pengurusan, beberapa jawatankuasa risiko ditubuhkan untuk memantau bidang risiko khusus dan fungsi kawalan berkaitan, termasuk pengurusan aset-liabiliti, penilaian dan pengurusan kredit, pelaburan dan pengurusan risiko operasi.

Untuk melaksanakan fungsi pengurusan risiko sehari-harian, Jabatan Pengurusan Risiko khusus yang bebas daripada unit perniagaan, menyokong jawatankuasa-jawatankuasa ini.

## TANGGUNGAN RISIKO

Struktur tadbir urus dan pengurusan risiko Bank berlandaskan pendekatan “fungsi teragih” di mana:

- Barisan Pertahanan Pertama terletak pada barisan perniagaan, yang terutamanya bertanggungjawab untuk mengurus risiko khusus yang ditanggung oleh mereka dalam aktiviti sehari-harian.
- Barisan Pertahanan Kedua menyediakan sumber khusus untuk membangunkan rangka kerja, dasar, kaedah dan alat pengurusan risiko bagi mengurus risiko matang yang ditanggung oleh Kumpulan secara keseluruhan.
- Barisan Pertahanan Ketiga melibatkan audit dalaman dan pematuhan, yang berkewajipan untuk menyemak kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko secara bebas.

Untuk memastikan sistem berkesan, Bank telah membangunkan rangka kerja Selera Risiko yang mentakrifkan secara jelas proses, dasar, metrik, tadbir urus dan semakan berterusan selera risiko sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan keseluruhan dan objektif pengurusan risiko. Selera risiko digunakan dalam perancangan perniagaan dan strategik serta operasi perniagaan dan pengurusan risiko sehari-harian. Ia dibangunkan secara bersama dengan barisan perniagaan, justeru memastikan kebertanggungjawaban dan pematuhan

secara berterusan, serta disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah secara berkala.

Pernyataan Selera Risiko, yang mentakrifkan selera risiko, toleransi risiko dan had risiko Bank, dirumus berdasarkan kedudukan kewangan, kapasiti risiko dan kekuatan perolehan terasnya. Ia membentangkan prinsip dan dasar yang memandu perlakuan Bank dalam semua aktiviti yang terdedah pada risiko dan membimbing proses pembuatan keputusan ke arah mencapaiimbangan yang optimum antara risiko dengan pulangan. Pernyataan ini menyediakan pendekatan yang jelas dan tersusun kepada pengurusan, ukuran dan kawalan risiko merentas semua aktiviti perniagaan.

Pernyataan ini, berserta toleransi dan ambang risiko, dirumus untuk meliputi lebih tujuh metrik risiko utama, iaitu kredit, pasaran, kecairan dan pendanaan, operasi, strategik, pematuhan syariah dan risiko reputasi.

## PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah potensi kerugian kewangan yang disebabkan oleh pelanggan runcit atau pihak berlawanan borong gagal memenuhi obligasi mereka apabila tiba masa untuk memenuhinya. Ini meliputi semua pendedahan dan merangkumi risiko kredit ke atas jaminan dan kemudahan tidak dikeluarkan yang tidak boleh dibatalkan. Meskipun pada kadar yang lebih rendah, Bank juga turut terdedah kepada bentuk risiko kredit yang lain, seperti yang berbangkit daripada aktiviti penyelesaian, di mana risiko adalah akibat tindakan mengendalikan aktiviti tersebut dan bukan pemacunya.

Risiko yang berpunca daripada perubahan dalam kualiti kredit masih kekal sebagai ciri utama perniagaan Bank. Perubahan yang menjejaskan kualiti kredit pelanggan atau kemerosotan am keadaan ekonomi boleh menjejaskan kebolehpulihan dan nilai aset Bank, dan demikian juga prestasi kewangannya.

Rangka kerja risiko kredit telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada rangka kerja tadbir urus keseluruhan, untuk mengukur, mengurangkan dan mengurus risiko kredit, di mana pendedahan kepada risiko dikawal dan diurus pada setiap peringkat proses kredit. Di peringkat kelulusan kredit, tahap kuasa dan had memberi kelulusan telah ditakrifkan dengan jelas dan pihak berkuasa dan had ini disahkan dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Kuasa dan had ini tertakluk pada kajian semula secara berkala untuk menilai keberkesanan serta setakat mana ia dipatuhi. Untuk meningkatkan proses pengenalanpastian risiko dan memastikan kualiti keseluruhan cadangan kredit, semakan kredit dan penilaian risiko dilaksanakan secara bebas oleh jabatan penilaian kredit yang berkenaan ke atas cadangan pembiayaan sebelum kelulusan diberi oleh pihak yang berkuasa memberi kelulusan yang berkenaan.

Di samping itu, Bank sentiasa mengendalikan semakan ke atas pendedahan kreditnya berdasarkan tumpuan dan portfolio segmen demi memastikan pendedahan ini berada dalam lingkungan selera risiko dan paras toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Laporan semakan dan analisis ini menyediakan asas bagi usaha merumus strategi dan dasar pengurusan risiko.

Pengurusan risiko kredit ditadbir oleh satu gugusan dasar kredit seperti Dasar Risiko Kredit (“CRP”) dan Garis Panduan Dasar Risiko Kredit (“GCRP”) serta prosedur operasi yang berkaitan. Dasar dan prosedur ini menggariskan dasar risiko dan had berhemah yang sewajarnya, rating risiko dan standard taja jamin pembiayaan, autoriti pemberi kelulusan yang ditugaskan, pengurangan risiko, semakan, rehabilitasi dan penyusunan semula, serta peruntukan bagi rosot nilai pembiayaan. Dasar-dasar ini disemak dan dikemas kini secara berkala demi memastikan keberkesanan dan kerelevanannya yang berterusan.



## PENGURUSAN RISIKO PASARAN & ASET-LIABILITI

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian dalam dan luar kunci kira-kira yang berpunca daripada pergerakan dalam harga pasaran. Pengurusan Aset-Liabiliti (ALM) merujuk pada pengurusan terselarasi kunci kira-kira Bank dan Kumpulan, yang merangkumi aset, liabiliti dan modal. ALM memberi tumpuan terutamanya kepada prestasi keseluruhan Kumpulan dan Bank yang boleh diukur dalam bentuk pendapatan bersih. Sehubungan dengan itu, penentu pendapatan bersih pula adalah kedudukan risiko-pulangan keseluruhan Kumpulan dan Bank.

Objektif utama pengurusan risiko pasaran dan ALM Bank adalah untuk mengurus dan mengawal risiko pasaran demi mengoptimalkan risiko, di samping mengekalkan profil pasaran, selaras dengan pelan strategik Bank.

Bank mempunyai fungsi kawalan risiko pasaran bebas yang bertanggungjawab untuk mengukur pendedahan risiko pasaran berlandaskan dasar dan garis panduan yang ditetapkan. Unit ini akan melapor kepada Jawatankuasa Kerja ALCO setiap bulan yang membincangkan perihal pengurusan kunci kira-kira serta pengurusan modal secara proaktif dan susulan daripada itu memajukan cadangan dan keputusan kepada ERM, BRMC dan Lembaga Pengarah mengikut yang sewajarnya.

Proses pengurusan risiko pasaran dan ALM Bank yang merangkumi pengenalpastian, ukuran, pengurangan, pemantauan, penyeliaan dan pelaporan risiko diterjemahkan ke dalam dasar & garis panduan berikut:-

- Dasar dan Garis Panduan Risiko Pasaran & ALM ("MRAPG").
- Penyata Dasar Buku Perdagangan (TBPS).

## Pengurusan Risiko Kadar Pulangan ("RoR")

Risiko kadar pulangan merujuk pada kebolehubahan aset dan liabiliti bank akibat kemudahubahan kadar penanda aras pasaran, dalam kedua-dua buku perdagangan dan perbankan. Bank mengurus risiko-risiko berikut secara aktif:

Risiko	Takrifan
Risiko Penetapan Semula Harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan masa dalam kematangan dan penetapan semula harga aset dan liabiliti Bank</li> </ul>
Risiko Keluk Hasil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anjakan keluk hasil yang tidak dijangka yang memberi kesan yang menjejaskan kepada pendapatan dan</li> </ul>
Risiko Asas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbangkit daripada hubung kaitan yang tidak sempurna dalam pelarasan kadar yang diperolehi dengan yang dibayar bagi instrumen yang berbeza yang sebaliknya mempunyai ciri-ciri penetapan semula harga yang serupa.</li> </ul>
Kebolehpilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Risiko ini berpunca daripada pilihan yang tersirat dalam kebanyakan aset, liabiliti dan portfolio luar kunci kira-kira Bank.</li> </ul>
Risiko Perdagangan Teranjak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Risiko yang mungkin dihadapi oleh Bank di bawah tekanan komersil untuk membayar pulangan yang lebih tinggi daripada kadar yang diperolehi ke atas asetnya yang dibiayai oleh para pemegang akaun pelaburan.</li> </ul>

## Pengurusan Risiko Kecairan

Risiko kecairan boleh diuraikan secara paling tepat sebagai ketidakupayaan untuk membiayai aset yang bertambah dan kegagalan untuk menyediakan sumber kewangan untuk memenuhi kewajipan apabila tiba masanya untuk dilangsaikan.

Oleh kerana itu, mengurus dan mengekalkan sumber kewangan yang stabil demi memenuhi jangkaan pendeposit menjadi keutamaan Bank. Menerusi pengurusan kunci kira-kira, Bank akan memastikan bahawa terdapat tunai dan aset cair yang tersedia untuk memenuhi obligasi jangka pendek dan jangka panjang apabila genap masa untuk disempurnakan.

Bank menerapkan strategi pengurusan kecairan berikut:

- Pengurusan dalam keadaan biasa: Keadaan biasa ditakrifkan sebagai situasi yang Bank mampu memenuhi sebarang tuntutan kecairan apabila genap masanya.
- Pengurusan dalam keadaan krisis: Keadaan krisis ditakrifkan sebagai situasi yang Bank menghadapi kesukaran memenuhi sebarang tuntutan kecairan apabila genap masanya.

# PENGURUSAN RISIKO

## PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, orang serta sistem dan/atau daripada pelbagai peristiwa luaran. Objektif Pengurusan Risiko Operasi adalah untuk mengurus risiko demi meminimumkan kerugian kewangan disebabkan oleh risiko operasi ini.

Organ risiko utama yang memainkan peranan kritikal dalam rangka kerja pengurusan risiko bersepadu adalah unit Pengurusan Risiko Operasi, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC), Audit Dalaman dan barisan perniagaan.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC)

ORMC terdiri daripada ketua-ketua jabatan unit perniagaan/sokongan berkaitan, yang secara kolektif bertanggungjawab untuk pelaksanaan Rangka Kerja ORM dalam Bank. ORMC mempertimbangkan, menyemak dan mencadangkan semua dasar yang berkaitan dengan ORM setiap bulan. Antara tanggungjawab ORMC termasuk:

- Menilai dan mengesyorkan selera risiko operasi.
- Melaporkan insiden risiko operasi dan kerugian kepada Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Pengurusan untuk dipantau dan membuat keputusan.
- Menyelia kecukupan strategi pengurangan risiko operasi Bank.
- Memastikan pelaporan risiko unit perniagaan/sokongan secara berkala dilakukan tepat pada masanya dan menurut rangka kerja pengurusan risiko operasi.
- Menyemak secara berkala kecukupan dasar, kawalan dan sistem ORM yang diterapkan dalam Bank.

### Ejen Risiko

Ejen Risiko adalah mata dan telinga ORMC dan unit ORM. Ejen-ejen ini adalah kakitangan yang dilantik dalam setiap unit perniagaan dan sokongan. Ejen Risiko melaksanakan proses pengurusan risiko yang dikehendaki ke atas unitnya menggunakan kaedah piawai berlandaskan keperluan Basel II, dalam ruang lingkup budaya penilaian risiko sendiri.

### Jabatan Audit Dalaman

Jabatan Audit Dalaman (IAD) sebagai pihak bebas yang menyediakan penilaian bebas mengenai keberkesanan ORM Kumpulan dan Bank dalam bidang berikut:

- Menilai proses pengurusan risiko operasi.
- Menilai kaedah memantau dan melaporkan profil risiko operasi.
- Menilai prosedur bagi penyelesaian peristiwa risiko dan kerentanan secara berkesan.
- Memastikan usaha pengurangan risiko operasi dari sudut keberkesanan dan kecekapan.

Di samping itu, IAD bekerjasama dengan Unit ORM, unit dan jabatan perniagaan/sokongan dengan berkongsi maklumat berhubung risiko dan kawalan ke atas operasi Bank, justeru menyumbang ke arah pengurusan risiko operasi menyeluruh.

### Jabatan Perniagaan/Unit Sokongan

Risiko Operasi tersirat dalam apa-apa perniagaan sekalipun. Unit Perniagaan/Sokongan bertanggungjawab untuk pengurusan seharian risiko-risiko ini yang berpunca daripada aktiviti perniagaan mereka.

Antara tanggungjawab mereka adalah:

- Melaksanakan dan menyempurnakan Rangka Kerja ORM.
- Mewujudkan kesedaran mengenai persekitaran kawalan risiko operasi dalam setiap unit perniagaan.
- Memastikan kawalan yang memadai dan berkesan diterapkan.
- Menilai dan mengurus risiko operasi harian dalam unit mereka masing-masing;
- Melaporkan isu risiko operasi kepada Unit ORM secara berkala.

### Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Bank menerima pakai Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Pengurusan Kesenambungan Perniagaan yang menghendaki perancangan dan pengaturan sumber dan prosedur utama di seluruh perusahaan demi membolehkan institusi bertindak balas dan meneruskan operasi fungsi perniagaan kritikal, sekiranya berhadapan dengan seluruh spektrum gangguan perniagaan yang luas, yang berbangkit daripada peristiwa dalaman atau luaran.

## PENGURUSAN RISIKO SYARIAH

Risiko pematuhan Syariah ditakrifkan sebagai "Risiko yang berpunca daripada kegagalan Kumpulan dan Bank untuk mematuhi peraturan dan prinsip syariah yang ditetapkan oleh majlis atau jawatankuasa kawal selia Syariah."

Pengurusan Risiko Syariah diwujudkan pada Mei 2011 berikutan keperluan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (SGF) BNM bagi Institusi

Kewangan Islam. Fungsi ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Risiko Syariah (SRMU) yang bertanggungjawab mengurus risiko Syariah dalam lingkungan rangka kerja pengurusan risiko bersepadu Bank. SRMU hendaklah memastikan bahawa bidang risiko Syariah, yang berhubung kait dengan risiko operasi, risiko kredit dan risiko pasaran, dikenal pasti, dinilai, dikawal, dikurangkan, dipantau dan dilaporkan secara proaktif kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab am SRMC termasuk:

- Merumus dasar dan garis panduan mengenai pengurusan risiko pematuhan Syariah.
- Mengenal pasti dan menilai risiko pematuhan Syariah dalam operasi dan aktiviti perniagaan serta dalam produk dan perkhidmatan.
- Menilai keberkesanan kawalan yang sedia ada dan mengesyorkan rancangan kawalan atau pengurangan yang sewajarnya.
- Memantau risiko pematuhan Syariah dan melaporkan risiko ini secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan pihak Pengurusan.
- Mengenal pasti sebarang potensi keuntungan yang berpunca daripada operasi dan aktiviti perniagaan yang tidak dapat diiktiraf sebagai pendapatan yang halal (sah di sisi undang-undang Syariah) bagi Bank oleh kerana ketidakpatuhan kepada keperluan Syariah.

- Merumus prosedur untuk membersihkan pendapatan tidak halal dan memantau proses penyahiktirafan.
- Mengendalikan latihan dan program kesedaran mengenai risiko pematuhan Syariah dalam usaha menyemai budaya risiko pematuhan Syariah.
- Menilai produk baharu dan prosedur pengendalian baharu/sedia ada dari sudut pandangan risiko pematuhan Syariah.

## PENGURUSAN RISIKO REPUTASI

Bank mengiktiraf bahawa risiko reputasi yang ditakrifkan sebagai risiko kepada organisasi yang boleh memberi kesan yang menjejaskan kepada nilai pemegang saham, yang berbangkit daripada kegagalan untuk mengurus semua jenis risiko secara berkesan. Sebagai institusi kewangan Islam sepenuhnya, Bank amat menitikberatkan tadbir urus risiko keseluruhannya, terutamanya dalam memastikan pematuhan kepada rukun syariah, memandangkan persepsi negatif daripada pihak pelanggan dan pihak berkepentingan lain boleh membawa kepada akibat yang menjejaskan Bank.



# PENYATA PEMATUHAN

Sebagai institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perbankan Islam 1983 (IBA), Bank adalah tertakluk kepada keperluan undang-undang dan pematuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Semua garis panduan hendaklah dipatuhi, diuruskan secara proaktif dan berkesan serta diterapkan ke dalam budaya perniagaan bank.

Mengurus keperluan pematuhan kawal selia yang sentiasa berubah dan memastikan Bank mematuhi segala keperluan ini telah dilaksanakan secara strategik dan sistematik, kerana kesan ketidakpatuhan tidak terhad pada sekatan dari segi undang-undang dan kawal selia semata-mata, bahkan juga boleh membawa kerugian atau menjejaskan reputasi Bank. Ketika para pengawal selia berusaha meningkatkan tadbir urus dan membina sistem kewangan yang teguh dan berdayasaing, dari semasa ke semasa, mereka akan memperkenalkan atau mengubah pelbagai keperluan dan garis panduan kawal selia yang dikenakan ke atas institusi kewangan.

Pematuhan ditakrifkan sebagai mematuhi segala keperluan kawal selia, dasar dan prosedur dalaman termasuk mematuhi tatakelakuan dan standard yang selaras dengan aktiviti perbankan.

Bagi pengurusan risiko yang lebih baik, Rangka Kerja dan Piagam Pematuhan telah disediakan bagi memastikan segala garis panduan dan keperluan kawal selia diterima pakai oleh Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan.

Objektif Rangka Kerja Pematuhan ini adalah untuk:

- Menerapkan budaya pematuhan ke seluruh Bank;
- Mengenal pasti dan mengurus risiko pematuhan dan tanggungan;
- Mencegah insiden-insiden ketidakpatuhan;

- Mengenal pasti insiden ketidakpatuhan tepat pada masa;
- Menyelesaikan insiden ketidakpatuhan dengan efektif dan segera.

Rangka Kerja pematuhan disediakan berdasarkan prinsip berikut:

- Komitmen untuk mematuhi keperluan kawal selia yang berkaitan dan memastikan operasi, dasar dan prosedur dalaman, kod tatakelakuan dan piawaian Bank yang berkuat kuasa bagi aktiviti perbankan, dikendalikan selaras dengan keperluan kawal selia.
- Bekerjasama bagi mematuhi keperluan yang ditetapkan melalui 3 tahap pertahanan seperti berikut:
  - Pihak pengurusan serta unit perniagaan dan sokongan adalah pihak utama yang bertanggungjawab dalam mengurus risiko dan tanggungan pematuhan dan pelaksanaan hasil pematuhan (Tahap pertahanan pertama)
  - Jabatan Pematuhan akan menyediakan pengawasan, penyelarasan, memberi pandangan ke arah penambahbaikan dan memastikan kedudukan bank adalah selari dengan tuntutan kawal selia yang ditetapkan (Tahap pertahanan kedua)
  - Jabatan Audit Dalaman selaku badan berkecuali akan memastikan keseluruhan akan menyediakan laporan dan jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa Rangka Kerja Pematuhan dipatuhi seperti yang ditetapkan.
- Jabatan Pematuhan yang khusus, akan mengawal selia pengurusan risiko pematuhan, menjalankan penyelarasan risiko pematuhan dan melaksanakan program pematuhan bagi memastikan operasi keseluruhan bank adalah selaras dengan Rangka Kerja Pematuhan.
- Menerapkan Rangka Kerja Pematuhan di dalam operasi Bank bagi menjadikan pengurusan risiko kawal selia sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan bank.

Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan Bank berikrar akan memastikan proses berikut akan dilaksanakan bagi memupuk budaya pematuhan yang berkesan:

- **Prinsip kepimpinan:**

- Lembaga pengarah dan pihak pengurusan komited sepenuhnya untuk memastikan risiko dan tanggungjawab pematuhan diurus secara berkesan
- Pihak pengurusan di semua peringkat terlibat dalam membina dan mengekalkan budaya pematuhan; dan
- Memperuntukkan sumber yang mencukupi dan wajar untuk program pematuhan.

- **Prinsip budaya:**

- Budaya pematuhan diperkenalkan dan digalakkan secara bersungguh-sungguh di seluruh Bank; dan
- Kelakuan yang mewujudkan dan menyokong pematuhan disokong, manakala budaya ketidakpatuhan ditangani.

- **Prinsip Latihan dan Komunikasi:**

- Kecekapan terhadap pematuhan dan keperluan latihan di kenalpasti dan ditangani; dan
- Pengetahuan dan kesedaran pematuhan diperkukuh dan disampaikan secara berterusan.

- **Prinsip Pengenalpastian & Penilaian Pematuhan:**

- Risiko dan tanggungjawab pematuhan dikenal pasti secara proaktif; dan
- Sistem amaran awal diterapkan untuk mengenal pasti obligasi pematuhan baharu atau yang berubah.

- **Prinsip Pengurusan Pematuhan dan Pengurangan:**

- Dasar, proses dan kawalan dalaman yang berkesan diterapkan untuk mengurangkan risiko ketidakpatuhan;
- Dasar dan prosedur diberitahu bagi memastikan ia difahami; dan
- Pihak pengurusan memantau operasi dan pematuhan keseluruhan.

- **Prinsip Pemantauan Pematuhan:**

- Pelaksanaan program kawalan pematuhan dipantau, diukur dan dilaporkan.
- Program pematuhan hendaklah disemak dengan kerap dan di peringkat secara berterusan.

- **Prinsip Laporan Pematuhan dan Penyelesaian:**

- Mekanisme yang sesuai diwujudkan dan dikekalkan untuk mengenal pasti, merekod, membuat laporan, menganalisis dan memberi maklumbalas kepada perkara berbangkit atau ketidakpatuhan yang berkaitan dengan tanggungjawab pematuhan.

### **ANTI-PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (AML/CFT).**

Pengubahan Wang Haram semakin membimbangkan di beberapa bidang kuasa terutamanya di kebanyakan sektor perkhidmatan kewangan yang baharu. Di sinilah penjenayah memanfaatkan kelemahan sistem kewangan dalam usaha untuk melindungi asal sebenar hak milik dan kutipan aktiviti jenayah atau yang melanggar undang-undang. Walau bagaimanapun bukan semua aktiviti pengganas dibiayai melalui sumber haram, tetapi kaedah yang


digunakan untuk menyulitkan dana hampir sama. Dengan yang demikian, kerajaan dan pihak berkuasa lain, di pelbagai bidang kuasa telah berusaha untuk memperkukuh perundangan dan kawal selia yang sedia ada untuk menyingkirkan atau mengurangkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebaliknya, jika ini dibiarkan tanpa ditangani, ia akan menggalakkan aktiviti jenayah secara berterusan dan akhirnya melemahkan asas sosial dan standard etika masyarakat.

Bank juga mengiktiraf secara jelas kepentingan mengekalkan usaha dan inisiatif berterusan untuk membantu Kerajaan dan BNM dalam memerangi pengubahan wang haram serta pembiayaan aktiviti keganasan menerusi penggunaan sistem perbankan. Dengan memastikan infrastruktur dan proses diterapkan, Bank telah mempamerkan komitmen dan sokongan penuhnya dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan, 2001 (AMLATFA) sebagai salah satu tanggungjawab Institusi yang Melapor (RI). Asas utama infrastruktur ini adalah Dasar AML/CFT dan Garis Panduan Dalaman yang menetapkan perkara berikut:

- Peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban kakitangan dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Pendidikan dan latihan yang kerap untuk memupuk kesedaran dalam kalangan kakitangan mengenai kepentingan AML/CFT supaya membantu dalam mencegah dan mengesan aktiviti yang mencurigakan;
- Penggunaan pangkalan data yang dilanggan dan sistem maklumat pengurusan untuk transaksi pelanggan secara berterusan dalam usaha mengesan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan kepada Unit Perisikan Kewangan (FIU) dan BNM, tepat pada masanya;

- Membantu agensi penguatkuasaan dalam menyediakan maklumat yang diperlukan dan transaksi yang mencurigakan tepat pada masanya;
- Memastikan penyimpanan rekod semua pengenalan dan butir-butir transaksi berlandaskan keperluan berkanun;
- Platform untuk memajukan dan membincangkan isu yang berkisar sekitar AML/CFT setiap bulan dengan Pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah dalam usaha menegaskan komitmen dan meningkatkan fungsi pemantauan;
- Semakan bebas yang kerap oleh pihak dalaman dan luar untuk menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman serta keadaan pematuhan terhadap dasar dan garis panduan; dan
- Penguatkuasaan tindakan disiplin yang sewajarnya secara ketat, berdasarkan prosedur disiplin yang telah ditetapkan ke atas kakitangan yang didapati melanggar dasar dan garis panduan berkaitan.

Kesemua entiti, unit perniagaan dan cawangan dalam Bank amat komited untuk mematuhi Dasar dan Garis Panduan AML/CFT, di samping peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.







# PENYATA KEWANGAN

92 Laporan Pengarah  
97 Penyataan Pengarah  
97 Akuan Berkanun  
98 Laporan Jawatankuasa Syariah  
99 Laporan Juruaudit Bebas  
101 Penyata Kedudukan Kewangan  
102 Penyata Pendapatan

103 Penyata Pendapatan Komprehensif  
104 Penyata Perubahan Ekuiti  
yang Disatukan  
105 Penyata Perubahan Ekuiti  
106 Penyata Aliran Tunai  
108 Nota Kepada Penyata Kewangan

# LAPORAN PENGARAH

Pengarah-pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2012.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank ialah perbankan Islam dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.

Aktiviti utama subsidiarinya adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 11 yang mengiringi penyata kewangan ini.

Pada tahun kewangan ini, tiada perubahan penting dalam aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

## KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
92 Untung bersih bagi tahun	84,984	84,370

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

Pada pendapat pengarah-pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketaranya disebabkan secara apa-apa perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

## DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytiharkan oleh syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lepas. Pengarah-pengarah tidak mencadangkan pembayaran apa-apa dividen dalam tahun kewangan semasa.

## PENGARAH-PENGARAH

Nama pengarah Bank yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Haji Ismail Ibrahim

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid

Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman

Haji Mohd Izani Ghani

Dato' Azmi Abdullah

Dato' Haji Kamil Khalid Ariff (dilantik pada 29 September 2011)

Dato' Lukman Ibrahim (dilantik pada 18 November 2011)

## KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, kepentingan pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan dalam saham Bank dan syarikat yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1.00 sesaham			Pada 31.3.2012
	Pada 1.4.2011	Diperoleh	Pelupusan	
Kepentingan dalam Etika Strategi Sdn Bhd, syarikat induk muktamad:				
Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil	30,000	–	–	30,000

Menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini yang mempunyai kepentingan dalam saham Bank atau syarikat yang berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan ini.

## MANFAAT PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan ataupun pada bila-bila masa sepanjang tempoh tersebut, tiada terdapat apa-apa aturan yang Bank merupakan pihak yang mana pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pemerolehan saham di dalam Bank atau dalam debentur Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada pengarah yang menerima atau berhak untuk menerima manfaat (melainkan manfaat yang terangkum dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau yang belum diterima dan akan diterima oleh pengarah-pengarah tersebut atau gaji tetap kakitangan Bank sepenuh masa seperti yang ditunjukkan dalam Nota 28 dalam penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat yang berkaitan dengan mana-mana pengarah atau firma yang beliau adalah ahlinya, atau dengan syarikat yang beliau mempunyai kepentingan kewangan yang substansial kecuali bagi pengarah tertentu yang menerima imbuhan daripada subsidiari kepada syarikat induk yang terdekat.

## MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN

- (a) Sebelum penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, pengarah-pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:
- untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang lapuk dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
  - untuk memastikan apa-apa aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat diperoleh seperti yang tercatat dalam rekod perakaunan dalam urus niaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh diperoleh.



# LAPORAN PENGARAH

## LAPORAN PENGARAH (SAMB.)

- (b) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangka apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk, atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank adalah tidak mencukupi sehingga ke tahap yang substansial; dan
  - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan atau Bank adalah mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan yang timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah yang digunakan untuk penilaian aset atau liabiliti yang sedia ada bagi Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, pengarah-pengarah tidak menjangkakan apa-apa keadaan, melainkan apa yang telahpun diuruskan dalam laporan atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang akan menyebabkan apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) apa-apa gadaian ke atas aset Kumpulan atau Bank sejak akhir tahun kewangan yang menyebabkan liabiliti mana-mana pihak lain; atau
  - (ii) apa-apa liabiliti luar jangkaan bagi Kumpulan atau Bank yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.
- (f) Pada pendapat pengarah-pengarah:
- (i) tiada luar jangkaan atau liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan ini yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Bank untuk menunaikan obligasi mereka apabila tiba masanya untuk disempurnakan; dan
  - (ii) tiada butiran, urus niaga atau peristiwa yang penting atau luar biasa telah timbul dalam tempoh waktu antara akhir tahun kewangan semasa dengan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Bank dengan ketaranya pada tahun kewangan laporan ini dibuat.

## PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN BANK NEGARA MALAYSIA MENGENAI PELAPORAN KEWANGAN

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Bank, pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan Garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai Penyata Kewangan telah dipatuhi, termasuk yang dinyatakan dalam Garis panduan mengenai Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan dan Garis panduan bagi Pengelasan dan Peruntukan Pengurangan nilai bagi Pinjaman/Pembiayaan.

## TINJAUAN PERNIAGAAN 2011/2012

Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai berjumlah RM124.1 juta, 39% lebih rendah berbanding dengan jumlah yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas, walaupun mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 6% dalam pendapatan boleh diagih. Keuntungan yang berkurangan itu sebahagiannya adalah disebabkan oleh pendapatan lebih tinggi milik pendeposit sebanyak RM64 juta disebabkan oleh kenaikan dalam jumlah deposit pelanggan sebanyak 12%.

Sebagai peserta penting dalam industri Perbankan Islam, Bank mengekalkan perniagaan terasnya dengan baik dengan asas pembiayaan yang berkembang daripada RM7.1 bilion pada bulan Mac 2011 kepada RM9.0 bilion bagi tahun berakhir pada bulan Mac 2012. Jumlah aset Kumpulan meningkat dalam tempoh dua belas bulan kepada RM20.5 bilion berbanding dengan RM18.3 bilion tahun lepas. Peningkatan tersebut adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam jumlah sekuriti pelaburan yang dipegang dan pembiayaan pelanggan.

## PROSPEK BAGI TAHUN 2012/2013

Berdasarkan prospek di atas, kami yakin bahawa terdapat peluang yang mencukupi untuk Bank mengembangkan pembiayaan dan aset pelaburannya. Aktiviti pasaran modal dan perbankan pelaburan bagaimanapun mungkin agak perlahan berbanding dengan tahun lepas. Permintaan pengguna pula dijangka terus berdaya tahan manakala penekanan perbankan perniagaan akan lebih terpilih ketika ekonomi mencatatkan kadar pertumbuhan yang agak perlahan.

## PROSPEK BAGI TAHUN 2012/2013 (SAMB.)

Bank menaruh keyakinan terhadap tinjauan bagi pertumbuhan pembiayaan pada tahun hadapan, didorong oleh permintaan yang menggalakkan atas pembiayaan pengguna manakala portfolio pengguna dijangka berkembang dengan agak sederhana. Pelan tindakan Sektor Kewangan yang baharu bagi tahun 2011-2020, yang menggalakkan pengantarabangsaan kewangan Islam, menyediakan peluang baru dan alternatif bagi pertumbuhan sektor perbankan di Malaysia.

Meninjau ke hadapan, Bank akan terus memberi tumpuan pada penjana pendapatan fi terutamanya dalam bidang kewangan perdagangan, aktiviti perbendaharaan, perbankan pelaburan dan perbankan urus niaga dan juga berhasrat untuk meneroka lebih jauh dalam pengurusan kekayaan dan perkhidmatan Bankatakaful. Perniagaan Ar-Rahnu yang diperkenalkan tahun ini menunjukkan perkembangan yang positif dan akan diperluaskan pada tahun hadapan dengan bank merancang untuk melengkapkan cawangan-cawangannya dengan kemudahan Ar-Rahnu.

Perluasan rangkaian dan penyampaian perkhidmatan pelanggan terus diberi keutamaan, Cawangan-cawangan terpilih akan ditempatkan semula ke lokasi-lokasi yang lebih strategik dan ada di antaranya yang akan diberi wajah baru bagi memberi pengalaman perbankan yang baru. Lebih banyak kiosk akan dibuka bagi menyediakan perkhidmatan perbankan yang lebih mudah kepada pelanggan-pelanggan. Kerjasama dengan Kumpulan DRBHiCom dan terutamanya dengan Pos Malaysia akan menjadi satu lagi usaha penting yang akan memacu bank ke tahap yang lebih tinggi.

## PENARAFAN OLEH AGENSI PENARAFAN LUAR

Butir-butir mengenai penarafan Bank adalah seperti berikut:

Agensi Penarafan	Tarikh	Pengelasan	Penarafan yang Diterima
Rating Agency Malaysia Berhad	Mei 2012	Jangka panjang Jangka pendek Bon Subordinat Tinjauan	A2 P1 A3 Stabil

## PENDEDAHAN JAWATANKUASA SYARIAH

Aktiviti perniagaan Bank adalah berlandaskan pematuhan Syariah dan pengesahan oleh Jawatankuasa Syariah yang terdiri daripada 6 orang ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah bagi tempoh 2 tahun. Peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa Syariah ditetapkan oleh Garis panduan mengenai Urus tadbir Jawatankuasa Syariah untuk Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Syariah perlu menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan termasuk subsidiari-subsidiari Bank dan memberi input kepada Bank mengenai hal-hal berkaitan Syariah bagi memastikan Bank mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.
- Jawatankuasa Syariah dikehendaki mengesahkan dasar-dasar dan prosedur yang disediakan oleh Bank dan memastikan kandungannya tidak mengandungi apa-apa elemen yang bercanggah dengan Syariah.
- Bagi memastikan bahawa produk Bank mematuhi prinsip Syariah, Jawatankuasa Syariah mesti meluluskan:
  - terma dan syarat yang terkandung dalam borang, kontrak, perjanjian atau apa-apa dokumen guaman yang digunakan dalam melaksanakan urus niaga; dan
  - manual produk, pengiklanan bagi tujuan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah-risalah yang digunakan.
- Untuk menilai kerja-kerja yang dijalankan secara semakan Syariah dan audit Syariah bagi memastikan pematuhan dengan hal-hal Syariah yang merupakan sebahagian daripada tugas mereka dalam memberikan penilaian mereka terhadap pematuhan Syariah dan jaminan maklumat dalam laporan tahunan.
- Pihak-pihak yang berkaitan dengan Bank seperti penasihat undang-undang, juruaudit atau perunding mungkin mendapatkan nasihat mengenai hal-hal Syariah daripada Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah perlu memberi bantuan yang perlu kepada pihak yang mahu mendapatkan nasihat.

# LAPORAN PENGARAH

## PENDEDAHAN JAWATANKUASA SYARIAH (SAMB.)

- (f) Jawatankuasa Syariah boleh menasihatkan Bank untuk merujuk Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia mengenai hal-hal Syariah yang tidak dapat diselesaikan.
- (g) Jawatankuasa Syariah perlu memberi pandangan bertulis yang berlandaskan Syariah dalam keadaan apabila Bank membuat rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah untuk perbincangan, atau apabila Bank mengemukakan permohonan untuk kelulusan bagi produk baru.
- (h) Menyediakan untuk Bank garis panduan dan nasihat mengenai hal-hal keagamaan bagi memastikan keseluruhan aktiviti Bank adalah selaras dengan Syariah.
- (i) Membuat keputusan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti yang sedang dan akan dijalankan oleh Bank yang mempunyai kesan dari segi keagamaan.
- (j) Meneliti dan mengesahkan laporan kewangan tahunan Bank.
- (k) Memberi perkhidmatan penasihat dan perundingan Syariah dalam semua aspek berkaitan dengan produk, urus niaga dan aktiviti Bank serta perniagaan lain yang membabitkan Bank.
- (l) Meneliti dan mengesahkan laporan kewangan tahunan Bank.
- (m) Memberi latihan kepada kakitangan serta nota atau bahan-bahan lain yang berkaitan untuk rujukan mereka.
- (n) Mewakili Bank atau menghadiri mesyuarat dengan Majlis Penasihat Syariah atau badan-badan lain yang berkaitan berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan Bank.
- (o) Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan kerahsiaan maklumat dalaman Bank dan hendaklah bertanggungjawab untuk menjaga maklumat yang rahsia. Beliau hendaklah memastikan semua maklumat dirahsiakan, melainkan sekiranya penzahirannya dibenarkan oleh Bank atau oleh undang-undang.
- (p) Jawatankuasa Syariah hendaklah memastikan kualiti dan keseragaman keputusan Syariah.

## KEWAJIPAN ZAKAT

Bank mengeluarkan zakat untuk perniagaannya seperti yang dikehendaki oleh Syariah.

## JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah bertarikh 1 Jun 2012.

**Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid**

**Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid**

Kuala Lumpur, Malaysia



# PENYATAAN PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid dan Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid, yang merupakan dua daripada pengarah-pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat pengarah-pengarah, penyata kewangan yang disertakan dan dikemukakan pada muka surat 101 hingga 213 telah dirangka menurut Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia seperti yang telah diubah suai oleh Garis panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, agar dapat memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2012 dan mengenai prestasi kewangan serta aliran tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun yang dikaji berakhir.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi pengarah bertarikh 1 Jun 2012.

**Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid**

Kuala Lumpur, Malaysia

**Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid**

# AKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, PeerMohamed Ibramsha, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dan dibentang pada muka surat 101 hingga 213 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas PeerMohamed Ibramsha di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 1 Jun 2012

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

**PeerMohamed Ibramsha**

# LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Mengikut surat pelantikan, kami perlu mengemukakan laporan berikut:

Kami telah meneliti prinsip dan kontrak berkaitan dengan urus niaga dan penggunaan pakai yang diperkenalkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad sepanjang tahun berakhir pada 31 Mac 2012. Kami juga telah menjalankan penelitian semula bagi merangka pandangan sama ada Bank Muamalat Malaysia Berhad mematuhi prinsip Syariah dan peraturan Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, serta keputusan-keputusan Syariah yang dibuat oleh kami.

Pengurusan Bank Muamalat Malaysia Berhad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa institusi kewangan menjalankan perniagaan menurut prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk merangka pandangan yang bebas, berdasarkan penelitian kami ke atas operasi Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Kami telah merancang dan melaksanakan penelitian semula kami bagi mendapatkan semua maklumat dan penjelasan yang kami anggap perlu untuk memberi kami bukti yang mencukupi bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa Bank Muamalat Malaysia Berhad tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

Sepanjang pengetahuan kami berdasarkan maklumat yang disediakan untuk kami dan perbincangan serta keputusan yang dibuat atau yang dihadiri oleh Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad telah diperincikan dalam mesyuarat-mesyuarat yang berkenaan dan dengan mengambil kira nasihat dan pandangan yang diberi oleh pakar-pakar, badan dan pihak berkuasa yang berkaitan, kami berpendapat bahawa:

1. Kontrak, urus niaga dan urusan yang dimeterai oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad sepanjang tahun berakhir pada 31 Mac 2012 yang telah kami teliti adalah mematuhi prinsip Syariah;
2. Peruntukan keuntungan dan kerugian berkaitan dengan akaun pelaburan adalah mengikut asas yang telah diluluskan oleh kami menurut prinsip-prinsip Syariah;
3. Semua hasil yang terealisasi daripada sumber-sumber atau melalui cara yang berlawanan dengan prinsip Syariah telah dipertimbangkan untuk pelupusan bagi tujuan kebajikan; dan
4. Pengiraan dan pengagihan zakat adalah menurut prinsip Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, sepanjang pengetahuan kami, dengan ini mengesahkan bahawa operasi Bank Muamalat Malaysia Berhad berdasarkan usaha terbaiknya untuk tempoh berakhir 31 Mac 2012 telah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip Syariah.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

**Azizi Che Seman**

**Engku Ahmad Fadzil Engku Ali**

Tarikh: 1 Jun 2012  
Kuala Lumpur, Malaysia

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)

## LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2012, serta penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, perubahan-perubahan ekuiti dan penyata-penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank untuk tempoh berakhirnya, dan ringkasan dasar perakaunan yang penting serta nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 108 hingga 213.

### *Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata kewangan*

Pengarah-pengarah Bank bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang member pandangan yang benar dan saksama menurut Standard Pelaporan Kewangan, seperti yang diubah suai oleh Garis panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, dan bagi kawalan dalaman yang pengarah-pengarah tentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada kenyataan yang salah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

### *Tanggungjawab juruaudit*

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan dari segi etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang penting.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai akaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang penting dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menganggap kawalan dalaman mempunyai perkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh Bank yang memberi pandangan yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan ber tujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga melibatkan penilaian mengenai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengarah-pengarah, selain menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami.

### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah dirangka dengan betul mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, seperti yang telah diubah suai oleh Garis panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia agar dapat memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2012 dan mengenai prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tempoh yang berakhir.



## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)

### LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA YANG LAIN

Mengikut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan perkara berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang diperlukan di bawah Akta untuk disimpan oleh Bank dan subsidiarinya telah disimpan dengan betul menurut peruntukan Akta berkenaan.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat serta penjelasan yang memuaskan yang diperlukan oleh untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit mengenai akaun subsidiari adalah tidak tertakluk kepada apa-apa kelayakan dan tidak termasuk ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

### PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Bank, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain bagi kandungan laporan ini.

100

#### Ernst & Young

AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
1 Jun 2012

#### Mohd. Sukarno bin Tun Sardon

No. 1697/03/11(J)  
Akauntan Bertauliah

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aset</b>					
Tunai dan dana jangka pendek	4 (a)	4,391,223	6,199,953	4,391,223	6,199,953
Tunai dan penempatan dengan institusi kewangan	4 (b)	110,333	251,012	110,333	251,012
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	5 (a)	74,494	28,585	74,494	28,585
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	5 (b)	6,144,018	4,370,987	6,139,218	4,360,187
Aset kewangan derivatif Islam	6	4,150	5,177	4,150	5,177
Pembiayaan pelanggan	7	9,038,483	7,148,160	9,050,805	7,166,034
Aset-aset lain	8	44,371	70,700	37,394	63,645
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	9	527,721	94,121	527,721	94,121
Aset cukai tertunda	10	52,353	38,240	52,353	38,240
Pelaburan dalam subsidiari	11	–	–	6,384	6,484
Hartanah, loji dan peralatan	12	81,072	101,521	81,072	101,516
Pembayaran prabayar pajakan tanah	13	251	255	251	255
<b>Jumlah aset</b>		<b>20,468,469</b>	<b>18,308,711</b>	<b>20,475,398</b>	<b>18,315,209</b>
<b>Liabiliti</b>					
Deposit daripada pelanggan	14	18,151,087	16,216,173	18,158,747	16,222,790
Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan institusi kewangan yang lain	15	11,896	14,993	11,896	14,993
Liabiliti kewangan derivatif Islam	6	5,630	3,986	5,630	3,986
Bil dan penerimaan belum bayar	16	310,324	291,375	310,324	291,375
Liabiliti-liabiliti lain	17	133,044	164,398	133,218	164,422
Peruntukan untuk zakat dan cukai	18	20,521	5,228	20,511	5,228
Bon subordinat	19	406,079	251,128	406,079	251,128
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>19,038,581</b>	<b>16,947,281</b>	<b>19,046,405</b>	<b>16,953,922</b>
<b>Ekuiti Pemegang Saham</b>					
Modal saham	20	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Rizab	21	429,888	361,430	428,993	361,287
<b>Jumlah ekuiti pemegang saham</b>		<b>1,429,888</b>	<b>1,361,430</b>	<b>1,428,993</b>	<b>1,361,287</b>
<b>Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemegang Saham</b>		<b>20,468,469</b>	<b>18,308,711</b>	<b>20,475,398</b>	<b>18,315,209</b>
<b>Komitmen dan Luar jangkaan</b>	37	<b>4,287,269</b>	<b>5,820,824</b>	<b>4,287,269</b>	<b>5,820,824</b>
<b>Kecukupan Modal *</b>					
Nisbah modal teras	41	14.4%	15.2%	14.4%	15.2%
Nisbah modal berwajaran risiko		19.7%	19.2%	19.7%	19.2%

\* Nisbah-nisbah kecukupan modal adalah dikira setelah mengambil kira risiko kredit dan pasaran.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

# PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pendeposit dan lain-lain	22	<b>838,499</b>	757,951	<b>838,499</b>	757,951
Pendapatan diperoleh daripada pelaburan dana pemegang saham	23	<b>55,092</b>	63,632	<b>54,401</b>	63,547
Peruntukan bagi pengurangan nilai atas pembiayaan	24	<b>(41,451)</b>	(36,127)	<b>(47,451)</b>	(36,127)
Peruntukan bagi komitmen dan luar jangkaan	17(a)	–	(32,861)	–	(32,861)
Masuk kira pengurangan nilai atas pelaburan	25	<b>10,317</b>	59,617	<b>16,217</b>	59,699
Perbelanjaan lain yang diagihkan secara langsung kepada pelaburan pendeposit dan pemegang dana		<b>(20,752)</b>	(18,345)	<b>(20,752)</b>	(18,345)
<b>Jumlah pendapatan yang boleh diagihkan</b>		<b>841,705</b>	793,867	<b>840,914</b>	793,864
Pendapatan boleh agih kepada pendeposit	26	<b>(364,565)</b>	(300,499)	<b>(364,736)</b>	(300,641)
<b>Jumlah pendapatan bersih</b>		<b>477,140</b>	493,368	<b>476,178</b>	493,223
Perbelanjaan kakitangan	27	<b>(170,947)</b>	(157,577)	<b>(170,256)</b>	(156,871)
Perbelanjaan dan overhead lain	30	<b>(158,571)</b>	(115,855)	<b>(159,204)</b>	(115,940)
Kos pembiayaan	31	<b>(23,478)</b>	(15,625)	<b>(23,231)</b>	(15,625)
<b>Keuntungan sebelum zakat dan cukai</b>		<b>124,144</b>	204,311	<b>123,487</b>	204,787
Zakat	32	<b>(3,087)</b>	(8,174)	<b>(3,087)</b>	(8,174)
Cukai	33	<b>(36,073)</b>	(62,560)	<b>(36,030)</b>	(62,599)
<b>Keuntungan bagi tahun kewangan</b>		<b>84,984</b>	133,577	<b>84,370</b>	134,014
Perolehan sesaham yang boleh diagihkan kepada pemegang saham Bank (sen) (Asas dan dicairkan)	34	<b>8.5</b>	13.4		

102

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (6175-W)

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.



# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan (Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain: (Kerugian)/Keuntungan tak terealisasi bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan tersedia untuk dijual		<b>84,984</b>	133,577	<b>84,370</b>	134,014
Cukai pendapatan berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif lain	10	<b>8,159</b>	(5,526)	<b>8,159</b>	(5,526)
Rizab naik turun pertukaran		<b>(470)</b>	1,083	<b>(470)</b>	1,083
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain bagi tahun tersebut, cukai bersih		<b>(16,526)</b>	13,943	<b>(16,665)</b>	13,933
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut		<b>68,458</b>	147,520	<b>67,705</b>	147,947

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

Kumpulan	← Boleh Diagihkan Kepada Pemegang Saham Bank →					Jumlah ekuiti RM'000
	Saham Biasa RM'000	Rizab berkanun* RM'000	Rizab turun naik pertukaran RM'000	Rizab tersedia untuk dijual RM'000	Keuntungan tertahan boleh diagih RM'000	
<b>Pada 1 April 2011</b>	<b>1,000,000</b>	<b>272,893</b>	<b>553</b>	<b>(40,113)</b>	<b>128,097</b>	<b>1,361,430</b>
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun tersebut	-	-	(470)	(16,056)	84,984	68,458
Pindah ke rizab berkanun	-	42,492	-	-	(42,492)	-
<b>Pada 31 Mac 2012</b>	<b>1,000,000</b>	<b>315,385</b>	<b>83</b>	<b>(56,169)</b>	<b>170,589</b>	<b>1,429,888</b>
<b>Pada 1 April 2010</b>	1,000,000	206,105	(530)	(52,973)	61,308	1,213,910
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	-	-	1,083	12,860	133,577	147,520
Pindah ke rizab berkanun	-	66,788	-	-	(66,788)	-
<b>Pada 31 Mac 2011</b>	1,000,000	272,893	553	(40,113)	128,097	1,361,430

\* Rizab berkanun dikekalkan sebagai mematuhi Seksyen 15 Akta Perbankan Islam 1983 dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

Bank	Boleh Diagihkan Kepada Pemegang Saham Bank					Jumlah ekuiti RM'000
	Saham biasa RM'000	Rizab berkanun*	Rizab turun naik pertukaran RM'000	Rizab tersedia untuk dijual RM'000	Keuntungan tertahan boleh diagih RM'000	
<b>Pada 1 April 2011</b>	<b>1,000,000</b>	<b>271,603</b>	<b>553</b>	<b>(39,974)</b>	<b>129,105</b>	<b>1,361,287</b>
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun tersebut	-	-	(470)	(16,194)	84,370	67,706
Pindah ke rizab berkanun	-	42,185	-	-	(42,185)	-
<b>Pada 31 Mac 2012</b>	<b>1,000,000</b>	<b>313,788</b>	<b>83</b>	<b>(56,168)</b>	<b>171,290</b>	<b>1,428,993</b>
<b>Pada 1 April 2010</b>	1,000,000	204,596	(530)	(52,824)	62,098	1,213,340
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	-	-	1,083	12,850	134,014	147,947
Pindah ke rizab berkanun	-	67,007	-	-	(67,007)	-
<b>Pada 31 Mac 2011</b>	1,000,000	271,603	553	(39,974)	129,105	1,361,287

\* Rizab berkanun adalah diperuntukkan bagi mematuhi Seksyen 15 Akta Perbankan Islam 1983 dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.



# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

	Kumpulan		Bank	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti-aktiviti Kendalian</b>				
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	<b>124,144</b>	204,311	<b>123,487</b>	204,787
Pelarasan bagi				
Pelunasan pembayaran prabayar pajakan tanah (Nota 30)	<b>4</b>	5	<b>4</b>	5
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 30)	<b>16,205</b>	13,638	<b>16,200</b>	13,612
Untung atas pelupusan harta, loji dan peralatan (Nota 23)	<b>(66)</b>	–	<b>(66)</b>	–
Hartanah, loji dan peralatan yang dihapus kira (Nota 30)	<b>31,595</b>	748	<b>31,595</b>	748
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun (Nota 22 dan 23)	<b>3,976</b>	14,584	<b>3,976</b>	14,584
Untung bersih daripada jualan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual (Nota 22 dan 23)	<b>(22,948)</b>	(2,202)	<b>(22,948)</b>	(2,202)
Untung bersih daripada jualan pelaburan kewangan dipegang untuk urus niaga	<b>(2,561)</b>	(1,170)	<b>(2,561)</b>	(1,170)
Untung bersih daripada penilaian semula urus niaga tukaran wang asing (Nota 23)	<b>(11,819)</b>	(14,013)	<b>(11,819)</b>	(14,013)
Untung bersih daripada derivatif tukaran asing (Nota 23)	<b>(1,060)</b>	(2,523)	<b>(1,060)</b>	(2,523)
Kerugian tidak terealisasi atas penilaian semula swap kadar faedah Islam (Nota 23)	<b>2,474</b>	158	<b>2,474</b>	158
Pengurangan nilai hapus kira atas pelaburan (Nota 25)	<b>(10,317)</b>	(59,617)	<b>(16,317)</b>	(59,617)
Kerugian pengurangan nilai /(hapus kira) pelaburan dalam subsidiari (Nota 25)	–	–	<b>100</b>	(82)
Peruntukan bagi pengurangan nilai atas pembiayaan (Nota 24)	<b>68,814</b>	45,403	<b>74,814</b>	45,403
Pembiayaan dihapus kira	<b>1,100</b>	8,494	<b>1,100</b>	8,494
Peruntukan bagi komitmen dan luar jangkaan	–	32,861	–	32,861
Kos pembiayaan (Nota 31)	<b>23,478</b>	15,625	<b>23,231</b>	15,625
Pendapatan dividen kasar (Nota 23)	<b>(8,864)</b>	(2,000)	<b>(8,864)</b>	(2,000)
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	<b>214,155</b>	254,302	<b>213,346</b>	254,670
(Pertambahan)/Pengurangan dalam aset kendalian:				
Aset kewangan derivatif Islam	<b>2,087</b>	15,088	<b>2,087</b>	15,088
Pembiayaan pelanggan	<b>(1,961,494)</b>	(674,386)	<b>(1,961,942)</b>	(691,907)
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	<b>(433,600)</b>	(6,300)	<b>(433,600)</b>	(6,300)
Aset-aset lain	<b>(30,677)</b>	(52,928)	<b>(30,891)</b>	(35,571)
Peningkatan/(pengurangan) dalam liabiliti kendalian:				
Deposit daripada pelanggan	<b>1,934,914</b>	1,250,916	<b>1,935,957</b>	1,250,541
Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan institusi kewangan lain	<b>(3,097)</b>	(1,368)	<b>(3,097)</b>	(1,368)
Liabiliti kewangan derivatif Islam	<b>427</b>	(12,795)	<b>427</b>	(12,795)
Bil dan penerimaan belum bayar	<b>18,949</b>	199,151	<b>18,949</b>	199,151
Liabiliti-liabiliti lain	<b>(41,316)</b>	96,618	<b>(41,373)</b>	96,654
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada kendalian	<b>(299,652)</b>	1,068,298	<b>(300,137)</b>	1,068,163
Pembayaran zakat	<b>(5,228)</b>	(3,402)	<b>(5,228)</b>	(3,402)
Pembayaran cukai	<b>(9,805)</b>	(66,768)	<b>(9,567)</b>	(66,619)
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti kendalian</b>	<b>(314,685)</b>	998,128	<b>(314,932)</b>	998,142

	Kumpulan		Bank	
	2012 RM'000	2011 RM'000	2012 RM'000	2011 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Perolehan daripada pelaburan kewangan dalam sekuriti	5,561,248	4,439,477	5,561,248	4,439,477
Pembelian pelaburan kewangan dalam sekuriti	(7,310,152)	(4,716,830)	(7,310,152)	(4,716,830)
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	127	32	127	18
Pembelian hartanah, loji dan peralatan (Nota 17)	(27,412)	(31,860)	(27,412)	(31,860)
Pendapatan dividen	8,864	2,000	8,864	2,000
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(1,767,325)</b>	<b>(307,181)</b>	<b>(1,767,325)</b>	<b>(307,195)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Dividen dibayar atas bon subordinat Islam	(17,399)	(15,365)	(17,152)	(15,365)
Penebusan bon subordinat	(250,000)	–	(250,000)	–
Terbitan tambahan sukuk subordinat	400,000	–	400,000	–
<b>Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan</b>	<b>132,601</b>	<b>(15,365)</b>	<b>132,848</b>	<b>(15,365)</b>
<b>(Pertambahan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai</b>	<b>(1,949,409)</b>	<b>675,582</b>	<b>(1,949,409)</b>	<b>675,582</b>
<b>Tunai dan setara tunai pada awal tahun</b>	<b>6,450,965</b>	<b>5,775,383</b>	<b>6,450,965</b>	<b>5,775,383</b>
<b>Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun</b>	<b>4,501,556</b>	<b>6,450,965</b>	<b>4,501,556</b>	<b>6,450,965</b>
<b>Tunai dan kesamaan tunai merangkumi:</b>				
Tunai dan dana jangka pendek – Nota 4 (a)	4,391,223	6,199,953	4,391,223	6,199,953
Tunai dan penempatan dengan institusi kewangan – Nota 4 (b)	110,333	251,012	110,333	251,012
	<b>4,501,556</b>	<b>6,450,965</b>	<b>4,501,556</b>	<b>6,450,965</b>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Bank terutamanya terlibat dalam semua aspek perniagaan perbankan Islam dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan menurut prinsip-prinsip Syariah.

Aktiviti utama subsidiari-subsidiarinya dikemukakan dalam Nota 11.

Pada tahun kewangan ini, tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara dari segi bentuk kegiatan yang dijalankan.

Bank ialah Bank Islam berlesen di bawah Akta Perbankan Islam, 1983, dan diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar Bank beralamat di Tingkat 20, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad Bank, masing-masing adalah DRBHICOM Berhad dan Etika Strategi Sdn. Bhd., kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. DRB-HICOM Berhad, sebuah syarikat berhad awam disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah pada 1 Jun 2012.

## 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") seperti yang diubah suai oleh Garis panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah, serta Akta Bank, 1965 di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Bank telah menerima pakai FRS yang disemak yang wajib bagi tempoh kewangan bermula selepas 1 April 2011 seperti yang dihuraikan sepenuhnya dalam Nota 3.2.

Penyata kewangan ini dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan dibundarkan kepada ribu (RM'000) terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### 3.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan mengikut kaedah kos asal, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting di bawah.

### 3.2 Perubahan dalam dasar dan pendedahan perakaunan

Dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan Bank selaras dengan yang diterima pakai pada tahun lepas, kecuali penerimaan pakai perkara-perkara berikut yang baharu, disemak dan/atau pindaan pada 1 April 2011:-

- Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS");
- Interpretasi Jawatankuasa Isu ("Interpretasi IC"); dan
- Penerbitan Teknikal ("TR").

Pindaan kepada FRS, Interpretasi IC baharu dan TR berkuat kuasa dari tahun kewangan yang bermula pada 1 April 2011:

FRS 1, Penerimaan Dikemaskini Piawaian Pelaporan Kewangan

FRS 3, Gabungan Perniagaan (disemak)

Pindaan kepada FRS 5, Aset Bukan Semasa Yang Dipegang Untuk Jualan Dan Operasi Yang Ditamatkan

Pindaan kepada FRS 127 Penyata Kewangan Yang Disatukan dan Berasingan

Pindaan kepada FRS 138, Aset Tak Ketara

Pindaan kepada Interpretasi IC 9 Penilaian semula Derivatif Tersirat



### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.2 Perubahan dalam dasar dan pendedahan perakaunan (samb.)

Interpretasi IC 12 Pengaturan Konsesi Perkhidmatan

Interpretasi IC 16, Perlindungan Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Luar Negara

Interpretasi IC 17, Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik

Pindaan kepada FRS 1 Pengecualian Tambahan bagi Penerima Dikemaskini

Pindaan kepada FRS 1, Pengecualian Terhadap daripada Pendedahan FRS 7

Perbandingan bagi Penerima pakai Kali Pertama

Pindaan kepada FRS 1, Penerimaan pakai Kali Pertama Standard Pelaporan Kewangan

Pindaan kepada FRS 2 Bayaran berasaskan Saham

Pindaan kepada FRS 2, Transaksi Pembayaran Berasaskan Saham yang Diselesaikan secara Tunai bagi Kumpulan

Pindaan kepada FRS 3 Gabungan Perniagaan

Pindaan kepada FRS 7 Penambahbaikan Pembentangan mengenai Instrumen Kewangan

Pendedahan Pindaan kepada FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan

Pindaan kepada FRS 121 Kesan Perubahan dalam Pertukaran Mata wang Asing

Pindaan kepada FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Sekutu

Pindaan kepada FRS 131 Kepentingan dalam Syarikat Usahasama

Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan

Pindaan kepada FRS 134 Pelaporan Kewangan Interim

Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

Interprestasi IC 4, Menentukan Sama Ada Sesuatu Pengaturan Mengandungi Pajakan

Interprestasi IC 18 Pindahan Aset Daripada Pelanggan

Pindaan kepada Interpretasi IC 13, Program Kesetiaan Pelanggan

TR 3 Panduan mengenai Pendedahan Peralihan kepada IFRS

TR i-4 Kontrak Jualan Akur Syariah

Penerimaan pakai FRS, Interpretasi IC dan TR baharu/ yang dipinda di atas tidak memberi sebarang kesan yang penting ke atas dasar perakaunan, kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan dan Bank, kecuali bagi yang berikut:

#### Pindaan kepada FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan, Penambahbaikan Pendedahan mengenai Instrumen Kewangan

Penerimaan pakej kepada FRS 7 yang menghasilkan pengalihan beberapa pendedahan selain penambahan pendedahan dalam penyata kewangan, tetapi tidak memberi kesan ke atas untung atau rugi, perolehan tertahan dan rizab-rizab lain dalam Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.

Pindaan kepada FRS 7 memperkenalkan perubahan kepada pendedahan risiko kredit di samping pendedahan tambahan berhubung dengan ukuran nilai saksama dan risiko mudah tunai.

Penerimaan pakai dilaksanakan secara prospektif bagi tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2011 kecuali bagi pendedahan risiko kredit, yang mana perubahan dalam pendedahan perkara ini dilaksanakan secara retrospektif. Butir-butir terperinci terutamanya dinyatakan dalam Nota 38.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.3 Peralihan kepada Rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("Rangka Kerja MFRS")

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan yang baharu yang diluluskan oleh MASB, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Rangka kerja MFRS).

Rangka Kerja MFRS itu hendaklah diguna pakai oleh semua Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2012, kecuali bagi entiti yang berada dalam ruang lingkup MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan Interpretasi IC 15 Perjanjian bagi Pembinaan Hartanah (IC 15), termasuk syarikat induknya, pelabur atau peneroka yang penting (dalam dokumen ini dipanggil 'Entiti dalam Peralihan').

Entiti dalam Peralihan akan dibenarkan untuk menunda penerimaan pakai Rangka kerja MFRS baharu untuk satu tahun lagi. Hasilnya, penerapan Rangka kerja MFRS oleh Entiti dalam Peralihan akan diwajibkan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

Kumpulan tidak tergolong dalam tafsiran di bawah ruang lingkup Entiti dalam Peralihan dan dengan itu, perlu menyediakan penyata kewangan menggunakan Rangka kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRSnya yang pertama bagi tahun berakhir pada 31 Mac 2013. Dalam mengemukakan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan perlu menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang mencerminkan penggunaan Rangka kerja MFRS. Sebahagian besar pelarasan yang diperlukan semasa peralihan ini akan dibuat, secara retrospektif, berbanding dengan baki pembukaan untung tertahan.

Pada tarikh penyata kewangan ini, Kumpulan belum menyempurnakan pengiraan kesan kewangan perbezaan di antara Piawaian Pelaporan Kewangan dengan piawaian perakaunan di bawah Rangka kerja MFRS disebabkan oleh penilaian berterusan yang dilaksanakan oleh pasukan projek. Dengan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan yang disatukan dan berasingan seperti yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini bagi tahun berakhir 31 Mac 2012, mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka kerja MFRS.

Kumpulan menyifatkan bahawa ia telah memperoleh pencapaian penting seperti yang dijadualkan dan meramalkan akan berada dalam kedudukan untuk mematuhi sepenuhnya keperluan Rangka kerja MFRS bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2013.

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan penting

#### (a) Subsidiari dan asas penyatuan

##### (i) Subsidiari

Subsidi adalah entiti yang Kumpulan mempunyai keupayaan untuk mengawal dasar kewangan dan operasi bagi meraih manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau ditukarkan pada ketika ini dipertimbangkan semasa memutuskan sama ada Kumpulan mempunyai kawalan ke atas entiti lain.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian pengurangan nilai.

##### (ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan subsidiarinya pada tarikh laporan dibuat. Penyata kewangan subsidiari yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti tarikh laporan Bank.

Subsidiari disatukan mulai dari tarikh pemerolehan, iaitu tarikh pada bila Kumpulan mendapat kawalan dan terus digabungkan sehingga tarikh penggabungan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan ini, baki intrakumpulan, urus niaga, dan untung atau rugi yang tidak terealisasi daripada urus niaga intrakumpulan dihapuskan sepenuhnya. Dasar perakaunan yang seragam diterima pakai dalam penyata kewangan yang disatukan untuk urus niaga yang serupa dan peristiwa yang berlaku dalam keadaan yang sama.

### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

##### (a) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

##### (ii) Asas penyatuan (samb.)

Pemerolehan subsidiari diambil kira bagi penggunaan kaedah pembelian. Aset yang boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam sesuatu gabungan perniagaan diukur pada permulaannya pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Pelarasan kepada nilai saksama tersebut yang berkaitan dengan kepentingan yang dipegang sebelum ini diambil kira sebagai penilaian semula dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kos sesuatu pemerolehan diukur sebagai agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran aset yang diberi, liabiliti yang ditanggung atau dipikul dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan, termasuk apa-apa kos yang secara langsung diakibatkan oleh pemerolehan tersebut.

Kepentingan tidak mengawal ("NCI") mewakili bahagian untung atau rugi dan aset bersih dalam subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan dan dikemukakan secara berasingan dalam untung atau rugi Kumpulan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, secara berasingan daripada ekuiti pemegang saham induk. Semua jumlah pendapatan komprehensif diagihkan secara bersekadar kepada NCI, meskipun ini menghasilkan baki defisit bagi NCI.

Pertukaran kepentingan hak milik subsidiari (tanpa kehilangan kawalan) diambil kira sebagai urus niaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik.

##### (b) Muhibah

Muhibah pada mulanya diukur pada kos. Berikutan daripada pengiktirafan pertama, muhibah diukur pada kos setelah ditolak kerugian pengurangan nilai terkumpul.

Bagi tujuan ujian pengurangan nilai, muhibah yang diperolehi diagihkan, mulai dari tarikh pemerolehan, kepada setiap unit penajaan tunai yang dijangka meraih manfaat daripada sinergi gabungan tersebut.

Unit penajaan tunai yang mana muhibah telah diagihkan diuji untuk pengurangan nilai setiap tahun dan apabila terdapat petanda bahawa unit penajaan tunai tersebut mungkin dikurang nilainya, dengan membandingkan jumlah dibawa unit penajaan tunai termasuk muhibah yang diagihkan, dengan jumlah yang boleh didapati kembali unit menjana tunai tersebut. Apabila jumlah dalam unit penajaan tunai yang boleh didapati kembali adalah kurang daripada jumlah dibawa, pengurangan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf bagi muhibah tidak boleh dikebalikkan dalam tempoh-tempoh berikutnya.

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit menjana tunai dan sebahagian daripada operasi dalam unit menjana tunai tersebut dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam jumlah bawaan operasi tersebut semasa menentukan untung atau rugi daripada pelupusan operasi tersebut. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan ini diukur berdasarkan nilai saksama relatif operasi yang dilupuskan dengan bahagian unit menjana tunai yang disimpan.



# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (c) Aset kewangan

##### Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya

Instrumen kewangan diiktiraf pada permulaannya dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila, Kumpulan atau Bank menjadi suatu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan tersebut.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada permulaannya, ia diukur pada nilai saksama, manakala bagi aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi yang disebabkan secara langsung daripada kos urus niaga.

Kumpulan dan Bank menentukan pengelasan aset kewangan mereka pada pengiktirafan permulaan, dan kategorinya termasuk aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), pembiayaan dan belum terimaan, dipegang hingga matang ("HTM") dan tersedia untuk jualan ("AFS"), yang butir-butirnya adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:

Aset kewangan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ia dipegang untuk perdagangan atau ditetapkan sedemikian semasa pengiktirafan permulaan. Aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan adalah derivatif (termasuk derivatif tersirat yang berasingan) atau aset kewangan yang diperoleh terutamanya untuk tujuan menjual dalam tempoh terdekat.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Apa-apa untung atau rugi yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Untung bersih atau rugi bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, keuntungan dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, keuntungan dan pendapatan dividen ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi dalam kerugian lain atau pendapatan lain.

Pembelian dan penjualan biasa aset yang dipegang untuk perdagangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian.

#### (ii) Pembiayaan dan jumlah belum terima

Pinjaman dan jumlah belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Selepas pengiktirafan pertama, pembiayaan dan jumlah belum terima diukur pada kos yang terlunas menggunakan kaedah keuntungan efektif, ditolak peruntukan untuk pengurangan nilai. Pendapatan untung atas pembiayaan dan jumlah belum terima diiktiraf dalam "pendapatan untung" dalam untung atau rugi. Pengurangan nilai pembiayaan dan jumlah belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai "peruntukan bagi pengurangan nilai".

#### (iii) Pelaburan kewangan yang dipegang hingga matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau yang boleh ditentukan dan tempoh matang tetap dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

##### (c) Aset kewangan (samb.)

##### Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (samb.)

##### (iii) Pelaburan kewangan yang dipegang hingga matang (samb.)

Selepas pengiktirafan pertama, pelaburan yang dipegang hingga matang diukur pada kos yang terlunas dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan, setelah ditolak pengurangan nilai. Pendapatan keuntungan bagi pelaburan yang dipegang hingga matang diiktiraf dalam "pendapatan untung" dalam untung atau rugi. Pengurangan nilai pelaburan yang dipegang hingga matang diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai "pengurangan nilai pelaburan yang dipegang hingga matang".

Saham tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan pelaburan ekuiti yang diterima hasil daripada penyusunan semula atau penukaran pembiayaan yang tidak mempunyai harga pasaran tersenarai dalam pasaran yang aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara berwibawa juga dikelaskan sebagai sekuriti yang dipegang hingga matang.

Pembelian dan penjualan biasa pelaburan yang dipegang hingga matang diiktiraf pada tarikh penyelesaian.

Jika Kumpulan atau Bank menjual atau mengelaskan semula lebih daripada satu jumlah pelaburan kewangan yang dipegang sehingga matang yang tidak ketara sebelum matang, keseluruhan kategori ini akan tercemar dan dikelaskan semula sebagai tersedia untuk jualan.

Tambahan pula, Kumpulan dan Bank dilarang daripada mengelaskan sebarang aset kewangan sebagai dipegang hingga matang bagi dua tahun yang berikutnya.

##### (iv) Pelaburan kewangan tersedia untuk jualan

Aset yang tersedia untuk jualan adalah aset kewangan yang disifatkan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak dikelaskan dalam mana-mana tiga kategori yang terdahulu. Pelaburan yang tersedia untuk dijual termasuk aset kewangan yang dihasrat untuk dipegang dalam tempoh yang tidak ditetapkan, yang mungkin dijual sebagai tindak balas kepada keperluan mudah tunai atau perubahan dalam keadaan pasaran.

Selepas pengiktirafan yang pertama, aset kewangan yang tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Apa-apa untung atau rugi daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali pengurangan nilai, keuntungan pertukaran asing dan kerugian atas instrumen kewangan dan untung yang dikira dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untung atau rugi terkumpul yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan sebagai pelarasan pengelasan semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf. Pendapatan untung yang dikira menggunakan kaedah untung berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen daripada instrumen ekuiti yang tersedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Bank untuk menerima pembayaran telah disahkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak dapat diukur secara andal diukur pada kos tolak pengurangan nilai.

Pembelian dan penjualan biasa pelaburan yang dipegang hingga matang diiktiraf pada tarikh penyelesaian.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

#### (c) Aset kewangan (samb.)

##### Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (samb.)

#### (iv) Pelaburan kewangan tersedia untuk jualan (samb.)

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyampaian aset dalam tempoh yang ditetapkan secara am oleh peraturan atau konvensyen di pasaran yang berkenaan.

##### Penentuan nilai saksama

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, nilai saksama tersebut ditentukan dengan merujuk pada harga pasaran yang disenaraikan atau menggunakan model penilaian. Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif adalah berdasarkan harga yang disenaraikan di pasaran atau sebut harga penjual.

Bagi semua aset kewangan lain, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian yang sesuai. Dalam hal ini, nilai saksama dianggar menggunakan model aliran tunai terdiskaun, berdasarkan data yang diperhatikan bagi instrumen kewangan yang serupa dan menggunakan input (seperti keluk kadar hasil) yang sedia ada pada tarikh laporan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak disebut harga yang nilai saksamanya tidak dapat diukur secara andal diukur pada kos, dan dinilai untuk pengurangan nilai pada setiap tarikh laporan.

##### Nyahiktiraf

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan instrumen-instrumen ini dipindahkan secara ketara, dibatalkan atau luput. Setelah dinyahiktiraf, perbezaan antara jumlah dibawa instrumen tersebut dengan pertimbangan yang diterima/dibayar, ditolak untung atau rugi kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

#### (d) Liabiliti kewangan

##### Tarikh pengiktirafan

Semua liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh perdagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi satu pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen tersebut.

##### Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya

Liabiliti kewangan dikelaskan menurut isi pengaturan kontraktual yang disertai dan takrifan liabiliti kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan dikelaskan menurut butiran isi pengaturan kontraktual yang disertai dan takrifan liabiliti kewangan tersebut. Liabiliti kewangan, dalam ruang lingkup FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila, Kumpulan atau Bank menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual instrumen kewangan tersebut. Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain.

#### (i) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk perdagangan dan liabiliti kewangan yang disifatkan pada pengiktirafan pertama sebagai pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan yang dipegang untuk perdagangan termasuk derivatif yang disertai oleh Kumpulan dan Bank yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif pada mulanya diukur pada nilai saksama dan selepas itu dinyatakan pada nilai saksama, dengan apa-apa untung atau rugi yang terhasil diiktiraf dalam penyata pendapatan. Untung atau rugi bersih ke atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Bank tidak menetapkan apa-apa liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.



### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

##### (d) Liabiliti kewangan (samb.)

##### Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (samb.)

##### (ii) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Bank termasuk deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi kewangan, sekuriti hutang, belum bayar, bil dan penerimaan belum bayar dan liabiliti lain.

##### (1) *Deposit daripada para pelanggan, pendeposit dan penempatan oleh bank-bank dan institusi kewangan*

Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan oleh bank-bank dan institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan.

##### (2) *Sekuriti hutang*

Sekuriti hutang yang diterbitkan dikelaskan sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti menurut isi terma kontraktual instrumen tersebut. Sekuriti hutang Kumpulan terdiri daripada bon subordinat.

Sekuriti hutang ini dikelaskan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan memandangkan terdapat kewajipan kontraktual bagi Kumpulan dan Bank untuk membuat pembayaran pokok atau faedah bagi sekuriti hutang tersebut atau kedua-duanya sekali secara tunai dan Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan kontraktual untuk menyelesaikan instrumen kewangan tersebut dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan lain.

Berikutan pengiktirafan permulaan, sekuriti hutang yang diterbitkan diiktiraf pada kos yang terlunas; dengan apa-apa perbezaan di antara kutipan setelah ditolak kos urus niaga dengan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh peminjaman dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

##### (3) *Jumlah belum bayar*

Jumlah belum bayar diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang berpunca secara langsung dan seterusnya diukur pada kos yang terlunas menggunakan kaedah keuntungan efektif.

##### (4) *Bil dan penerimaan belum bayar*

Bil dan penerimaan belum bayar mewakili bil dan penerimaan Kumpulan dan Bank yang telah didiskaun semula dan tertunggak dalam pasaran.

##### (5) *Liabiliti Lain*

Liabiliti lain dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama pertimbangan yang dijangka dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

##### **Nyahiktiraf**

Sesuatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut ditebus atau dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama berdasarkan terma yang agak besar perbezaannya atau terma liabiliti sedia ada diubah suai dengan agak ketara, perubahan atau pengubahsuaian tersebut disifatkan sebagai nyahiktiraf liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu dan perbezaan dalam jumlah dibawa yang berkaitan diiktiraf dalam untung atau rugi.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

#### (e) Pengurangan nilai aset kewangan

Kumpulan dan Bank menilai pada tarikh setiap penyata kedudukan kewangan sama ada terdapat bukti matlamat terdapatnya pengurangan nilai dalam aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan. Suatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan dianggap terjejas sekiranya dan jika sekiranya terdapat bukti matlamat pengurangan nilai disebabkan satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian") dan bahawa peristiwa kerugian (atau peristiwa) mempunyai kesan ke atas jangkaan aliran tunai masa hadapan atau (satu kejadian "bahawa berkurangan nilai wujud secara bersendirian bagi pembiayaan yang penting, atau secara kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Bukti pengurangan nilai mungkin termasuk petanda bahawa pelanggan atau sekumpulan pelanggan mengalami kesukaran kewangan yang ketara, kemungkinan mereka menjadi muflis atau menghadapi penyusunan semula kewangan lain, mungkir atau culas dalam pembayaran untung atau pokok dan yang mana data yang boleh diperhatikan menandakan bahawa terdapat pengurangan anggaran aliran tunai masa hadapan yang boleh diukur, seperti perubahan dalam jumlah tertunggak atau keadaan ekonomi yang selaras dengan kemungkiran yang berlaku.

#### (i) Pembiayaan pelanggan

##### Pengelasan pembiayaan sebagai pengurangan nilai

Pembiayaan Kumpulan dan Bank dikelaskan sebagai terjejas apabila ia memenuhi mana-mana kriteria berikut:

- (1) jumlah pokok atau untung atau kedua-duanya tertunggak selama lebih daripada tiga (3) bulan;
- (2) apabila pembiayaan tertunggak kurang daripada tiga (3) bulan, pembiayaan menunjukkan kelemahan kredit, sama ada pengurangan nilai telah diperuntukkan atau tidak; atau
- (3) apabila sesuatu pembiayaan yang terjejas dijadualkan semula atau disusun semula, pembiayaan ini akan terus dikelaskan sebagai terjejas sehingga pembayaran berdasarkan terma yang disemak dan/atau yang disusun semula dipatuhi secara berterusan selama tempoh enam (6) bulan.

Pengelasan semula akaun yang terjejas hendaklah disokong oleh penilaian kredit mengenai keupayaan membayar, aliran tunai dan kedudukan kewangan peminjam. Kumpulan hendaklah berpuas hati bahawa sebaik sahaja akaun dinyahiktiraf, akaun tersebut berkemungkinan tidak dikelaskan lagi pada masa hadapan.

##### Peruntukan pengurangan nilai

Kumpulan pada mulanya menilai sama ada wujudnya bukti matlamat pengurangan nilai secara individu bagi pembiayaan yang secara individu ketara, atau secara kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu.

Jika terdapat bukti matlamat bahawa berlakunya pengurangan nilai, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa pembiayaan tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk jangkaan kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaun pada kadar untung berkesan pembiayaan tersebut yang asal. Jumlah dibawa aset tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Mana yang sesuai, pengiraan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa depan bagi pembiayaan bercagar atau jumlah belum terima mencerminkan aliran tunai yang mungkin terhasil daripada penutupan setelah ditolak kos memperoleh dan menjual cagar tersebut, sama ada penutupan itu berkemungkinan berlaku atau tidak.

### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

##### (e) Pengurangan nilai aset kewangan (samb.)

##### (i) Pembiayaan pelanggan (samb.)

##### Peruntukan pengurangan nilai (samb.)

Pendapatan untung terus diakru berdasarkan jumlah dibawa yang dikurangkan dan diakru menggunakan kadar untung yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kerugian pengurangan nilai. Pendapatan untung dicatatkan sebagai sebahagian daripada 'pendapatan keuntungan'.

Pembiayaan berserta peruntukan yang berkaitan dihapus kira apabila tidak terdapat prospek yang realistik bahawa ia boleh diperolehi semula dan semua cagaran telah terealisasi atau telah dipindahkan kepada Kumpulan. Jika, pada tahun yang berikutnya, jumlah anggaran pengurangan nilai tersebut meningkat atau berkurangan disebabkan peristiwa yang berlaku selepas pengurangan nilai tersebut diiktiraf, kerugian pengurangan nilai yang dahulunya telah diiktiraf ditambah atau dikurangkan dengan menyelaraskan akaun peruntukan ini. Jika hapus kira masa hadapan, kemudiannya diperolehi semula, pemulihan ini dikreditkan ke dalam untung atau rugi.

Pembiayaan yang dinilai sebagai tidak terjejas secara individu, selanjutnya dinilai sebagai pengurangan nilai secara kolektif. Bagi pembiayaan yang dinilai secara kolektif, Kumpulan telah mengguna pakai peruntukan peralihan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menerusi garis panduannya mengenai Pengelasan dan Peruntukan Pengurangan nilai bagi Pinjaman/ Pembiayaan, yang menetapkan bahawa peruntukan penilaian kolektif hendaklah dikekalkan pada paras minimum sebanyak 1.5% daripada jumlah pembiayaan yang tertunggak, setelah ditolak peruntukan pengurangan nilai individu.

##### (ii) Dipegang hingga matang

Bagi sekuriti yang dibawa pada kos terlunas yang mana terdapatnya bukti matlamat berlaku pengurangan nilai, kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan antara kos terlunas dengan nilai semasa aliran tunai masa hadapan, terdiskaun pada kadar berkesan asal sekuriti tersebut. Jumlah pengurangan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan, ditolak apa-apa pengurangan nilai yang diiktiraf sebelum ini.

##### (iii) Tersedia untuk dijual

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti matlamat bahawa pelaburan kewangan yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual terjejas nilainya.

Bagi ekuiti yang disebut harga, pengurangan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti tersebut di bawah kos juga dipertimbangkan dalam menentukan sama ada bukti matlamat pengurangan nilai wujud. Sekiranya bukti tersebut wujud, kerugian kumulatif (diukur sebagai perbezaan di antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa ditolak kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelum ini) dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi pelaburan ekuiti yang tidak disebut harga yang diukur pada kos, jumlah kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset tersebut dengan nilai saksama anggaran aliran tunai yang terdiskaun pada kadar pulangan semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas pelaburan ekuiti tidak dikebalikkan selepas pengiktirafannya.

Bagi instrumen hutang yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual, pengurangan nilai dinilai berdasarkan kriteria yang sama seperti aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Bagaimanapun, jumlah pengurangan nilai yang dicatatkan ialah kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan di antara kos terlunas dengan nilai saksama semasa, setelah ditolak apa-apa pengurangan nilai pelaburan yang dahulunya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila kerugian pengurangan nilai telah diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, jika terdapat apa-apa peningkatan dalam nilai saksama instrumen hutang yang boleh dihubungkan secara Matlamat kepada peristiwa kredit yang berlaku selepas pengurangan nilai tersebut telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian pengurangan nilai dikebalikkan melalui untung atau rugi.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

#### (f) Instrumen ekuiti

Instrumen ekuiti ialah sebarang kontrak yang membuktikan lebih keuntungan dalam aset Kumpulan dan Bank setelah menolak semua liabiliti. Saham biasa ialah instrumen ekuiti.

Saham biasa dicatatkan sewaktu perolehan diterima setelah ditolak kos urus niaga tambahan langsung. Dividen bagi saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

#### (g) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai

##### Instrumen derivatif

Kumpulan dan Bank menggunakan derivatif seperti pertukaran kadar untung, pertukaran mata wang silang dan kontrak pertukaran asing hadapan.

Instrumen derivatif pada peringkat awal diiktiraf pada nilai saksama, yang biasanya sifar atau amat kecil nilainya pada permulaannya bagi derivatif bukan pilihan dan bersamaan dengan premium pasaran yang dibayar atau diterima bagi pilihan pembelian atau bertulis. Derivatif ini seterusnya diukur semula pada nilai saksamanya. Nilai saksama diperolehi daripada sebut harga harga pasaran dalam pasaran aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini dan teknik penilaian yang merangkumi model aliran tunai dan model penetapan harga pilihan, mengikut kesesuaian.

Instrumen kewangan derivatif diukur pada nilai saksama dan dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila ia negatif. Sebarang untung atau rugi yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ia sebahagian daripada perhubungan lindung nilai:

##### Perakaunan lindung nilai

Kumpulan dan Bank menggunakan instrumen derivatif untuk mengurus pendedahan kepada kadar untung, mata wang asing dan risiko kredit. Untuk mengurus risiko tertentu, Kumpulan dan Bank menggunakan perakaunan lindung nilai bagi urus niaga yang memenuhi kriteria tertentu.

Pada permulaan perhubungan lindung nilai, Kumpulan dan Bank mendokumenkan perhubungan antara butiran yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai secara formal termasuk sifat risikonya, Matlamat dan strategi untuk mengendalikan lindung nilai dan kaedah yang akan digunakan untuk menilai keberkesanan perhubungan lindung nilai tersebut.

#### (i) Nilai saksama lindung nilai

Apabila instrumen kewangan derivatif melindungi nilai perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf, apa-apa keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika instrumen perlindungan nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan perlindungan nilai, perhubungan lindung nilai tersebut ditamatkan. Bagi butiran lindung nilai yang dicatatkan pada kos terluas, perbezaan di antara nilai dibawa butiran lindung nilai semasa atas penamatan dan nilai muka dilunaskan atas baki tempoh lindung nilai asal menggunakan kadar keuntungan efektif. Jika butiran lindung nilai dinyahiktiraf, pelarasan nilai saksama yang tidak dilunaskan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan.

#### (ii) Perlindungan nilai aliran tunai

Bagi perlindungan nilai aliran tunai yang ditetapkan dan layak, bahagian untung atau rugi instrumen perlindungan nilai pada mulanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dalam rizab lindung nilai aliran tunai. Bahagian untung atau rugi instrumen lindung nilai yang tidak berkesan diiktiraf secara serta-merta dalam pendapatan bukan untung. Apabila aliran tunai yang dilindung nilai mempengaruhi penyata pendapatan, untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai tersebut dicatatkan dalam pendapatan yang berkaitan atau baris perbelanjaan dalam penyata pendapatan.



### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

##### (g) Instrumen derivatif dan perakaunan lindung nilai (samb.)

###### Perakaunan lindung nilai (samb.)

##### (ii) Perlindungan nilai aliran tunai (samb.)

Apabila instrumen perlindungan nilai luput atau dijual, ditamatkan, dilaksanakan atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan perlindungan nilai, apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain yang ada dalam pendapatan komprehensif lain pada waktu itu kekal dalam pendapatan komprehensif lain dan diiktiraf apabila urusan niaga ramalan perlindungan nilai tersebut akhirnya diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila urusan niaga yang diramalkan dijangka tidak berlaku, untung atau rugi terkumpul yang dilaporkan dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan dengan serta-merta ke penyata pendapatan.

Kumpulan dan Bank tidak menggunakan perhubungan perlindungan nilai aliran tunai pada akhir tahun kewangan ini.

###### Derivatif tersirat

Derivatif tersirat dalam instrumen kewangan lain diambil kira secara berasingan sebagai derivatif jika sifat dan risikonya tidak berkait rapat dengan kontrak hos dan kontrak hos dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Derivatif tersirat yang diasingkan daripada hos ini dibawa pada nilai saksama dalam portfolio perdagangan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

##### (h) Harta yang dihalang tebus

Harta yang dihalang tebus ialah harta yang diperoleh bagi menyelesaikan hutang sepenuhnya atau sebahagiannya dinyatakan pada kos dan nilai saksama.

##### (i) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua butiran hartanah, loji dan peralatan pada asalnya dicatatkan pada kos. Kos selanjutnya dirangkumkan ke dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya sekiranya ada kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengan butiran ini akan diperoleh oleh Kumpulan dan Bank dan kos butiran tersebut boleh diukur secara pasti. Apabila bahagian hartanah, loji dan peralatan yang penting perlu diganti secara berkala, Kumpulan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat berguna dan susut nilai khusus. Begitu juga, apabila pemeriksaan besar-besaran dilakukan, kos diiktiraf dalam jumlah dibawa loji dan peralatan tersebut sebagai alat ganti jika kriteria pengiktirafannya dipenuhi. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia dikenakan.

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna yang tidak terhad, maka ia tidak disusut nilai. Kerja-kerja baik pulih yang sedang dijalankan juga tidak disusut nilai kerana aset ini belum sedia untuk digunakan.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dilaksanakan menurut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai residualnya atas jangkaan hayat aset tersebut, seperti berikut:

Bangunan atas tanah pegangan bebas	33 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajak dan tanah pegangan pajak	33 tahun atau baki hayat, mana yang lebih singkat
Perabot dan peralatan pejabat	6-7 tahun
Penambahbaikan dan pengubahsuaian bangunan	5 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan komputer	3-5 tahun

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

#### (i) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Butiran dalam hartanah loji dan peralatan dinyahiktiraf setelah ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada dengan jumlah dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi dan bahagian lebihan penilaian semula yang tidak digunakan ke atas butiran tersebut dibawa secara langsung ke perolehan tertahan.

#### (j) Mata wang asing

##### (i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di tempat entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga menjadi mata wang fungsian Bank.

##### (ii) Urus niaga dan baki mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diukur dalam mata wang fungsian Bank dan subsidiarinya yang berkenaan dan dicatatkan semasa pengiktirafan permulaan dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang hampir sama dengan yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing ditukar pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh ia dilaporkan. Butiran bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing yang diukur pada kos asal ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga permulaannya. Butiran bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran akibat daripada penyelesaian butiran kewangan atau semasa pertukaran butiran kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi perbezaan pertukaran daripada butiran kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi luar negara, yang diiktiraf pada mulanya dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab urus niaga mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan semasa pelupusan operasi luar negara berkenaan.

Perbezaan pertukaran akibat daripada terjemahan butiran bukan kewangan dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam untung dan rugi bagi tempoh kecuali bagi perbezaan akibat daripada terjemahan butiran bukan kewangan berkenaan dengan untung dan rugi diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran akibat daripada butiran bukan kewangan sedemikian juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

##### (iii) Operasi luar negeri

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi luar negeri yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza daripada mata wang pembentangan (RM), masing-masing ditukarkan ke dalam mata wang pembentangan pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut, yang hampir dengan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut, dan pada kadar pertukaran penutup pada tarikh laporan. Kesemua perbezaan pertukaran yang terhasil dibawa secara langsung ke pendapatan komprehensif dan seterusnya diiktiraf dalam penyata pendapatan setelah pelupusan operasi luar negeri berkenaan.

#### (k) Peruntukan untuk liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi semasa disebabkan peristiwa masa lepas dan berkemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk memenuhi obligasi ini, dan anggaran pasti bagi jumlah ini boleh dibuat. Apabila kaedah terdiskaun digunakan, kenaikan dalam peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

##### (l) Pengurangan nilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai sama ada terdapat petanda bahawa sesuatu aset mungkin terjejas pada setiap tarikh laporan. Jika wujud petanda sedemikian, atau apabila penilaian pengurangan nilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah aset yang boleh diperoleh semula.

Jumlah aset yang boleh diperoleh semula adalah nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual atau nilainya dalam kegunaan, mengikut mana yang lebih tinggi. Bagi tujuan menaksir pengurangan nilai, aset dikumpulkan di peringkat paling rendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjaanaan tunai ("CGU") yang berasingan.

Dalam usaha menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan terdiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pracukai yang mencerminkan taksiran nilai masa wang yang dibuat oleh pasaran semasa dan risiko yang khusus bagi aset tersebut. Apabila jumlah dibawa sesuatu aset melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula, aset tersebut diturun nilai kepada jumlahnya yang boleh diperoleh semula. Pengurangan nilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diutamakan dahulu bagi mengurangkan jumlah dibawa apa-apa muhibah yang diutamakan kepada unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudiannya, untuk mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit berkenaan secara pro-rata.

Pengurangan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset yang dinilai semula sebelum ini yang mana penilaian semula dibawa ke pendapatan komprehensif lain. Dalam hal ini, pengurangan nilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif setakat jumlah apa-apa penilaian semula yang terdahulu.

Taksiran dibuat pada setiap tarikh laporan mengenai sama ada terdapat petanda bahawa pengurangan nilai yang dahlunya diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Kerugian pengurangan nilai yang dahlunya telah diiktiraf dikebalikkan hanya jika terdapat apa-apa perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperoleh semula sejak kerugian pengurangan nilai terakhir diiktiraf. Jika demikian, jumlah dibawa aset tersebut ditambah kepada jumlah yang boleh diperoleh semula. Peningkatan ini tidak boleh melebihi jumlah dibawa yang sepatutnya ditentukan, ditolak susut nilai, jika tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini. Berbalik seperti ini diiktiraf dalam untung atau rugi, melainkan aset diukur pada jumlah yang dinilai semula, yang dalam hal ini, berbalik dianggap sebagai kenaikan penilaian semula. Kerugian pengurangan nilai atas muhibah tidak berbalik dalam tempoh yang berikutnya.

##### (m) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan baki bank dengan bank-bank dan institusi kewangan lain, serta deposit jangka pendek yang mudah ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk pada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

##### (n) Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Apabila aliran keluar manfaat ekonomi kemungkinan besar tidak diperlukan, atau jumlah berkenaan tidak dapat dianggarkan secara pasti, obligasi tersebut didedahkan sebagai liabiliti luar jangka, kecuali kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah sangat tipis. Obligasi yang mungkin wujud, yang kewujudannya akan hanya disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi adalah sangat tipis.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin berbangkit daripada peristiwa masa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh sama ada berlaku atau tidaknya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang berada di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi menzahirkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi akan mengalir masuk, tetapi tidak dapat dipastikan dengan tepat.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2012 (8 JAMADIL AWAL 1433H)

## 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

#### (o) Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Bank. Ketidakhadiran yang diberi pampasan yang berkumpul jangka pendek seperti cuti tahun berbayar, diiktiraf seiringan dengan perkhidmatan yang diberi oleh pekerja, dan ini meningkatkan kelayakan mereka untuk ketidakhadiran yang diberi pampasan pada masa depan. Ketidakhadiran yang diberi pampasan tidak berkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

##### (ii) Pelan caruman yang ditentukan

Pelan caruman yang ditentukan adalah pelan manfaat yang mana Kumpulan dan Bank membayar caruman tetap ke dalam entiti yang berasingan atau dana dan tidak akan mempunyai apa-apa obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tersebut tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh semasa dan tahun kewangan sebelumnya. Sumbangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung dan rugi seperti yang ditanggung. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

#### (p) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf setakat terdapatnya kemungkinan manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank dan pendapatan tersebut boleh diukur dengan pasti. Kriteria pengiktirafan khusus berikut hendaklah dipenuhi sebelum pendapatan diiktiraf:

##### (i) Untung dan pendapatan daripada pembiayaan

Bagi semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas, aset kewangan yang menerima untung yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual dan instrumen kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pendapatan atau perbelanjaan untung dicatatkan menggunakan kadar untung efektif, iaitu kadar yang mendiskaun pembayaran atau penerimaan tunai masa hadapan secara tepat sepanjang jangka hayat instrumen kewangan tersebut atau tempoh yang lebih singkat, mengikut kesesuaian, kepada jumlah dibawa bersih aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut. Pengiraan ini mengambil kira semua terma kontraktual instrumen kewangan tersebut (contohnya, pilihan pembayaran) dan merangkumi apa-apa fi atau kos tambahan yang berpunca secara langsung daripada instrumen tersebut dan merupakan bahagian yang melengkapkan kadar untung berkesan, tetapi bukan kerugian kredit masa depan.

Bagi aset kewangan yang terjejas, apabila nilai aset kewangan telah diturunkan akibat daripada kerugian pengurangan nilai, untung/pendapatan pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar untung yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian pengurangan nilai.

##### (ii) Pengiktirafan fi dan pendapatan lain

Pengaturan pembiayaan, fi pengurusan dan penyertaan, komisen taja jamin, fi jaminan dan fi pembrokeran diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan akrual menggunakan kaedah pembahagian masa. Fi daripada aktiviti penasihat dan pembiayaan korporat diiktiraf setelah ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun selepas setiap peringkat tugas berkenaan selesai.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Bank untuk menerima pembayaran ditetapkan.

#### (q) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas untung atau rugi bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunggak. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan yang belum berbayar bagi untung boleh cukai tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Secara prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan setakat yang terdapat kemungkinan akan wujud untung boleh cukai yang boleh digunakan untuk menolak perbezaan, kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan.



### 3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 3.4 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

##### (q) Cukai pendapatan

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara yang berpunca daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan semasa urus niaga, tidak menjejaskan untung perakaunan mahupun untung boleh cukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan berkuat kuasa dalam tempoh aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kedudukan kewangan tersebut. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan ke dalam pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa, kecuali apabila ia berpunca daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, yang dalam hal ini, cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia berpunca daripada gabungan perniagaan yang merupakan pemerolehan, yang dalam hal ini cukai tertunda tersebut dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil atau apa-apa kelebihan kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang boleh dikenal pasti yang melebihi kos gabungan tersebut.

##### (r) Zakat

Ini mewakili zakat perniagaan. Ia merupakan jumlah yang wajib dibayar oleh Bank sebagai mematuhi prinsip Syariah. Peruntukan zakat dikira berdasarkan kaedah 2.5% daripada pertumbuhan dana para pemegang saham.

#### 3.5 Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang penting

